

Bil. 18

**Isnin
5 Disember 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA		
- Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman	1)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	1)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	2)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman	3)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	3)
USUL:		
Mengganti Tugas Timbalan Yang di-Pertua di Bawah P.M 6	(Halaman	26)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	(Halaman	27)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dato' Sri SA. Vigneswaran
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim
4. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Datuk Haji Abidullah bin Salleh
7. “ Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
10. “ Puan Hajah Azizah binti Harun
11. “ Puan Bathmavathi Krishnan
12. “ Datuk Seri Boon Som A/L Inong (Dilantik)
13. “ Dato' Chai Kim Sen
14. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. “ Datuk Chin Su Phin
18. “ Datuk Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
19. “ Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
20. “ YM. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
21. “ Dato' Goonasakaren A/L Raman
22. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. “ Dato' Indera Hoh Khai Mun (Pahang)
24. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung
25. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
26. “ Tuan Isa bin Ab Hamid
27. “ Datuk Jamilah Sulaiman
28. “ Dato' Jaspal Singh
29. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
30. “ Datuk Haji Kadzim M.Yahya (Sabah)
31. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
32. “ Dato' Sri Khairudin Samad
33. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)

34. Yang Berhormat Dato' Lee Chee Leong (Perak)
- *Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*
35. " Datuk Lihan Jok (Sarawak)
36. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
37. " Datuk Dr. Lucas Umbul (Sabah)
38. " Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit
39. " Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Oardin
40. " Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Hj. Mohd. Nor
41. " Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty – (Selangor)
42. " Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
43. " Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
44. " Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
45. " Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai
46. " Datuk Ng Chiang Chin
47. " Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
48. " Datuk Norliza binti Abdul Rahim
49. " Datuk Paul Low Seng Kuan
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
50. " Datin Rahimah binti Haji Mahamad
51. " Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
52. " Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal
53. " Puan Shanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
54. " Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
55. " Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
56. " Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam
57. " Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader
58. " Tuan Wilfred Yong Chen Leong
59. " Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
60. " Datuk Yoo Wei How
61. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus
62. " Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
63. " Datuk Zali bin Mat Yasin

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara

Encik Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Muhd Sujairi Bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nurul Atikah binti Basrudin

Nor Effazimmah binti Maliki

Cik Nur Annisa binti Hamid

Cik Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Nurul Fadhilah binti Ibharim

Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 5 Disember 2016
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi dan selamat sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar waktu Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 18 November 2016:

1. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan
2. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen ini dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (2015) 2016;
2. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2016;
3. Akta Syarikat 2016;
4. Akta Skim Kepentingan 2016;
5. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2016;
6. Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2016;
7. Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016;
8. Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016;
9. Akta Agensi Antidadah Kebangsaan (Pindaan) 2016;
10. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2016;
11. Akta Keterangan (Pindaan) 2016;
12. Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016;

13. Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 2016;
14. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016;
15. Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2016;
16. Akta Pertahanan Awam (Pindaan) 2016; dan
17. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2016.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara ini mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“24 November 2016

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. DR.5/2016 – Rang Undang-undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016;
2. DR.12/2016 – Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016;
3. DR.14/2016 – Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016;
4. DR.17/2016 – Rang Undang-undang Perbekalan 2017;
5. DR.18/2016 – Rang Undang-undang Kewangan 2016;
6. DR.24/2016 – Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Anugerah 2016;
7. DR.19/2016 – Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2016;
8. DR.16/2016 – Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2016;
9. DR.15/2016 – Rang Undang-undang Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pindaan) 2016;
10. DR.22/2016 – Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016; dan
11. DR.23/2016 – Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2016.

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan yang Dibaca Kali Yang Kedua dan Ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

■1010

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Khairudin Samad** minta Menteri Kesihatan menyatakan, berapa ramai doktor pakar diletakkan di pusat-pusat kesihatan terutamanya kawasan luar bandar. Ini kerana keperluannya amat tinggi bagi membantu rakyat mendapatkan rawatan serta mengurangkan kesesakan di Hospital Besar. Apa langkah kementerian dalam meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan di klinik desa serta pusat-pusat kesihatan.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi Kementerian Kesihatan menjawab soalan yang pertama untuk penggal ini. Ini bermaksud negara akan sentiasa ada dalam keadaan yang sihat. Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan soalan lain yang menyentuh isu berkaitan jumlah doktor pakar yang telah ditempatkan di kawasan luar bandar dan apakah ini inisiatif terkini kerajaan dalam memperkasakan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar termasuk pendalaman Sabah iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin pada 5 Disember.

Untuk makluman, selain daripada hospital, perkhidmatan kepakaran yang turut disediakan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah di klinik kesihatan yang di tahap 1, 2, 3 dan 4. Di mana perkhidmatan kepakaran disampaikan oleh Pakar Perubatan Keluarga atau *Family Medicine Specialist*. Sehingga 31 Oktober tahun ini, kementerian mempunyai seramai 258 orang Pakar Perubatan Keluarga yang di tempatkan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut seramai 12 orang Pakar Perubatan Keluarga di tempat di klinik-klinik kesihatan di Sabah. Selain itu terdapat juga seramai lima orang lagi Pegawai Perubatan yang sedang menunggu untuk diwartakan sebagai Pakar Perubatan Keluarga juga ditempatkan di klinik kesihatan luar bandar di Sabah.

Kementerian Kesihatan memberi membuat pelbagai jenis langkah untuk meningkatkan kecekapan dan memperkasakan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan melalui beberapa inisiatif dan semua rawatan dan prosiding yang telah dilakukan di dalam klinik-klinik kesihatan di buat melalui satu proses penyeliaan dan pemantauan yang begitu tinggi dan ini dibuat oleh pegawai-pegawai atasan yang telah mewujudkan KPI-KPI tertentu untuk beberapa daripada perkhidmatan yang dilakukan dan KPI ini dipantau secara rapi.

Beberapa perkhidmatan yang disampaikan oleh jururawat dilakukan oleh jururawat khusus dan pada masa sekarang kita memberi apa yang dipanggil *personalized care*. Contohnya seorang ibu yang mengandung mendapat nasihat daripada seorang jururawat di klinik kesihatan pada kali yang lain bila rawatan dilanjutkan, ibu itu akan jumpa jururawat yang sama. Ini ialah untuk memberi kesinambungan kepada rawatan yang diberi dan untuk memberikan *consistency* kepada nasihat yang diberi oleh seseorang dan mewujudkan satu perhubungan yang lebih sihat di antara para ibu dan para jururawat yang memberi rawatan kepada mereka.

Pegawai-pegawai perubatan, Pakar Perubatan Keluarga yang ditempatkan di sesuatu klinik-klinik kesihatan itu, mereka pun membuat lawatan kepada klinik-klinik desa yang lebih kecil. Melalui lawatan mereka, mereka memastikan bahawa mutu perkhidmatan yang diberi di dalam klinik-klinik desa contohnya, selari dengan apa yang telah ditetapkan oleh kementerian dan konsisten dengan rawatan yang diberi dalam klinik-klinik yang besar. Kita pun ada di dalam klinik-klinik tertentu yang mana pakar-pakar di dalam beberapa bidang di hospital membuat lawatan kepada klinik-klinik kesihatan.

Secara keseluruhan, perkhidmatan yang diberi di klinik-klinik kesihatan telah ditambah dan pada masa sekarang selain daripada perkhidmatan yang bersejarah iaitu *maternal child health clinic*, kita mempunyai taraf perkhidmatan perubatan yang lain contohnya perkhidmatan kawalan-kawalan berjangkit. Contohnya dalam bidang *Tuberculosis* contohnya. Melalui klinik-klinik kesihatan, satu proses saringan dibuat secara meluas dalam kalangan masyarakat iaitu *community based* untuk mengesan mereka yang mempunyai penyakit ini dalam kalangan masyarakat dan melalui itu merawat mereka secara awal mengurangkan risiko untuk penyakit ini merebak kepada orang yang lain.

Seperti apa yang kita sedar bahawa salah satu daripada epidemik besar yang dihadapi oleh negara pada masa sekarang ialah apa yang dipanggil, "*noncommunicable diseases*", atau penyakit-penyakit tidak berjangkit. Untuk menghadapi epidemik ini, kerajaan mempunyai beberapa program yang dituju secara khusus untuk menangani isu ini iaitu rawatan untuk contohnya kepada penyakit kencing manis atau *diabetes mellitus* melalui beberapa satu pasukan holistik yang terdiri daripada doktor, jururawat dan pegawai-pegawai fisioterapi, *pharmacies* dan pegawai-pegawai yang lain untuk memastikan rawatan ini diberi secara lebih menyeluruh supaya kita boleh mendapat satu kejayaan yang tinggi.

Pada tahun yang lalu, kita telah pun mengenalkan satu perkhidmatan baru iaitu dipanggil perkhidmatan *Domiciliary Care*. Di mana satu pasukan dari klinik-klinik kesihatan pergi melawat ke rumah seseorang pesakit yang terlantar contohnya yang tidak boleh berjalan, tidak boleh makan dan mereka memberi nasihat kepada mereka dan memberi bimbingan kepada mereka- mereka boleh juga memberi satu- mewujudkan kepakaran untuk menjaga pesakit ini secara baik. Ini secara ringkas ialah beberapa daripada langkah-langkah yang telah disediakan oleh kerajaan untuk meningkatkan lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan kesihatan yang diberi melalui lebih daripada 3,000 buah klinik kesihatan di seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana soalan pagi ini soalan yang pertama kebetulan jatuh kepada Presiden Majlis Senator Malaysia dan yang menjawabnya ialah Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri juga seorang Presiden Parti MIC. Terima kasih banyak.

Soalan saya, saya berterima kasih kerana kementerian telah berusaha sedaya upaya untuk menghantar pakar-pakar ke desa, kawasan pedalaman. Akan tetapi, apa dan bagaimana pula dengan peralatan ataupun ubat-ubatan yang diperlukan oleh pakar-pakar berkenaan sewaktu berada di kawasan-kawasan desa. Adakah peralatan dan juga ubat-ubatan yang diperlukan oleh pakar-pakar ini disediakan juga oleh kementerian di kawasan-kawasan desa. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan keadaan dahulu dan apa yang kita ada pada masa sekarang, kita boleh nampak suatu peningkatan yang begitu besar dalam kemudahan-kemudahan yang telah disediakan di dalam klinik-klinik kesihatan. Pada masa sekarang, banyak klinik kesihatan khususnya tahap satu, dua dan tiga- pelbagai jenis kemudahan daripada segi peralatan telah disediakan. Contohnya, banyak dari klinik mempunyai keupayaan untuk menjalani pemeriksaan makmal di klinik sendiri. Pemeriksaan makmal yang asas termasuk pemeriksaan *full blood count* atau *biochemistry* yang diperlukan untuk bantu pihak doktor untuk memberi rawatan yang baik boleh dibuat di klinik-klinik kesihatan sahaja. Ini kerana permintaan-permintaan ada.

■1020

Selain daripada itu, ada banyak klinik yang mempunyai mesin *X-ray* di situ supaya *X-ray* boleh diambil di tempat-tempat itu. Kita telah ada kemudahan *ultrasound* di dalam klinik besar dan klinik kecil khususnya di *Maternal and Child Health Clinic*. Banyak dalam kawasan pedalaman ada *ultrasound* kerana ini akan bantu pihak jururawat dan juga doktor yang kadang-kadang ada di situ atau tidak klinik yang mempunyai doktor, di mana doktor melawat ke klinik itu boleh menggunakan kemudahan *ultrasound* untuk mengesan apa-apa risiko yang ada semasa seorang ibu mengandung.

Klinik-klinik kesihatan pun mempunyai *physiotherapist* dalam kemudahannya dan peralatan fisioterapi yang diperlukan. Berkenaan dengan ubat, kementerian mempunyai satu senarai mengikut ubat apa yang diperlu oleh doktor-doktor di dalam satu tahap. Kalau pegawai perubatan umum, apa ubat yang diperlukan supaya mereka boleh menjalankan tugas mereka secara optimum. Kalau pakar keluarga kesihatan, apa ubat tambahan yang diperlu oleh mereka.

Selaras dengan apa yang telah ditetapkan, ubat-ubat ini sentiasa disediakan secara mencukupi. Kadang-kadang kita menghadapi khususnya pada penghujung tahun macam sekarang, di mana klinik sudah menghabiskan bajet yang telah disediakan untuk mereka. Dalam keadaan ini mungkin ada satu jangka masa yang pendek di mana ada kekurangan ubat tetapi kita cuba menyelesaikan itu melalui pemindahan dari klinik-klinik lain atau meningkatkan lagi peruntukan yang diberi kepada klinik-klinik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Suhaimi.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ingin bertanya, kerana kita mendapat maklumat bahawa sepanjang enam tahun yang lepas, setiap tahun 150 orang doktor pakar meninggalkan kementerian kerana lambat naik pangkat dan juga gaji yang tidak mencukupi. Pada masa yang sama juga kita dapat tahu bahawa Kementerian Kesihatan ada *target*-nya. *By 2020*, dengan izin, nisbah yang diletakkan oleh kementerian ialah satu orang doktor pakar kepada 400 orang rakyat, 400 orang pesakit. Kalau 150 keluar setahun dan *by 2020*, kita hendak ada satu orang doktor kepada 400 orang pesakit, saya tidak nampak jalan Yang Berhormat Menteri.

Saya melihat Yang Berhormat Menteri ini orang yang bertenaga. Hari itu saya tengok berita, dalam satu berita pukul 8 itu, pagi Yang Berhormat ada program dengan MIC, petang sudah ada di Johor kerana ada kebakaran. Wah, saya kata Yang Berhormat Menteri ini *superman*. Saya hendak tanya jugalah, apakah vitamin yang Yang Berhormat Menteri makan?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Jadi soalan saya, adakah Yang Berhormat Menteri, pelan yang dibuat oleh kerajaan bagi hendak mencapai tahap atau *target* yang diletakkan oleh kementerian tersebut? Adakah kita masih hendak ambil doktor dari India, daripada Vietnam dan dari Myanmar? Saya takut ini dengan Myanmar, sekarang kalau boleh *stop* sekejap. Kalau ambil doktor dari Myanmar, kita takut dalam keadaan isu sekarang ini kemungkinan kita tahu profesion doktor ini satu profesion yang baik tetapi kemungkinan rasa tidak puas hati itu ada. Jadi saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan, apakah strategi kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan itu, saya kena membetulkan satu butiran yang diberi tentang nisbah doktor dan bilangan penduduk. Nisbah yang disebut itu satu 1:400 ialah doktor pada keseluruhannya bukan terhad kepada doktor pakar. Itu lebih kurang sudah dicapai kerana pada masa sekarang nisbah kita ialah satu orang doktor untuk lebih daripada 550 orang penduduk rakyat Malaysia. Saya mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa nisbah itu boleh dicapai dalam 2, 3 tahun yang akan datang.

Untuk menjawab soalan berikutan dengan doktor pakar dan jumlah mereka yang meletakkan jawatan dan jumlah yang diberi pengiktirafan sebagai doktor pakar ini ialah satu isu yang berterusan. Ini kerana berlanjut daripada keadaan di mana kerajaan memang tidak mempunyai keupayaan untuk memberi imbuhan yang serata dengan apa yang boleh didapati di peringkat swasta. Perkara ini kita kena terima. Contohnya kalau seorang doktor *neurosurgeon* atau seorang *cardiothoracic surgeon* ataupun *orthopedic surgeon* yang boleh mendapat contohnya RM100,000 sebulan dalam pihak swasta. Kalau kita harap kerajaan membayar bayaran yang sama juga, itu satu perkara yang tidak akan berlaku.

So, dengan menerima perkara ini, apa langkah yang dibuat oleh kerajaan ialah satu ialah untuk dalam lingkungan perkhidmatan awam, apa yang boleh dibuat untuk memberi satu keadaan yang lebih selesa kepada doktor yang sedia ada.

Ini kerana satu perkara yang saya mungkin mengambil peluang ini untuk menunjukkan penghargaan daripada kementerian dan saya ingat penghargaan daripada rakyat Malaysia pada keseluruhannya kerana masih ada di dalam doktor-doktor yang bertugas di dalam Kementerian Kesihatan, satu peratusan yang besar yang sudi untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan walaupun mereka boleh mendapat gaji yang lebih tinggi di luar kerana sebab-sebab yang lain.

Contohnya keselesaan perkhidmatan, kerana daripada jati diri mereka, mereka membuat perkhidmatan kepada masyarakat. Mereka berpendapat bahawa itu boleh dibuat melalui perkhidmatan dalam sektor awam sahaja bukan di sektor swasta. Ini kerana ada doktor-doktor macam ini masih dalam perkhidmatan awam mempunyai doktor-doktor pakar yang begitu tinggi.

Beberapa langkah yang dibuat, salah satu daripadanya ialah apa yang kita sudah umumkan baru-baru ini dalam bajet yang lalu. Dengan mewujudkan satu kadar, satu tahap peringkat naik pangkat yang baru yang dipanggil Gred 56. Ini kerana pada pertengahan tahun ini lebih daripada 900 orang doktor pakar yang sudah mendapat kepakaran, yang sudah diwartakan sebagai doktor pakar tetapi mereka ada dalam Gred 54 untuk satu jangka masa yang begitu panjang. Kadang-kadang di antara tujuh sampai 10 tahun tidak dapat peluang untuk naik taraf kepada peringkat JUSA 'C'. Ini kerana jumlah jawatan JUSA 'C' terhad dan ia diwujudkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. So, untuk menghadapi situasi ini supaya kita boleh membantu kumpulan ini lebih daripada 900 orang.

Kerajaan telah pada masa sekarang mewujudkan satu peringkat yang baru iaitu Gred 56. Kita berharap mungkin pada awal tahun yang akan datang di dalam satu bulan lagi, yang 900 ini boleh naik pangkat. So, ini akan memberi satu perasaan yang lebih selesa kepada mereka bahawa walaupun sudah tunggu, harapan untuk jangka masa panjang. Nombor dua ialah untuk meningkatkan jumlah doktor yang diberi peluang untuk mendapat latihan di dalam bidang kepakaran.

Pada tahun 2013, jumlah tempat yang telah diberi kepada kementerian untuk memberi latihan dalam bidang perkhidmatan doktor kepakaran cuma 300 sahaja. Selepas rayuan yang dibuat oleh kementerian dengan mengambil kira beberapa perkara, keadaan yang ada di masa, satu daripada keperluan, kerajaan telah meningkatkan jumlah itu sampai 1,000. Oleh itu dari tahun 2013, jumlah mereka yang diberi peluang sudah tambah daripada 300 sampai 1,000.

So, itu bermaksud pada masa sekarang, pada tahun ini mungkin cuma 300 orang pakar yang akan keluar melalui program latihan kepakaran yang dibuat oleh tiga buah universiti dalam negara kita. Akan tetapi dalam tahun 2018-2019, jumlah ini akan meningkat kepada 800 sampai 1,000 orang. Itu satu peningkatan yang besar. Kita pun ada satu saluran yang lain yang dipanggil *alternative pathway* melalui mana peluang diberi kepada doktor-doktor untuk membuat latihan di kementerian dan mengambil peperiksaan yang dianjurkan oleh pihak *the Royal Colleges* di dalam United Kingdom.

■1030

Ini satu hubungan yang bersejarah, pada masa dahulu pun kita ada doktor-doktor yang mempunyai MRCP, FRCP dan sebagainya, FRCS dan berlanjutan dengan sejarah itu peluang itu ditambah melalui memberi *the alternate pathway*. Kalau ada 800, 900 orang ikut latihan kepakaran di dalam negara, ada lebih daripada 300, 400 orang- tambahan, yang mengikuti kepakaran melalui *alternate pathway*. Melalui langkah-langkah ini saya mempunyai keyakinan walaupun ada mereka yang meletakkan jawatan dan pergi ke sektor swasta tapi jumlah mereka yang masuk ke perkhidmatan awam ini lebih banyak daripada mereka yang meletak jawatan. So, itu ialah jawapan untuk menangani isu ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Menteri oleh sebab penyakit tiga serangkai yang dihadapi oleh ramai rakyat Malaysia iaitu jantung, darah tinggi dan kencing manis. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri kalau doktor-doktor pakar datang melawat, turun sampai ke peringkat Klinik 1Malaysia yang ada di seluruh negara secara berkala dan ini tentunya memberikan kemudahan kepada pesakit-pesakit kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, soalan ini luar daripada soalan pokok, kalau hendak jawab bolehlah.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya kena menjelaskan tujuan penubuhan Klinik 1Malaysia. Tujuan penubuhan Klinik 1Malaysia secara prinsip ialah untuk membantu- pada awalnya itulah tujuan, sekarang sudah lari sedikit, awalnya bertujuan untuk membantu kumpulan yang dipanggil *the urban poor*, iaitu miskin di dalam bandar supaya mereka boleh mendapat contohnya mengambil ubat yang diperlukan secara berulang, contohnya rawatan diabetes.

Ini kerana kalau mereka pergi ke hospital contohnya, kadang-kadang perbelanjaan untuk pergi ke hospital dan balik agak tinggi dan masa yang dibelanjakan untuk pergi ke situ mungkin mereka akan hilang pendapatan pada masa itu. So, kerana ini menjadi satu isu yang besar dalam kalangan *the urban poor*, sebagai satu langkah untuk membantu kumpulan ini, dasar ialah untuk menubuhkan Klinik 1Malaysia dalam tempat kediaman mereka sendiri supaya mereka tidak perlu pergi ke lain-lain tempat dan selepas itu memberi rawatan kepada mereka dan boleh mengambil ubat.

Kalau semasa seseorang penolong pegawai perubatan atau jururawat yang memberi ubat dan perkhidmatan kepada mereka mengesan bahawa mereka memerlukan nasihat daripada seorang doktor atau doktor pakar *then* pesakit itu akan dirujuk kepada mana-mana kemudahan di mana ada doktor pakar di situ, itu prinsipnya. So, selaras dengan itu jawapan saya pada masa sekarang perkara itu satu perkara yang susah kerana untuk sebab-sebab yang saya telah jelaskan tadi. Akan tetapi mereka yang sebenarnya memerlukan rawatan atau nasihat daripada seorang doktor pakar akan dirujuk dan kita akan pastikan mereka mendapat nasihat daripada seorang pakar. Itulah cara macam mana perkara ini akan ditangani. Terima kasih.

2. Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apa antara projek-projek baru bagi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat luar bandar yang bakal dilaksanakan dalam tahun 2017.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi dan salam sejahtera, saya menjawab soalan nombor 2.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2017, kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM5.83 bilion di bawah bajet pembangunan di mana semua projek atau program yang akan dilaksanakan merupakan projek atau program yang akan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat luar bandar yang tertumpu kepada projek-projek *touch point* dan bersifat rakyat *centric*. Antara projek-projek baharu yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

- (i) program Rumah Bina Negara, rumah BN di bawah RISDA dan FELCRA Berhad;
- (ii) program Mobilepreneur untuk belia luar bandar;
- (iii) *Tuition@KKLW* bagi golongan di bawah B40;
- (iv) projek lampu jalan kampung jenis LED; dan
- (v) MARA Digital cadang diperluaskan ke kawasan Kuala Terengganu, Plaza Global, Damansara, dan Wisma Air Melaka di Melaka.

Saya bagi maklumat tambahan sedikit, kementerian juga akan meneruskan projek-projek seperti berikut, projek yang sedia ada. Projek Perumahan Rakyat Termiskin merangkumi pelaksanaan pembinaan baru dan membaik pulih rumah-rumah penduduk miskin dan miskin tegar. Projek Lampu Jalan Kampung (LJK), Projek Jalan Kampung (PJK) dan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), Projek Jalan Luar Bandar (JALB), *Program Rural Business Challenge* (RBC), Program Desa Lestari. Geran dan pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil di bawah FELCRA Berhad dan RISDA dan program pembangunan modal insan seperti latihan kemahiran, latihan keusahawanan serta pelbagai projek atau program yang lain.

Projek ini akan memberi faedah kepada 7.8 juta orang penduduk di luar bandar atau 26.9 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia untuk menikmati kesejahteraan sosioekonomi di luar bandar sama juga seperti di bandar. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Hamzah.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, saya mohon mengambil kesempatan untuk menyampaikan ucapan terima kasih daripada rakyat akar umbi kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang berterusan pagi petang, siang malam dan subuh senja memikirkan serta melaksanakan apa juga keperluan rakyat demi menyejahterakan kehidupan rakyat dan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Satu lagi yang ingin saya sebut salah satunya pelaksanaan Rumah Bina Negara seperti mana yang disebut Rumah BN. Saya sebut sekali lagi Rumah BN. Rumah BN yang menyediakan perumahan generasi kedua luar bandar. Fakta Rumah BN ini harga binaan sebenar RM65,000, harga jualan RM45,000. Insentif kerajaan RM20,000...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Soalan tambahan.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Ya, saya pergi dan ansuran bulanan RM250 sebulan. Soalan saya, apa perancangan kerajaan dan kementerian selanjutnya iaitu apakah Rumah BN ini akan terus dilaksanakan di masa yang akan datang serta ditambah jumlah bilangannya iaitu setelah yang sedia ada ini disiapkan kesemuanya sehingga tahun 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator sebab membantu kementerian menjelaskan kepada Dewan ini dengan cukup jelas. Jadi di situ tidak ada soalan, cuma pada penghujungnya ada juga cadangan ataupun pertanyaan adakah program ini akan diteruskan?

■1040

Sememangnya kita akan meneruskan selagi ada keperluan dan kita nampak masih ada keperluan. Menyelesaikan program ini dengan peruntukan pada peringkat awal ini kita belanjakan. Kemungkinan besar juga keperluannya masih ada. Jangan risulah, Yang Berhormat Senator. Dengan adanya sokongan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi dan kepimpinan Yang Amat Berhormat, sesungguhnya kementerian ini atau kerajaan ini memang kita akan jalankan program ini selagi ada keperluannya untuk masyarakat lebih-lebih lagi yang duduk di luar bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah mekanisme yang diguna pakai dalam mewujudkan RTC iaitu *Rural Transformation Centre* di kawasan luar bandar? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Walaupun RTC tidak disentuh dalam soalan atau pun jawapan tadi, tetapi tidak mengapa.

Sebenarnya RTC ini adalah untuk membantu masyarakat di kawasan luar bandar. Kriteria atau pun kaedah yang diguna pakai untuk menentukan diwujudkan sesebuah RTC itu sebenarnya adalah di kawasan luar bandar di mana ada keperluan untuk RTC ini. Apa-apa objektif atau matlamat RTC ini dan garis panduan sepatutnya mesti dipenuhi iaitu jarak jauh dari bandar atau di mana perkhidmatan-perkhidmatan yang kita wujudkan di RTC ini nanti adalah terdapat di bandar atau pun di UTC yang jauh dari kawasan yang diperlukan RTC. Itu yang penting sebab seperti mana konsep Klinik 1Malaysia tadi, kita hendak mengurangkan beban masyarakat yang kurang pendapatan ini supaya mereka tidak berbelanja besar untuk mendapat perkhidmatan yang boleh didapati di RTC. Itu yang utama sekalilah garis panduan kita atau pun kaedah kita hendak memilih di mana sesuatu tempat ini.

Jadi buat masa sekarang, oleh sebab kita terhad juga daripada segi kewangan, hanya satu RTC di sebuah negeri dahulu. Cuma, di Sarawak dan Sabah kerana kedua-dua buah negeri ini negeri yang begitu besar sekali daripada segi keluasan kawasannya, kita dah dapat dua. Di Sarawak ada sebuah di Sibuti, Miri dan sebuah di Betong yang sudah beroperasi dan juga untuk di Sabah. Memang RTC ini amat disukai ramai.

Jadi kementerian menerima banyak desakan dan permohonan untuk diadakan banyak lagi RTC di mana-mana tempat termasuk di Semenanjung, di sini juga. Sekian, terima kasih.

3. Tuan Ramli bin Shariff minta Menteri Pengangkutan menyatakan, rancangan atau inisiatif bagi memudahkan orang awam yang gagal dalam ujian komputer memperoleh lesen memandu.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa membantu dan memberi peluang kepada orang ramai yang kurang mahir dalam penggunaan komputer terutamanya penduduk luar bandar dan warga emas untuk mendapatkan lesen memandu dengan memperkenalkan sistem ujian bertulis atau pun ujian lisan yang memberi tempoh yang lebih panjang kepada calon dalam sesi menjawab soalan.

Antara saluran yang disediakan adalah seperti berikut. Pertama, mengadakan ujian Bahagian 1 secara bertulis di pejabat JPJ di seluruh negara untuk calon-calon yang gagal ujian berkomputer melebihi tiga kali. Semua calon ujian yang gagal melebihi tiga kali di Pusat Ujian eKhidmat layak menduduki ujian secara bertulis yang dikendalikan oleh pihak JPJ.

Kedua, mengadakan program Satu Komuniti Satu JPJ atau pun singkatannya SKSJ di mana melalui program ini, pemohon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti berumur 45 tahun di Semenanjung dan 40 tahun di Sabah dan Sarawak, dan 21 tahun bagi Orang Asli dibenarkan mengambil ujian khas berkelompok secara lisan atau bertulis bagi kelas lesen motosikal B2 sahaja.

Terakhir ialah mengadakan ujian Bahagian 1 khas bagi pemohon yang buta huruf atau lembam yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan iaitu laporan pemeriksaan pegawai perubatan bagi calon lembam atau pun pengesahan khas daripada pemimpin masyarakat setempat mengenai tahap buta huruf melalui borang yang disediakan tanpa mengabaikan aspek-aspek keselamatan jalan raya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan.

Tuan Ramli bin Shariff: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan saya nombor tiga.

Soalan tambahan saya pula ialah adakah kementerian mempunyai sebarang anggaran atau pun data bagi pengguna-pengguna jalan raya yang tidak berlesen atau pun yang tidak sah iaitu pengguna-pengguna yang tidak mempunyai sebarang kelulusan untuk berada di atas jalan raya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, dianggarkan lebih kurang 1.2 juta orang penunggang motosikal tidak mempunyai lesen. Ini berdasarkan kepada 50 peratus penduduk daripada negara ini yang layak mendapatkan lesen. Daripada 15 juta orang ini, dianggarkan lapan peratus yang tidak mempunyai lesen. Ini berdasarkan daripada penguatkuasaan. Boleh dikatakan setiap kali penguatkuasaan diadakan, didapati ramai yang tidak ada lesen dan ini telah menyumbang kepada kemalangan-kemalangan jalan raya. Jadi lebih kurang 1.2 juta orang penduduk kita tidak mempunyai lesen. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan tadi. Saya tertarik dengan pengguna jalan raya yang tidak mempunyai lesen sampai jumlah 1.2 juta. Jadi, jumlah 1.2 juta ini mereka berada dan menggunakan jalan raya setiap hari, dan risikonya besar kerana mereka tidak mempunyai pendidikan daripada segi pengendalian kenderaan.

Adakah mereka tak mengambil lesen ini berdasarkan kepada ketidakupayaan daripada segi kewangan?

Ataupun memang mereka ada golongan yang memang betul, pertama, tidak keupayaan kewangan atau yang kedua, untuk mengambil lesen seperti belajar di sekolah pemanduan agak tinggi bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan atau pendapatan ataupun mereka ini memang golongan yang tidak ambil kepedulian terhadap keselamatan orang lain di samping keselamatan diri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah faktor-faktor berkenaan dengan 1.2 juta ini?

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, mengenai golongan ini, memang sebahagian besarnya tidak peduli tentang undang-undang dan ini sikap pengguna-pengguna jalan raya yang mana kita dapati berlaku sama ada di luar bandar dan di bandar.

Oleh sebab itu, setelah kerajaan mengenal pasti perkara ini, kerajaan membuat beberapa program iaitu program SKSJ atau Satu Komuniti Satu JPJ yang mana kerajaan memberi kemudahan, SKSJ ini, pihak kerajaan sendiri menganjurkan pemberian lesen ini dengan secara berkelompok yang mana kita memberi kriteria 45 tahun ke atas di Semenanjung, 40 tahun di Sabah dan Sarawak dan 21 tahun kepada Orang Asli.

■1050

Ini kita, dengan memberi satu bayaran yang cukup murah berbanding dengan harga siling RM350. Di samping itu juga untuk anak-anak muda kita juga membuat program yang dipanggil program myLESEN. Program myLESEN ini kita menyasarkan pada tahun ini 80,000 kepada anak-anak muda khususnya pelajar-pelajar sekolah. Ini kita membuat dengan bersama institut memandu (IM) dengan harga siling RM299. Jadi maknanya harga pun telah dikurangkan dan kaedahnya pun mudah.

Maknanya kalau dia gagal ujian berkomputer dua kali, automatik kita membuat ujian bertulis. Kalau dua kali pun tak lulus juga, kita terus bagi ujian secara lisan. Ini hanya hendak pastikan mereka mendapatkan kompetensi dalam undang-undang jalan raya. Ini kerana kita hendak pastikan jalan raya ini selamat untuk semua. Kerajaan telah komited untuk mengurangkan kemalangan jalan raya kepada 50 peratus menjelang tahun 2020. Maka sebab itu kerajaan memberi banyak kemudahan untuk memastikan rakyat mendapatkan lesen. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang kita beralih kepada soalan nombor 4, Tan Sri Nalla K.S.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bangun sudah mahu kacau... *[Disampuk]* Apa pantun? *You* cakaplah nanti pantun. Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat saya dan Menteri yang datang menjawab soalan saya. Soalan saya nombor empat. Terima kasih.

4. Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, sejauh manakah kejayaan program “*Friends of KPDNKK*” (FOK) sehingga hari ini, dan apakah impak program ini khususnya dalam menangani kenaikan harga barang serta penjualan barangan cetak rompak.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab hari ini hari jadi Tan Sri Nalla, saya hendak bacakan satu pantun untuk Tan Sri Nalla pada pagi ini.

*Kampung Selamat indah berseri,
Bandar lama sejarah bonda,
Selamat hari jadi Tan Sri Nalla yang kita kasih,
Kena sedarlah sudah tua jangan perasan macam anak muda [Ketawa]*

Okey Tuan Yang di-Pertua, boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Boleh, boleh. Memang tepat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin: *[Ketawa]* Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, *Friends of KPDNKK* (FOK) merupakan platform untuk penyebaran dan pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan bidang kuasa KPDNKK.

la juga merupakan platform untuk pembentukan masyarakat, pengguna dan peniaga yang saling bekerjasama dan menghormati hak dan sensitiviti antara satu sama lain di samping memberi penerangan dan mendidik ke arah pengguna bijak.

Antara peranannya adalah sebagai mata dan telinga kepada kementerian saya terutama mengenai isu harga barang, mengumpul dan menyebarkan maklumat mengenai isu-isu dan masalah kepenggunaan di kawasan Parlimen masing-masing, membantu KPDNKK dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti kepenggunaan di kawasan Parlimen dan memberi panduan dan membantu ahli masyarakat untuk membuat aduan berkaitan kepenggunaan kepada pihak kementerian.

Penglibatan FOK dalam program-program kementerian adalah di tahap yang sangat baik di mana setiap aktiviti turun padang kementerian kumpulan ini akan terlibat sama bagi membantu aktiviti perniagaan di kawasan terbabit. Malah FOK ini turut berperanan menyalurkan aduan melalui pegawai hal ehwal pengguna daerah yang dilantik di setiap daerah, di setiap negeri yang seterusnya disalurkan ke KPDNKK negeri untuk diambil tindakan.

Dengan adanya penglibatan FOK sebagai mata dan telinga KPDNKK, tindakan lebih cepat dan isu yang berkaitan dapat diselesaikan dengan pantas. Contohnya isu minyak masak di mana ia dapat ditangani hasil bantuan daripada FOK. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh anggota FOK kerana dengan sokongan mereka kita telah berjaya menangani isu minyak masak ini dengan sebaik mungkin.

Penyertaan yang ramai secara mendadak oleh orang ramai untuk menjadi ahli FOK, ia dilancarkan pada tahun lalu merupakan kejayaan besar kepada pihak kementerian. Ia menunjukkan betapa rakyat sangat menyokong dan teruja untuk bersama-sama membantu bagi menangani isu-isu kepenggunaan terutamanya yang melibatkan harga barangan serta penipuan peniaga.

Antara kesan penglibatan ini di dalam membantu pihak kementerian ialah banyak aduan yang diterima oleh kumpulan ini terutamanya melalui akaun *Facebook* FOK. Aduan ini diterima dengan cepat dan disertakan dengan bukti bergambar yang membolehkan tindakan segera diambil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Walaupun Menteri sibuk, sudi datang pada pagi ini. Soalan tambahan Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ada. Ada soalan tambahan, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah pantunlah.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tak payah? Kalau *you* mahu, saya boleh cakap pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Tak payah.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tak apa. Dia sudah cakap. Tuan Yang di-Pertua sudah cakap tak mahu, saya tak mahu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri... *[Disampuk]* Semua kawan baik sini. Dewan semua kawan baik bukan dia seorang. Dia rambut sudah putih, *older than me*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri, soalan tambahan.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ditanya pun saya jawab. Itu pun tambahan juga. Betul.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tan Sri.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Okey, saya tanya Menteri dulu. Terima kasih Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah penyertaan rakyat dalam program ini? Berapakah jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan dan dibelanjakan setakat ini? Terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Walaupun Yang Berhormat Tan Sri masih lagi belum menjadi ahli FOK, maka angka yang kita dapati setakat hari ini sudah lebih kurang 400,000. Perbelanjaannya agak kecil kerana kita tidak mempunyai bajet untuk itu.

Apa yang kita lakukan adalah semata-mata pendaftaran dan kita membantu dan bekerjasama melalui *Facebook*. Maka perbelanjaannya tidak ada angka di sini. Cuma saya hendak jelaskan tidaklah mempunyai satu angka yang besar buat masa ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkait dengan harga minyak masak yang naik baru ini juga. Jadi kerajaan telah pun memberi notis kepada para peniaga bahawa minyak masak ini akan naik harga bermula tarikh-tarikh yang ditetapkan.

Cuma persoalan saya beberapa hari sebelum harga baru tersebut efektif, barang-barang berkenaan telah mula tiada dalam pasaran. Saya yakin ia berpunca daripada peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan menyorok barang-barang yang naik harga ini.

Jadi selain daripada menerima aduan daripada pengguna, apa tindakan langkah berjaga-jaga yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan menyorok barang-barang yang bakal naik harga ini. Tindakan yang berjadual dan efektif oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

■1100

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak jelaskan, pertama soalan yang Yang Berhormat memberi kepada saya ini, satu hendak perbetulkan dulu, perbaiki. Apabila Yang Berhormat kata tentang isu minyak masak, kerajaan memberikan notis seolah-olah harga minyak masak akan naik, itu tidak betul, tidak betul sama sekali. Kerajaan tidak pernah pun bagi notis untuk naikkan harga minyak masak.

Jadi itulah lain kali Yang Berhormat, jadi ahli FOK supaya Yang Berhormat akan lebih tahu. Apabila Yang Berhormat tidak jadi ahli, itulah dia timbul bila persepsi kita tengok melalui media sosial ini, kita percaya kerajaan sudah kata harga minyak masak naik. Mungkin Yang Berhormat salah seorang yang beli cepat, *panic buying*. Oleh sebab itu saya menggalakkan supaya seluruh rakyat yang ada dalam negara kita ini menganggotai, jadi ahli FOK supaya kita menjadi kumpulan yang mengikut konsep *Tabayyun*. Kita selidik dulu, kita *check* sama ada benda itu sah ataupun tidak.

Sebenarnya tidak timbul, yang dibangkitkan seolah-olah harga barang ini akan naik, tidak naik pun. Sebab itu bila ada *panic buying*, menyebabkan bekalan tidak cukup dalam negara kita. Sebab orang rasa seolah-olah betul akan naik, semua orang beli banyak. Bila beli banyak, stok yang sepatutnya tiap-tiap bulan yang kita keluarkan itu, kuota yang telah pun kita berikan itu tidak mencukupi. Maka apa yang kita lakukan kita turun ke bawah. Semua penguat kuasa turun ke bawah cuba untuk menangani isu ini, kita *check* siapa yang sorokkan barang. Akhirnya kita sudah ada 40 kes. Daripada 40 kes ini, sudah 10 kita ambil tindakan dan kita bawa mereka kepada pihak pengadilan.

Maka sebab itu saya minta supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini jadilah ahli FOK, sama ada ia datang daripada kumpulan mana sekalipun kita tidak kisah. Apa yang penting supaya kita menjadi ahli ataupun menjadi pengguna, kumpulan pengguna yang tahu akan tanggungjawab kita, yang tahu akan hak kita dan tahu untuk membantu kerajaan untuk mengambil tindakan kalau disalahgunakan oleh mana-mana peniaga.

Hari ini tindakan yang efektif saya hendak terangkan, masalah yang ditimbulkan oleh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi benar. Minggu yang pertama *panic buying*, yang kedua sorok dan ketiga kerana persepsi seolah-olah minyak masak itu bila dibungkus dalam *poly bag* sesuatu yang tidak berkualiti. Semuanya kita ambil tindakan dengan secepat mungkin, bantuan daripada ahli-ahli FOK yang saya sebutkan tadi. Terima kasih banyak. Terima kasih.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. *We are friends of the grey hair*, 16 April. Saya ingatkan Yang Berhormat Menteri sebab tadi ada ucapan hari jadi, jadi saya 16 April supaya Yang Berhormat Menteri ingatlah, jangan Yang Berhormat Menteri lupa pula. *We are friends of the grey hair*, dengan izin [*Ketawa*]

Saya hendak tanya FOK ini Yang Berhormat Menteri, boleh tidak kita libatkan juga mereka ini dengan barang-barang kecurian yang dijual, yang dijual semula. Ini kerana bila kita membiarkan, berlakunya pencurian yang lebih hebat daripada terutama penagih dadah untuk dijual ke kedai, kemudian kedai jual balik kepada kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata tadi sebenarnya ahli-ahli FOK ini dia menjadi mata dan telinga kepada Kementerian. Bukan hanya tentang isu harga, tetapi juga kebanyakan daripada semua masalah kepenggunaan yang ada dalam negara kita ini, saya minta supaya ahli-ahli ini ketengahkan. Dia akan memberi dan menyampaikan berita dengan secepat mungkin supaya kita boleh ambil tindakan.

Contohnya, kalaulah sesuatu peniaga yang mengeluarkan kenyataan yang seolah-olah barang yang dijual itu yang berkualiti. Saya hanya ada pegawai penguat kuasa seramai 2,500 orang. Daripada segi keseluruhan negara kita, saya hendak beri contoh, satu contoh sahaja. Kedai restoran mamak, *Indian Muslim restaurant*, ada 10,000 *Indian Muslim restaurant* di seluruh negara. Itu sahaja sudah 10,000, belum lagi kedai-kedai runcit yang lain. Maka bermakna saya memerlukan ramai, memerlukan mata dan telinga ramai daripada seluruh rakyat yang ada.

Perjuangan kita adalah untuk menentukan kepenggunaan ini menjadi sesuatu yang paling hebat di seluruh dunia. Kerana apa? Ini kerana peniaga berhemah, pengguna tahu akan tanggungjawabnya supaya dalam *open economy* atau konsep ekonomi terbuka yang kita bawa dalam negara kita ini boleh kita sama-sama pastikan ia menjadi kenyataan. Maka sebab itu kalau ada barang-barang kecurian, barang-barang yang dijual itu barang-barang yang tidak *genuine*, maka kita hendak supaya mereka beri laporan dengan secepat mungkin. *Insyallah* tindakan akan diambil dengan juga secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Tuan Wilfred Yong Chen Leong.

Tuan Wilfred Yong Chen Leong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli MIC Bahagian Pandan dan Petaling Jaya Selatan ke Dewan Negara [*Tepuk*] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

5. Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk melepaskan status bebas cukai khasnya di Pulau Langkawi, Wilayah Persekutuan Labuan dan Pulau Tioman dan apakah impaknya kepada kerajaan dan ekonomi setempat di ketiga-tiga buah pulau berkenaan.

Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk menarik balik status Pulau Bebas Cukai ataupun PBC di Pulau Langkawi, Labuan dan Tioman.

Walau bagaimanapun, untuk membendung ketirisan hasil duti cukai, kerajaan telah menstrukturkan semula saluran jualan rokok dan minuman keras berkuat kuasa mulai 1 November 2016. Melalui langkah ini, jualan rokok dan minuman keras dihadkan kepada Kedai Bebas Cukai ataupun KBC yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Selain itu, Jabatan Kastam turut menambah baik pelaksanaan langkah tersebut dengan membenarkan penjualan produk rokok dan minuman keras bebas cukai secara *loose pack* di kedai runcit, kedai kopi, restoran dan kafeteria yang berdaftar dengan Jabatan Kastam bagi kemudahan pelancong tempatan, pelancong asing dan mereka yang tinggal menetap di Pulau Bebas Cukai.

Bagi kawalan ke atas kenderaan pula, pergerakan keluar kenderaan berdaftar ke kawasan utama Kastam bagi semua kenderaan penumpang berkapasiti enjin kurang daripada 2,500cc dan ke bawah serta kenderaan penumpang selain daripada kereta saloon yang melebihi kapasiti enjin 2,500cc seperti *truck pickup*, kenderaan *four-wheel drive* dan *multi-purpose vehicle* (MPV) tidak perlu mengemukakan jaminan bank dan memadai mengemukakan bon am sahaja. Manakala kenderaan penumpang jenis saloon berkapasiti enjin melebihi 2,500cc pula hendaklah mengemukakan jaminan bank sebanyak 50 peratus daripada nilai duti cukai. Selain itu, sekatan 30 hari bagi setiap perjalanan sehingga maksimum 90 hari setahun dalam setahun kalendar telah dipinda kepada tidak melebihi 90 hari setahun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

Tuan Wilfred Yong Chen Leong: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Saya ingin mengetahui, adakah kerajaan telah mengkaji kesan pelaksanaan penstrukturan ini kepada peniaga-peniaga setempat sejak ia diperkenalkan seberapa efektifnya? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Pada mulanya apabila kita mula memperkenalkan ini, terdapat sedikit *confusion* di kalangan peniaga-peniaga terutama kepada penduduk-penduduk di ketiga-tiga pulau ini. Mereka merasakan agak sukar untuk membeli rokok secara *loose pack* dan juga membeli minuman keras dalam kedai-kedai, restoran dan juga kedai-kedai makan.

■1110

Oleh sebab itu, pihak kastam telah mengubah sedikit prosedur di mana kita mewujudkan dua jenis kedai bebas cukai. Pertama, Kedai Bebas Cukai Pertama iaitu KBC 1 digunakan untuk mereka yang menjual secara kanton. Kemudian kita mewujudkan satu KBC 2 iaitu untuk kedai-kedai, restoran, kedai-kedai runcit yang boleh menjual *loose pack*. Dengan alasan ialah kita hendak monitor, di mana pergi ketirisan penjualan rokok dan arak ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mengikut statistik kita, rokok yang diimport ke Labuan, contoh Langkawi dan Tioman. Rokok-rokok yang masuk dalam Labuan, Langkawi dan Tioman berjumlah 3.6 bilion batang rokok, penggunaan tempatan cuma 176 juta. Kemudian rokok yang dibeli oleh pelancong dibawa keluar cuma 209 juta tetapi yang tidak dapat kita *trace* 3.3 bilion- rokok.

Jadi, *tax* daripada ini, RM1.3 bilion kita tidak tahu mana pergi. So, sebab itu kita *implement* sistem ini untuk mematikan bukan hendak *punish* penduduk-penduduk dalam ketiga-tiga pulau ini. Akan tetapi kita hendak cari di mana pergi rokok-rokok dan arak yang dibawa masuk dalam pulau-pulau ini tidak direkodkan. Kebanyakan daripada barang-barang ini patah balik kepada *mainland* iaitu kita telah merosakkan ekosistem perniagaan di kawasan-kawasan yang tidak ada bebas cukai. Bermakna ambil rokok daripada bebas cukai, jual kepada kawasan yang bukan bebas cukai. Ini yang kita hendak *control* supaya tidak ada ketirisan daripada penyalahgunaan status *free duty* ini.

Begitu juga di peringkat penjualan arak, ataupun *liquor*. Bawa masuk 27.7 liter ketiga-tiga pulau ini, diguna pakai dalam pulau oleh pengguna tempatan 3.5 juta liter, dibawa keluar oleh pelancong dua juta liter tetapi 22 juta liter tidak tahu mana pergi. Jumlah *tax* yang kita hilang RM3.98 milion, tadi RM1.3 bilion, ini RM3.98 milion.

Jadi kerajaan hendak melihat bagaimana kita hendak tengok mana pergi barang-barang yang dibawa masuk dalam ketiga-tiga pulau ini tetapi tidak direkodkan, takkan pengguna pakai banyak tu punya banyak. Sebab pengguna pakai kita dah *estimate* sudah berapa banyak, jadi *the missing* tu. Jadi kemungkinan besar, kastam menjangkakan bahawa sebahagian daripada produk-produk ini, balik ke tanah *mainland* yang mana tidak ada *free duty*. Maka dia akan berlaku merosakkan ekosistem kerajaan. Contoh kalau kita ada kedai runcit di Sabah ataupun di Sarawak, jual rokok RM17, tetapi oleh sebab *supply* datang dari pulau bebas cukai, kemungkinan besar dia boleh jual rokok cuma RM12, RM13.

So, *this is where* kita hendak jaga supaya mereka yang membayar cukai tidak teraniaya perniagaan mereka. *That is the whole objective* yang kita hendak buat. *Transition period* memang kita berdepan dengan masalah sedikit kerana ramai peniaga akan marah, tetapi dalam jangka masa panjang kita dapat menyelesaikan banyak masalah dan kemungkinan besar apabila kerajaan dapat menutup balik ketirisan ini, duit-duit ini boleh diguna pakai untuk membangunkan pulau-pulau yang untuk jangka masa panjang. Terima kasih.

6. Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilangan kekuatan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) di sempadan Malaysia-Thailand, Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Singapura serta bagaimanakah cara kerajaan dapat memastikan ketirisan aktiviti penyeludupan manusia dan barangan kawalan dapat dikawal secara efektif.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat untuk kemukakan soalan mengenai AKSEM.

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia ataupun AKSEM yang baru ditubuhkan pada peringkat awalnya hanya beroperasi di empat buah negeri sahaja, iaitu Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan yang bersempadan dengan Thailand sahaja. Kekuatan pegawai dan anggota AKSEM kini adalah seramai 909 orang. Terdiri daripada keanggotaan tiga buah agensi utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan juga Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Pada masa ini AKSEM belum lagi beroperasi di sempadan Malaysia-Indonesia dan juga Malaysia-Singapura dan kawasan operasi ini akan diperluaskan setelah Rang Undang-undang AKSEM yang mungkin akan dibentangkan dan diluluskan di Parlimen pada bulan Mac tahun hadapan. Justeru operasi AKSEM pada masa ini hanya mengguna pakai arahan Majlis Keselamatan Negara No.15.

Kerajaan melihat aktiviti penyeludupan ini berupaya memesonkan sumber negara apabila dieksploitasi untuk mengaut keuntungan. Bagi memastikan ketirisan hasil dan aktiviti penyeludupan manusia serta barangan kawalan dapat dikawal secara efektif, pengurusan operasi AKSEM akan disusun semula dan diperkemas supaya dapat dimantapkan kekuatannya secara menyeluruh selaras dengan cabaran dan tuntutan pada masa kini dan masa hadapan. Kawasan sempadan negara yang sangat luas dan kepelbagaian bentuk muka bumi turut menuntut keperluan penyusunan semula, kerana isu penyeludupan di sempadan merupakan salah satu cabaran terutama pihak penguat kuasa.

Kerajaan memandang serius perkara ini malah komited untuk menangani isu penyeludupan dan aktiviti yang menyalahi undang-undang di sempadan negara. Oleh yang demikian, cadangan peluasan skop operasi AKSEM ini merupakan antara usaha utama yang di gerak bagi memperkukuhkan dan memperkasakan lagi kekuatan sedia ada agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan negara secara bersepadu di bawah konsep *National Blue Ocean Strategy* atau NBOS dan diyakini NBOS dapat menangani secara efektif aktiviti penyeludupan dan isu ketirisan hasil negara di bawah satu pasukan penguat kuasa yang bergerak secara bersepadu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan soalan tambahan Yang Berhormat Datuk Hajah Mariany binti Mohd Yit.

Datuk Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan kedua ialah apakah status pembinaan pagar pemisah sempadan terutama di utara Semenanjung Malaysia yang bersempadan dengan Selatan Thailand. Serta bagaimana KDN dgn kerjasama Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia bagi memastikan laluan atau akses yang tidak mempunyai pos kawalan sempadan dijaga atau dipantau rapi bagi memastikan kes seperti kem transit penyeludupan manusia haram di Wang Kelian tidak berlaku lagi. Terima kasih.

Tuan Masir Anak Kujat: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sempadan Malaysia-Thailand sekarang sudah ada tetapi agak uzur dan kita sudah meluluskan pembinaan pagar sempadan di antara Malaysia dengan Thailand termasuk mulai dari Perlis hingga ke Kelantan. Setakat ini yang saya fahamkan, mungkin kelulusan sudah diberi tetapi kita menunggu pelaksanaannya.

Untuk *post* sempadan memang bukan sahaja di Kelantan malah di negeri Sabah, Sarawak pun kita banyak dah lulus tetapi memandangkan kekangan ekonomi pada masa kini tidak benarkan peruntukkan diberi dan sudah pasti kalau kita lihat di Kelantan sendiri, saya pernah pergi ke Golok dan Rantau Panjang sudah memang ada *post* sempadan ataupun *post* imigresen atau CIQS tetapi untuk mengekang ketirisan memang kita tidak dapat dinafikan memang ada yang bolos dan ada juga yang kena tangkap. Sekian terima kasih.

7. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, adakah pihak kementerian mempunyai kuasa untuk menyelesaikan isu permasalahan air terutama di negeri Selangor akibat daripada kegagalan kerajaan negeri menyelesaikan bantuan bekalan air untuk rakyat.

■1120

Untuk makluman Senator, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) mempunyai kuasa melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk membantu dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan air di negeri Selangor. Setakat ini, negeri Selangor tidak ada skim untuk bantuan air kepada rakyat. Walaupun seperti mana yang kita tahu bahawa pengurusan air adalah di bawah kuasa kerajaan negeri di negara kita. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, walaupun tidak berapa sihat sudi datang ke Parlimen pada pagi ini.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Seperti yang kita ketahui masalah air di Selangor ini merupakan satu masalah yang cukup serius di mana isu ini telah digunakan, bahkan dipolitikkan oleh pihak kerajaan negeri. Pada kita, Kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang cukup prihatin, untuk melihat dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi rakyat.

Persoalan saya, ketepikan politik Kerajaan Negeri Selangor yang saya rasa telah menzalimi rakyat negeri Selangor, saya duduk di Selangor. Apa langkah-langkah kita sebagai kerajaan, pihak kementerian- apakah langkah-langkah yang sewajarnya yang boleh kita ambil untuk memastikan kita dapat membantu menyelesaikan masalah ini secara *short-term* dan *long-term* supaya rakyat tidak akan menderita pada masa-masa hadapan? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan itu, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kementerian ini KeTTHA, daripada segi *long-term* untuk menyelesaikan masalah bagi membantu rakyat negeri Selangor adalah untuk menyalurkan air dari Pahang ke Selangor jika diperlukan, lebih-lebih lagi semasa berlakunya El Nino. Jadi, ini sudah pun dilakukan oleh kementerian dan setakat ini jika air disalurkan dari Pahang ke Selangor iaitu 300 MLD bayarannya ialah kerajaan negeri Selangor. Akan tetapi infrastruktur untuk menyalurkan air ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan, ini untuk membantu rakyat di negeri Selangor.

Baru-baru ini ada satu masalah pada 7 Oktober, bahawa ada bau busuk di Sungai Langat di negeri Selangor *of course*-lah. Jadi masalah ini menyebabkan loji air di Langat dan di Batu 11, Cheras ditutup selama 14 jam. Mulai daripada pukul 10 malam, 7 Oktober hingga 8 Oktober pukul 12 tengah hari. Dalam hal ini, penutupan loji rawatan air, kerajaan Selangor tidak mencukupi lori tangki air itu untuk membawa air kepada rakyat di kawasan. Akan tetapi kementerian melalui SPAN membantu dan memanggil semua operator di dalam negara ini untuk membawa lori dan pemandu mereka untuk membawa air ini kepada rakyat. Jadi kementerian sentiasa membantu perkara seperti ini daripada *short-term*, daripada *long-term* memang itulah tadi yang saya cakap. Penyaluran air dari Pahang ke Selangor.

Walaupun demikian, setakat ini di negara kita kerajaan mengguna pakai air permukaan atau pun *surface water*, yang penting adakah boleh berlaku sekarang disebabkan perubahan iklim. Kalau perubahan iklim ini sudah terlalu ekstrem, tidak mencukupi air lagi di permukaan atau pun di sungai, jadi di manakah kita akan mendapat air? Setakat ini 33 buah loji rawatan air sudah pun mengurangkan pengeluaran bekalan air sebab air dalam sungai itu sudah cetek, susah nak pam air masuk tangki rawatan. Jadi, perkara seperti ini rakyat perlu tahu disebabkan perubahan iklim.

Oleh itu, apa lagi yang kerajaan perlu buat, kerajaan memang ada lagi cadangan ataupun ada lagi strategi untuk jangka panjang jika ia akan berterusan berlaku. Di dalam negara kita rizab air, rizab air permukaan 90 bilion *cubic meters*. *Reserve* air bawah tanah adalah 600 bilion *cubic meters*. Jika ada *emergency* atau pun jika diperlukan *next time* lain kali, kalau sudah ada loji rawatan air permukaan, kerajaan akan mewujudkan satu telaga air bawah tanah di berhampiran dengan loji rawatan ini. Di negara kita hanya Kelantan sahaja yang menggunakan air bawah tanah. Jadi, inilah perkara yang kerajaan memang sudah ada strategi untuk buat jika berlakunya *extremism*, air permukaan sudah tidak ada.

Pada tahun 2014, saya dilantik oleh Majlis Sumber Air Negara untuk mempromosikan *task force* air bawah tanah. Akan tetapi, pada masa itu saya bertugas di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan apabila saya dipindah ke kementerian ini, KeTTHA maka hilanglah usaha itu, tidak ada lagi.

Namun walaupun demikian, masih boleh lagi dibuat. Saya masih boleh berfikir-fikir dan mengatur strategi. Jika perlu dibuat ia seharusnya dibuat. Sekian.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, syabaslah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nak alih kepada soalan yang lain. Sila duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Norliza binti Abdul Rahim.

■1130

8. **Datuk Norliza binti Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mutu perkhidmatan teksi yang semakin merosot sekarang sehingga pelanggan beralih pada perkhidmatan aplikasi *GrabCar* dan *Uber* terutamanya di bandar-bandar besar; dan
- (b) apa status terkini perkhidmatan *GrabCar* dan *Uber*.

Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy bin Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Sebelum saya menjawab dengan lanjut, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan 8 lagi soalan lain kerana menyentuh isu yang sama iaitu pertama soalan nombor 30 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman bertarikh 5 Disember; soalan nombor 36 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som A/L Inong; soalan nombor 52 oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan; dan soalan nombor 81 oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan yang ketiga-tiganya bertarikh 13 Disember.

Soalan nombor 84 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin bertarikh 14 Disember; soalan nombor 53 oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed bertarikh 15 Disember. Satu lagi soalan Yang Berhormat Senator Datuk Norliza binti Abdul Rahim bernombor 63 pada 15 Disember; dan soalan nombor 56 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok bertarikh 20 Disember.

Banyak soalan ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon sekiranya panjang, itu adalah untuk menjawab soalan-soalan ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan tadi, yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator dalam soalan beliau pada hari ini, kita memang sering mendengar rungutan pengguna terhadap tahap kualiti perkhidmatan teksi dan pada masa yang sama, kita turut mendengar rintihan para pemandu teksi berhubung isu-isu kebajikan dan cabaran-cabaran yang dihadapi mereka. Kerajaan mendengar dan mengambil serius kesemua perkara ini.

Dalam mencari penyelesaian yang adil kepada semua pihak dan mengubah senario industri teksi tempatan kepada yang lebih baik, kajian yang mendalam telah dilaksanakan bagi mengenal pasti isu-isu yang membelenggu industri teksi di Malaysia ini.

Dalam hal ini, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan program Transformasi Industri Teksi ataupun TITP. Ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat juga semasa bajet dulu yang telah diformulasikan hasil daripada kaji selidik yang luas, penyelidikan dan perbandingan yang teliti serta konsultasi berterusan turut dilaksanakan melibatkan pemandu teksi, para pengguna, syarikat teksi dan pelbagai *stakeholders*, dengan izin, yang lain. TITP ini merupakan inisiatif holistik yang menumpukan secara khusus kepada perkara-perkara utama dalam industri teksi di negara ini iaitu:

- (i) menambah baik pendapatan dan kebajikan pemandu teksi;
- (ii) penyampaian perkhidmatan yang berkualiti; dan
- (iii) peluang dan penggunaan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan ini kerana saya telah sendirinya didatangi oleh beberapa orang pemandu teksi yang mungkin mereka tidak mengetahui ataupun tidak memahami mengenai TITP ini. Jadi sebab itu saya hendak menjelaskan di sini mengenai TITP ini supaya mereka tahu ini adalah untuk kebaikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan TITP ini secara keseluruhannya merangkumi 11 program utama akan membawa berita baik kepada rakyat sebagai pengguna yang akan mempunyai pilihan perkhidmatan yang baik. Dalam pada masa yang sama, pemandu-pemandu teksi juga menyaksikan cadangan-cadangan mereka turut diadaptasikan dalam TITP. Saya ingin hendak jelaskan di sini daripada 11 cadangan dalam TITP ini, 10 adalah untuk menangani apa yang telah menjadi rungutan di kalangan pemandu-pemandu teksi.

Antara tumpuan utama program-program yang akan dilaksanakan pengeluaran lesen ataupun permit individu baru kepada pemandu-pemandu teksi sedia ada yang layak. Kalau dilihat pada masa ini, yang banyaknya mengadu adalah, mereka adalah terikat di bawah kontrak dengan syarikat. Jadi, kita membuka ruang untuk mereka untuk memohon permit individu baru. Terpulang kepada mereka hendak keluar daripada skim syarikat ataupun mereka yang ingin menjadi pemandu teksi secara individu, kita terbuka, tidak ada lagi kuota. Bagi membantu para pemandu teksi ini beralih daripada sistem pajak sedia ada, kerajaan akan menyalurkan bantuan geran tunai berjumlah RM5 ribu.

Ini juga saya hendak tekankan kerana ramai daripada mereka sebagai pemandu teksi ini tidak mengetahui mengenai perkara ini. Jadi, geran bantuan tunai sebanyak RM5 ribu kepada individu yang layak bagi membantu mereka di peringkat awal pembelian kenderaan baru sebagai teksi mereka. Para pemandu akan turut mempunyai pilihan jenama. Kalau sebelum ini kita terikat dengan pilihan jenama Proton dan juga kalau tidak silap *Myvi*. Akan tetapi dengan adanya TITP ini, pemandu teksi mempunyai pilihan sendiri, asalkan teksi itu selamat untuk dijadikan sebuah, jenis pengangkutan untuk membawa penumpang. Mereka perlu ada ciri-ciri keselamatan.

Di samping itu kerajaan akan memastikan terma-terma kontrak dalam sistem pajak teksi akan ditambah baik dengan tumpuan diberikan kepada kebajikan pemandu. Terma-terma minimum dalam kontrak pajak teksi yang baru akan dikawal selia bagi memastikannya tidak berat sebelah dan melindungi kedua-dua pihak. Yang Berhormat Senator Datuk dalam soalan beliau ada merujuk kepada mutu perkhidmatan teksi yang merosot pada hari ini. Justeru itu, bagi menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan pemandu teksi, kerajaan memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk melaksanakan program pemerkasaan kemajuan pemandu teksi secara holistik di bawah Program TITP.

Program ini antara lain akan memperkemas dan mempersiapkan para pemandu dengan modul latihan yang akan membantu mereka meningkat tahap kepuasan pengguna melalui penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sementara itu kemajuan dan kelebihan teknologi perlu juga dipergunakan sepenuhnya oleh industri ini bagi memberi manfaat bersama kepada pengguna dan pemandu. Trend kaedah mendapatkan teksi telah berubah selari dengan arus pemodenan. Dapatan kajian menunjukkan lebih 50 peratus pengguna teksi di Malaysia menggunakan *mobile apps*, dengan izin, untuk mendapatkan perkhidmatan teksi manakala hanya 14 peratus daripada pemandu teksi cenderung untuk menggunakan *mobile apps* untuk mendapatkan penumpang.

Ini jelas menunjukkan terdapat jurang yang besar antara permintaan dan tawaran melalui penggunaan *mobile apps* ini. Justeru perkhidmatan eHailing tidak harus dilihat sebagai saingan kepada kaedah operasi teksi konvensional tetapi harus digunakan sebagai peluang kepada pemandu teksi serta pelengkap dalam mengimbangi tawaran perkhidmatan dengan permintaan dan trend pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya kongsi juga di sini bahawa apabila TITP itu diwujudkan, ia dijalankan dengan cara yang begitu teliti sekali. Kita tidak sesuka hati untuk mengemukakan sesuatu untuk mengubah keadaan. Akan tetapi kajian dijalankan dan secara teliti kita mengambil kira kebajikan pemandu-pemandu teksi.

Jadi kita tidak dengan semena-menanya wujudkan TITP ini. Oleh yang demikian, perkhidmatan eHailing akan beroperasi akan beroperasi tertakluk kepada peruntukan dan seliaan undang-undang seperti mana operasi sedia ada dalam industri teksi. Langkah bagi mengawal selia ini adalah wajar, yang antaranya dalam memastikan keselamatan penumpang dan pemandu diberi tumpuan dan juga Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi kerisauan ataupun yang menjadi *demand*, dengan izin, oleh pemandu teksi kepada kerajaan ialah untuk kita menghapuskan ataupun terus bertindak terhadap *Uber* dan *GrabCar*.

Saya percaya ini satu permintaan yang agak sukar untuk kita penuhi pada zaman ini. Kita perlu memberi peluang kepada semua pihak untuk *to be the same level playing field*, dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, pindaan berkaitan terhadap Akta Pengangkutan Awam Darat ataupun *SPAD Act* tahun 2010 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 akan dibawa untuk diluluskan di Parlimen bagi pelaksanaan beberapa inisiatif, program-program yang dirangka seperti terma-terma kontrak dalam sistem pajak teksi dan kawal selia perkhidmatan eHailing di seluruh negara.

■1140

Jadi, cadangan pindaan tersebut dijangka akan dibentangkan pada sesi Mesyuarat Parlimen Pertama tahun depan. Dasar pembaharuan yang telah diluluskan ini jelas menunjukkan kepekaan dan keprihatinan kerajaan yang telah mengambil kira pandangan dan keperluan kesemua pemegang taruh ataupun *stakeholders*, dengan izin, dalam merangka hala arah tuju masa depan bagi industri teksi Malaysia untuk terus berkembang dan menjadi lebih mampan serta responsif kepada permintaan pasaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Norliza.

Datuk Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu jelas dan *detail*. Cuma saya ingin mendapat sedikit pandangan Yang Berhormat Menteri sebab kita difahamkan sekarang kerajaan telah memberi geran kepada individu-individu yang berminat untuk memulakan, memiliki teksi sendiri.

Cuma soalan saya, adakah di masa akan datang kementerian akan menghapuskan permit-permit yang diberikan kepada syarikat dan terus kepada individu, sama ada adakah perancangan masa hadapan untuk kita menghapuskan permit kepada syarikat dan yang keduanya, saya ingin bertanya daripada segi teksi *Uber* yang mana kita tengok sekarang sangat *famous*.

Saya ingin bertanya, adakah sekiranya berlaku kemalangan kepada *passenger* yang sedang berada dalam *Uber* itu, adakah insurans *cover* kepada penumpang sewaktu dia menaiki *Uber*? Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Tadi Yang Berhormat bertanya mengenai geran yang diberi. Ini akan diberi, belum lagi ya Yang Berhormat.

Seperti yang dijelaskan, kerajaan akan memberikan geran sebab ia baharu sahaja dimaklumkan sewaktu bajet, yang mana dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita. Bagi mengeluarkan permit individu dan menyediakan latihan kepada pemandu teksi ini, ini adalah yang telah dirancang untuk tahun hadapan sebab peruntukan itu hanya dibajetkan untuk tahun hadapan. Saya kongsi kan di sini juga dapatan kajian menunjukkan 55 peratus pemandu teksi memilih kerjaya ini sebagai pilihan terakhir.

Saya hendak *highlight*-kan ini kerana sebab apa, mereka yang telah menyertai melalui syarikat ini mereka yang ada di antara mereka mempunyai masalah untuk membuat pinjaman kepada bank dan ada juga tidak mampu untuk meminjam. Jadi syarikat itu membantu. Akan tetapi dalam hal untuk penghapusan daripada segi permit teksi syarikat, mereka akan memainkan peranan yang sama. Tidak ada setakat ini, tidak ada rancangan untuk menghapuskannya. Akan tetapi Yang Berhormat, kita menggalakkan supaya mereka yang hendak menjadi memegang teksi permit secara individu, jadi kita memberi galakan kepada mereka supaya mereka memainkan peranan secara sama rata.

Jadi daripada segi insurans tadi, oleh sebab seperti yang saya jawab tadi daripada segi kelulusan *Uber* ini masih belum kita adakan sebab kita akan membuat pindaan dalam undang-undang kita dan *insya-Allah* akan dibawakan kepada- di Parlimen pada masa akan datang. Jadi setakat ini kalau daripada segi insurans itu, pemandu sendiri perlu ada insuransnya dan juga penumpang terpulung kalau ada penumpang itu mempunyai insurans tersendiri sekiranya ada membeli insurans dan kenderaan juga.

Jadi itu kita bergantung pada mereka sendiri, mereka mempunyai *third party* melalui tuntutan *third party insurance*, dengan izin. Jadi, setakat ini kalau dikatakan adakah tidak insurans, kita tidak dapat *commit* itu semua kerana setakat ini pindaan itu masih belum dapat, belum dikemukakan ke Parlimen, belum diluluskan lagi. Jadi itu bukan komitmen kita daripada segi insurans. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Adam, Yang Berhormat Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya dan berdasarkan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, berlaku sedikit cacamerba dalam isu yang kita hadapi ini dan ia pula menjadi satu isu sebenarnya yang sangat ketara di kalangan pemandu-pemandu teksi.

Saya sendiri telah untuk pengalaman, naik kereta melalui sistem Uber ini. Apabila saya bangkitkan isu, adakah saya dilindungi oleh insurans, dia kata tak ada. Itu tanggungan sendiri. Jadi saya hendak bertanya kepada kerajaan, sebelum kita melaksanakan sesuatu sistem, kenapa kita tidak merancang lebih awal dahulu, selesaikan masalah ini semua sekali, baru kemudiannya kita laksanakan.

Lambat sikit tak apa tetapi tidak mendatangkan masalah kepada semua sekali pihak, sama ada penumpangnya, pemandu *Uber*, kemudian dibangkitkan juga masalah PSV. Teksi ada PSV, kemudian pemandu *Uber* tak ada dan inilah yang menjadi masalah-masalah dan kita tadi dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa tahun hadapan sahaja baru kita hendak pinda undang-undang, sedangkan di peringkat *on the ground*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan telah pun dijalankan. Saya hendak minta pandangan kerajaan.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya minta Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk memahaminya. Kita tidak membenarkan *Uber* sementara ini. Oleh sebab itu kita hendak membuat pindaan supaya ia dibolehkan. Apabila ia dibolehkan, semua ini *insya-Allah will be in place*.

Semuanya akan kita ambil kira. Jadi, setakat ini apabila ditanya mengenai *Uber*, seperti yang saya nyatakan, kalau ia masih belum ada kelulusan dalam undang-undang, risiko itu adalah diambil oleh orang yang hendak mengambil, menggunakan *Uber* itu sendiri. Jadi bukan bermakna kita membiarkannya. Akan tetapi oleh sebab setakat ini belum ada undang-undang untuk membenarkannya, jadi sebab itu kita mengatakan daripada segi insurans, bukan komitmen kita sekarang ini sebab ia masih belum *in place* lagi. *Insya-Allah* apabila sudah ada kelulusannya.

Saya hendak membetulkan persepsi Yang Berhormat tadi, bukan kita membenarkannya. Jadi kita tahu bahawa *Uber* itu masih, kita telah mempertimbangkannya untuk dilaksanakan *insya-Allah* pada tahun depan. Jadi pada tahun ini, kalau orang yang hendak menjadi penumpang *Uber* ini mengambil risiko sendiri. Bukan kerana kita hendak melepas tangan Yang Berhormat, bukan ya? Yang Berhormat kena faham sebab oleh sebab permintaan itu terlalu banyak. Ini bukan hanya peringkat Malaysia sahaja. Ini peringkat seluruh dunia. Jadi kita terpaksa membenarkan mereka yang hendak memainkan peranan sebagai pemandu teksi ini *to play on the same playing field*, dengan izin.

Jadi, oleh sebab kita tidak dapat mengawal *market* ini, *demand* mereka yang hendak mengambil, menggunakan ini sebagai satu *business* mereka, jadi maka dengan itulah kita membuat pindaan undang-undang. Akan tetapi untuk membuat pindaan undang-undang, *it cannot happen overnight* Yang Berhormat, dengan izin. Jadi dalam akta yang akan dipinda, kita akan pastikan perkara ini iaitu termasuk insurans akan dimasukkan bagi melindungi semua pihak, pemandu, penumpang kenderaan dan juga mengambil kira *third party insurance*. Jadi, tolong faham ya. Bukan kerana kita membenarkannya awal ini dan tidak mengambil kata orang tidak, *we don't take action*, dengan izin, ya sebab kalau Yang Berhormat semua membaca *news*, berita-berita dalam surat khabar kah apa, *action has been taken*, dengan izin, oleh pihak yang mendakwa ataupun pihak yang berkuasa.

The relevant authorities, dengan izin telah mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang telah membawa ini. Jadi pindaan akta kita, oleh itu kita perlu telitilah untuk meminda. Jadi perlu kita mengambil masa seperti yang saya nyatakan tadi, *it cannot happen overnight*, dengan izin. Oleh sebab itulah kita akan membawa ke Mesyuarat Pertama Parlimen pada tahun depan bagi memastikan segala yang diperlukan untuk melindungi semua pihak akan dimasukkan dalam pindaan akta kita. Terima kasih.

■1150

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Ini apa yang telah diberitahu oleh Menteri tadi ialah kerana tidak ada undang-undang pada masa kini, campur tangan kementerian pun tidak berapa, tidak bolehlah berapa kuat. So kita kena tunggulah sampai itu kementerian tidak menggalakkan *Uber* kerana faktor insurans. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhami.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bila mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, saya lagi *confused*. Saya rasa rakyat di bawah juga akan *confused*. Dahulu kita pernah dengar Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa kita bagi lesen ini kepada akaun syarikat dengan alasan supaya pemandu-pemandu ini dapat membuat pinjaman dan bila teksi ini dijalankan secara syarikat, tentu sekali ia akan mendapat *benefit* yang banyak.

Sekarang ini, hendak buka kepada individu pula. Soalan saya yang pertama, apakah jadi dengan syarikat-syarikat itu? Apakah jadi dengan pekerja-pekerja syarikat tersebut? Apakah jadi dengan *investment* syarikat-syarikat itu? Sekarang kita buka kepada individu. Selepas ini mungkin kita akan bagi pula kepada syarikat kerana ramai yang tidak dapat pinjaman, contohnya. Yes, kita bagi geran. Akan tetapi selama mana kita hendak bagi geran itu?

Kedua, Yang Berhormat Menteri kata tadi, kita buka pula kepada kereta-kereta bukan sahaja Proton tetapi kereta-kereta lain. Dahulu bila kita hendak bagi kereta Proton kita kata hendak *support national car*. Ke manakah pergi alasan kita hendak *support national car* dahulu? Mungkin Proton pula selepas ini akan kena pula bila teksi sudah tidak pakai Proton, PDRM tidak pakai Proton, Proton pun tutup, lingkup pula Proton.

Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri, polisi kita ini yang membuat kita menjadi susah. Rakyat susah, rakyat *confused*. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri, dapat mempertimbangkan sebelum dibawa ke- supaya kita *stick to our decision on* Proton, contohnya. Kalau syarikat sekalipun, saya rasa ramai sekarang yang rasa bimbang ini yang kerja-kerja dengan syarikat-syarikat teksi ini sudah mula bimbang dan mula rasa resah sebab masa mereka akan sampai, mereka terpaksa keluar. Kasihan pada mereka ini, kasihan kepada PETRONAS. Kasihan kepada syarikat-syarikat lain yang sekarang ini terpaksa membuang pekerja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini cadangan, Yang Berhormat.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Sebenarnya saya suka soalan itu. Sebab ia akan membantu kita untuk memberi penjelasan kepada masyarakat di luar sana.

Tadi saya jawab, kita tidak akan menghapuskan kuota-kuota untuk syarikat ini, permit untuk syarikat. Cuma kita menjawab keresahan mereka yang tidak mahu dibelenggu oleh- *I do not know whether that is the right word*, dibelenggu oleh sistem pajak itu. Jadi kita membuka ruang. Syarikat, kita tidak akan hapuskan sebab mereka masih ada lagi kontrak dengan syarikat-syarikat ini. Kita tidak pernah mengatakan kita akan menghapuskan permit untuk syarikat. Itu satu. Tidak *confused* lagi ya? *Should not be confused by now*, satu.

Kedua, kenapakah bagi permit kepada individu ini? Sebab terlalu ramai mereka yang tidak mahu diikatkan di bawah syarikat-syarikat ini. Saya menyatakan tadi, syarikat itu juga membantu kerana ada yang di bawah hendak menjadi pemegang individu ini ada *pensioners*, dengan izin. Kalau sudah tua ini tidak dapatlah hendak pinjam di bank, syarikat tolong. Syarikat tolong *so that is why* mereka terikat dengan syarikat.

Kedua, ada juga memang tidak mampu. Jadi syarikat juga tolong. Jadi kita berterima kasih dengan syarikat. So kita tidak akan hapus. Akan tetapi kita membuka ruang kepada- *there is no quota*, dengan izin. Kalau dahulu kita kuota bagi kuota berapa ribu-berapa ribu permit teksi. Kalau orang itu hendak menjadi pemandu teksi secara individu, memang permit secara individu dan kita membantu mereka.

Oleh sebab *as I said*, dengan izin, TITP itu adalah menjawab masalah yang dibawa kepada kita. Apa yang saya nyatakan tadi TITP itu bukan lahir tanpa kajian. Kita ada *laps*, sebulan SPAD mengadakan *laps*, membawa beberapa mereka daripada *industry players* ataupun *stakeholders*, dengan izin, untuk mendengar rungutan mereka. Itu *clear*, itu *clear*. Jadi permit individu diberi kerana mendengar jawapan untuk keresahan mereka.

Kenapa kita tukar bukan sahaja kita yang mereka fasal Proton tadi. Bukan kerana kita tidak mempunyai rasa patriotik kepada patriotisme kita kepada *Proton Car*, dengan izin. Akan tetapi mereka tidak mampu untuk memberi, membekalkan seperti mana diperlukan. Jadi kita membuka ruang bukan sahaja kepada Proton dan juga bukan sahaja kepada *Myvi* tetapi asalkan kereta itu selamat untuk membawa penumpang. Kalau orang menjadi *taxi driver*, dia menggunakan permit teksi dan menggunakan kenderaan yang bukan hanya Proton dan juga *Myvi*, jadi dibuka untuk mereka ini.

Jadi kita tidak ada niat untuk *confuse*-kan rakyat. *I hope you are not confused anymore because I have already given you word-to-word* apa yang diperlukan sebagai penjelasan kenapa TITP ini diwujudkan, kenapa permit teksi secara individu diberikan. Untuk membantu itu, kita beri peluang kepada pemandu yang hendak menjadi *individual taxi permit holder* ini, dengan izin, beri geran RM5,000 untuk mula tahun hadapan. Jadi sampai bila, kita tidak tahu. Bergantunglah kalau bajet tahun yang satu lagi, tahun 2018 mengizinkan, mungkin ia boleh diteruskan.

Akan tetapi ini adalah antara cara untuk kita membantu individu permit teksi itu, *the holder of the* permit teksi secara individu ini, dengan izin, untuk memberi peluang kepada mereka untuk memulakan perniagaan sebagai seorang pemandu teksi secara individu supaya mereka tidak susah lagi untuk mencari bagaimana hendak mendapatkan sumber kewangan untuk membeli kenderaan yang baru.

Jadi saya percaya, itu sahaja jawapan kepada soalan tadi. Ada? *I hope I did not miss anything else*. Cukup ya?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih. Kalau ini boleh *we go for coffee*-lah untuk bincang secara lanjutnya. Terima kasih banyak-banyak.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya tambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tan Sri, sudah tiga kali Tan Sri bangun.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak juga jawab soalan-soalan? Silakanlah.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *[Ketawa]* Boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Okey, Tuan Yang di-Pertua saya faham tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi penjelasan yang cukup jelas. Apa yang berlaku pada hari ini bukan *confusion*. Saya rasa rakyat agak hendak tahu sistem yang diguna pakai oleh pihak kerajaan di dalam mengendalikan servis teksi ini. Saya rasa lebih berbentuk monopoli lah. Pada pandangan saya, *we are moving forward*. Sepatutnya saya mencadangkan kita *liberalize*-kan, ia *more competition* tetapi di bawah kawalan, ia ada satu peraturan yang mesti diikuti. Itu sahaja pandangan saya. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. *This is what we are trying to do*, dengan izin. Oleh sebab itu kita tidak mahu lagi monopoli di bawah syarikat-syarikat. Sebab itu kita bukakan, *we have an open market*, membenarkan pemandu teksi di Malaysia ini untuk bersama-sama dengan *Uber* kah, apa-apa kah tetapi mereka diberi peluang dengan kita di bawah TITP itu memberi geran- ini cara kerajaan menyokong.

Sebenarnya, apa yang tidak saya sentuh di bawah TITP tadi, ada yang menjadi rungutan masyarakat yang memandu teksi ini mereka kata tidak ada *leave*, tidak ada *sick leave*, mereka kena bayar juga kepada syarikat dan mereka rasa terkongkong oleh syarikat ini. Jadi ini semua kita dengar. Apa yang kita dengar ini lah kita letakkan, malah mereka ada SOCSO sekarang ini. Kalau di bawah ini telah diluluskan, dipersetujui ini, mereka ada SOCSO. Tidak ada lagi rungutan, tidak ada *sick leave*-lah, tidak ada apa, mereka ada simpanan.

Jadi kerajaan sebenarnya membuka- apa yang disoal oleh Yang Berhormat tadi ataupun cadangan, *this is no longer going to be monopolized market*, dengan izin.

It is going to be an open market. Jadi kita juga memberi peluang kepada pemandu teksi kita untuk bersama dengan pemandu teksi yang lain di seluruh negara ini memainkan *level playing field*, dengan izin. Itu sahaja terima kasih.

■1200

9. **Datuk Zali bin Mat Yasin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, sejauh mana CIDB bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan pemilik premis yang membuat ubah suai rumah menggunakan khidmat kontraktor yang berlesen sahaja dan tidak tertipu dengan kontraktor haram.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rahshid Shirlin]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan dan tahniah juga atas ucapan hebat semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya mengambil maklum dan memandang serius isu pengubahsuaian rumah kediaman yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang tidak berdaftar khususnya melibatkan warga asing. Mengikut kajian pensampelan yang dibuat oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pada tahun 2012, dianggarkan 92 peratus kerja-kerja pengubahsuaian yang dibuat pada setiap tahun dilaksanakan oleh kontraktor yang tidak berdaftar, di mana 65 peratus daripadanya melibatkan kontraktor warga asing.

Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada, semua kontraktor di negara ini termasuk yang melaksanakan kerja-kerja pengubahsuaian perlu berdaftar dengan CIDB. Ia bertujuan untuk memudahkan kerajaan mengawal selia aspek keselamatan bangunan dan pekerja, aspek kawalan kualiti kerja di tapak dan juga untuk mengelakkan pertikaian kontrak yang mungkin berlaku antara pemilik premis kediaman dan pihak kontraktor.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk menerapkan amalan terbaik dan mentransformasikan pelaksanaan kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman di seluruh negara, satu memorandum persefahaman atau *MoU* telah dimeterai antara Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) pada akhir tahun 2014 yang lalu.

Susulan *MoU* tersebut, kementerian ini telah, sedang dan akan mengadakan perbincangan dengan KPKT untuk menambahbaik hala tuju dan mekanisme pelaksanaan tersebut terutama dalam aspek penguatkuasaan.

Dalam masa yang sama, kerajaan melalui CIDB juga telah melancarkan Program Pemerksaan Kontraktor Ubahsuai Bumiputera melalui Program Akreditasi Kontraktor Kerja Ubahsuai Kebangsaan- *CIDB National Accredited Renovation (CNAR)*, dengan izin. Melalui Program CNAR ini, pihak CIDB telah memperkenalkan lima inisiatif bagi menerapkan amalan terbaik dan mentransformasikan pelaksanaan dan potensi bidang pengubahsuaian rumah kediaman iaitu seperti berikut:

- (i) mewujudkan pengkhususan B28 pengubahsuaian bangunan yang memberi fokus kepada kerja-kerja pengubahsuaian rumah kediaman yang mensyaratkan kontraktor menghadiri kursus selama lima hari;
- (ii) mensyaratkan pelantikan kontraktor berdaftar dengan CIDB di dalam permit ubahsuai pihak berkuasa tempatan (PBT);
- (iii) menerbitkan terma standard kontrak pembinaan untuk kerja ubahsuai dan projek-projek kecil;
- (iv) menerbitkan Panduan Ubahsuai Kediaman iaitu sebagai panduan am kepada pemilik rumah mengenai kaedah betul untuk mengubahsuai rumah kediaman; dan
- (v) menerbitkan Direktori Kontraktor Kerja Ubahsuai Bumiputera iaitu panduan direktori kepada pemilik rumah bagi tujuan memilih dan melantik kontraktor ubahsuai yang berdaftar dengan CIDB.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 7,600 buah syarikat kontraktor yang aktif dan berdaftar dengan CIDB di bawah pengkhususan B28- pengubahsuaian bangunan.

Di samping itu, CIDB dengan kerjasama KPKT juga telah mengadakan beberapa siri jelajah program kesedaran CNAR di kalangan pihak-pihak berkuasa tempatan atau PBT. Akhir sekali kementerian ini berpandangan inisiatif-inisiatif seperti di atas akan dapat membuka ruang, peluang kerja kepada lebih ramai kontraktor tempatan yang berdaftar khususnya kontraktor bumiputera. Ini sekali gus dapat mengurangkan penglibatan kontraktor tidak berdaftar terutama warga asing yang beroperasi secara haram.

Pendekatan serampang dua-mata ini juga diharap dapat membantu kerajaan untuk mengawal selia aspek kualiti dan keselamatan pekerja. Di samping mengurangkan risiko kerugian kepada pemilik rumah akibat daripada kecelaruan yang mungkin timbul berkaitan isu pertikaian tuntutan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zali bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun menjawab dengan lengkap.

Jadi soalan tambahan saya, berapakah anggaran nilai kos ubahsui rumah di seluruh negara pada setiap tahun? Apakah isu dan cabaran sebenarnya yang dihadapi oleh Kerajaan Pusat apabila melaksanakan penguatkuasaan terhadap kontraktor ubahsui yang tidak berdaftar di seluruh negara? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rahshid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan yang pertama Yang Berhormat, mengikut rekod CIDB, nilai projek ubahsui termasuklah kerja-kerja ubahsui bangunan komersial dan juga bangunan rumah kediaman. Bagi projek yang bernilai lebih RM500,000 ke atas, adalah dalam lingkungan dalam RM10 bilion setahun Yang Berhormat. Manakala berdasarkan Laporan Pusat Maklumat Hartanah Negara ataupun *National Property Information Centre* (NAPIC), dengan izin, CIDB menganggarkan untuk projek ubahsui bernilai RM500,000 ke bawah untuk rumah kediaman sahaja sebanyak RM2 bilion setahun. Kedua-dua jumlah ini Yang Berhormat akan bertambah dari semasa ke semasa.

Saya tidak mengenali siapa-siapa yang tidak melakukan ubahsui ke atas rumah ataupun bangunan Yang Berhormat. Ia sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Sudah tentu potensi kerja ubahsui sama ada dalam bentuk projek kerajaan mahupun swasta sebenarnya Yang Berhormat amat besar potensinya. Kita minta juga kontraktor-kontraktor kita ataupun penggiat industri binaan kita untuk mengambil peluang ini. Mengambil peluang ini daripada warga asing yang sekarang ini mendominasi kerja-kerja ubahsui ini.

Untuk menjawab kepada persoalan yang kedua Yang Berhormat, walaupun kerjasama strategik telah terjalin antara pihak KPKT dan juga pihak Kementerian Kerja Raya, bagi memastikan hanya kontraktor berdaftar dan berlesen sahaja dibenarkan untuk melaksanakan kerja ubahsui. Akan tetapi Yang Berhormat, masih ada lagi pemilik premis kediaman yang lebih suka memilih kontraktor tidak berdaftar kerana berpandangan bahawa harga yang ditawarkan lebih murah. Sedangkan senario ini telah menimbulkan banyak masalah dan kecelaruan. Di mana aspek keselamatan pekerja dan orang awam menjadi taruhan Yang Berhormat. Bukan itu sahaja pematuhan standard juga diabaikan, kualiti kerja ubahsui dipertikaikan. Sama ada kita sedari atau tidak sebenarnya mereka telah menyumbang kepada pengaliran keluar aliran tunai negara.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kita juga di peringkat kementerian dan KPKT akan terus dan terus mengadakan perbincangan, mempertimbangkan hala tuju. Selain daripada itu, suka saya ingin berkongsi di sini Yang Berhormat bahawa sebenarnya Kementerian Kerja Raya bercadang untuk mengangkat Kertas Cadangan bagi dibincangkan di peringkat Mesyuarat Majlis Negara bagi kerajaan tempatan. Bahawasanya Kertas Cadangan tersebut adalah untuk menguatkuasakan peraturan mendaftarkan kontraktor B28 bidang pengkhususan ubahsui bangunan kediaman sebagai salah satu syarat untuk memperoleh permit.

Walau bagaimanapun, sekiranya cadangan ini diluluskan sekalipun Yang Berhormat, cabaran kita ia masih perlu diterima dan disahkan serta diguna pakai oleh kerajaan-kerajaan negeri. Itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator. Terima kasih saya ucapkan.

■1210

10. Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah benar seperti mana yang dilaporkan oleh pihak media baru-baru ini bahawa kadar keciciran pelajar-pelajar India adalah amat tinggi berbanding pelajar kaum lain, dan apa rancangan kerajaan dalam menangani masalah ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam.

Tuan Yang di-Pertua, analisa keciciran murid pada peringkat sekolah rendah bagi semua kaum dari tahun 2012 hingga 2014 menunjukkan peratusan keciciran antara 0.16 peratus hingga 3.43 peratus. Peratus keciciran murid kaum India antara 0.16 peratus hingga 0.73 peratus.

Manakala bagi peringkat sekolah menengah, keciciran mengikut kaum antara 2.36 peratus hingga enam peratus. Peratus keciciran murid kaum India pula antara 2.77 peratus hingga 3.64 peratus. Analisa tersebut menunjukkan peratusan keciciran murid kaum India bukan yang tertinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semua murid tercicir daripada mengikuti persekolahan kerana ada juga murid-murid yang keluar daripada sistem persekolahan Kementerian Pendidikan Malaysia meneruskan pelajaran mereka di sekolah swasta, sekolah antarabangsa dan juga belajar di sekolah-sekolah yang tidak berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebilangan kecil pula mengikut *homeschooling* atau mengikut keluarga berhijrah ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kadar penyertaan murid dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Antaranya termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluaskan program-program bantuan seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan dan juga Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyediakan khidmat guru kaunselor daripada guru pemulihan untuk meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan. Kementerian Pendidikan Malaysia berkeyakinan langkah-langkah tersebut akan dapat mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya.

Saya ingin mengesyorkan kerajaan supaya banyak publisiti harus dilakukan untuk membolehkan pelajar-pelajar India memasuki politeknik, kolej komuniti, IKBN dan lain-lain institusi kemahiran. Walaupun banyak tempat ditawarkan tetapi pengambilan masih rendah.

Soalan kedua. Kita khuatir pelajar yang tercicir di peringkat sekolah menengah jika tidak diberi galakan dan diberi peluang ke institusi kemahiran, maka ini boleh menimbulkan banyak masalah sosial dan membebankan ibu bapa serta kerajaan. Kementerian Pendidikan Malaysia harus mengambil berat tentang situasi ini dan perlu pastikan bahawa masa depan pelajar-pelajar tercicir diberi keutamaan. Pelbagai langkah harus dilaksanakan segera supaya masa depan pelajar ini terjamin. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Bagiam. Kita mengambil cadangan dan juga pandangan Yang Berhormat Senator atas cadangan-cadangan yang diberi.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia akan sentiasa memberi perhatian yang secukupnya untuk memastikan keciciran pelajar ini akan dikurangkan dari semasa ke semasa.

Juga untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia bekerjasama dengan satu program yang telah pun diwujudkan khas untuk kaum India melalui *Malaysian Indian Education Roadshow* ataupun MINDER.

ia merupakan satu program yang dianjurkan oleh sebuah badan bukan kerajaan iaitu Persatuan Sukarelawan dan Pendidikan Sosial yang mana kita dengan spesifik menganjurkan program-program di lebih kurang 65 buah kawasan Parlimen yang mana majoritinya kaum India.

Melalui program ini, kita berkongsi bersama pelajar-pelajar, guru-guru dan ibu bapa, apakah program-program yang ada? Contohnya politeknik, kolej vokasional. Kerana, Kementerian Pendidikan Malaysia juga memberi penekanan kepada pendidikan TVET. Maka kita masukkan sekali. Dan kita pasti dalam masa setahun atau dua tahun ini, kita juga nampak ada pengurangan daripada peratus keciciran kerana kita juga mewujudkan cadangan-cadangan hala tuju kepada pelajar-pelajar ini sekiranya mereka tidak cemerlang dalam bidang akademik, maka mereka boleh memberikan penekanan dalam bidang-bidang vokasional dan juga pelajaran-pelajaran teknikal. Kita akan terus melaksanakan kerja-kerja ini dan untuk mengesahkan, kita juga akan mengambil tindakan yang begitu baik dan proaktif untuk mengurangkan keciciran pelajar-pelajar. Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Satu sahaja. Terima kasih. Satu sahaja soalan saya. Merujuk kepada *Education Blueprint* dan juga seksyen 29A, *Education Act 1966*. Saya cuma hendak tahu sama ada setakat hari ini, pernahkah kementerian mengambil apa-apa tindakan melalui seksyen 29A ini? Seksyen 29A adalah berkaitan dengan *offence* untuk *parents* kalau tidak hantar anak untuk *compulsory education, primary education*. Terima kasih.

Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan ini sedikit keluar daripada topik asal, saya akan berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekian sahajalah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

MENGANTI TUGAS TIMBALAN YANG DI-PERTUA DI BAWAH P.M. 6

12.17 tgh.

Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) dan dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 6(3), saya mohon mencadangkan agar Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin bin Samad mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara semasa ketidakhadiran Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada sesi ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****Bacaan Kali Yang Kedua****12.17 tgh.**

Menteri Kewangan II [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, segala syukur dan puji dipanjatkan ke hadrat Allah SWT yang mengizinkan saya untuk membentangkan Bajet 2017 dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Penyediaan Bajet 2017 digubal dengan penuh berhati-hati, terperinci dan komprehensif dengan mengambil kira senario perkembangan geopolitik dalam dan antarabangsa, prestasi ekonomi dan perdagangan serta kedudukan kewangan semasa. Dalam hal ini, kerajaan telah mengadakan pelbagai sesi konsultasi bersama kumpulan-kumpulan pakar, NGO, pihak industri termasuk menerima idea dan pandangan secara terus daripada rakyat.

Di samping itu, Bajet 2017 juga merupakan kesinambungan bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu tahun kedua pelaksanaannya sebagai menuju status, dengan izin, *high income advanced economy* menjelang tahun 2020, nanti, *insya-Allah*.

Mengambil kira pelbagai cabaran ketidakpastian pasaran dan kehendak semasa, strategi Bajet 2017 telah dirangka untuk memastikan pembangunan negara terus berkembang maju dan pastinya mengutamakan kesejahteraan rakyat. Inilah komitmen, inilah janji dan inilah tanggungjawab berterusan kerajaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi global terus mencatat pertumbuhan sederhana pada suku ke-tiga tahun 2016. Data terkini menunjukkan aktiviti dan pertumbuhan ekonomi dalam negara maju juga sederhana. Di Asia, permintaan dalam negeri kekal sebagai sumber pertumbuhan penting dalam keadaan permintaan luaran yang terus lemah. Bagi Malaysia, terkini pertumbuhan suku ketiga tahun ini telah berkembang 4.3 peratus berbanding empat peratus pada suku kedua disokong terutamanya oleh peningkatan berterusan perbelanjaan sektor swasta dan sokongan tambahan daripada eksport bersih.

■1220

Manakala bagi inflasi, kadar telah menurun kepada 1.3 peratus berbanding 1.9 peratus. Selain itu, KDNK per kapita Malaysia juga telah meningkat daripada USD23,100 pada tahun 2016 kepada USD26,891 pada tahun 2015.

Mengambil kira prospek pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia serta harga komoditi utama yang telah stabil di samping pengukuhan dasar fiskal dan *monetary*, kerajaan yakin sasaran KDNK pada tahun ini iaitu empat peratus hingga 4.5 peratus dapat dicapai. Bagi tahun 2017, berdasarkan asas ekonomi yang kukuh serta strategi dan program dalam bajet kali ini, pertumbuhan ekonomi dijangka berkembang antara 4 peratus hingga 5 peratus. Ini bersamaan dengan pertumbuhan 5 peratus Pendapatan Negara Kasar (GNI) per kapita daripada 37,812 kepada 39,699.

Di samping itu, menerusi komitmen kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan pengawalan perbelanjaan, defisit fiskal dijangka mengecil kepada tiga peratus daripada KDNK pada tahun hadapan berbanding 3.1 peratus pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2017 memperuntukkan sejumlah RM260.8 bilion iaitu merupakan peningkatan 3.4 peratus daripada pengubahsuaian Bajet 2016. Daripada jumlah ini, RM214.8 bilion Perbelanjaan Mengurus dan RM46 bilion pula untuk Perbelanjaan Pembangunan. Ini tidak termasuk simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion. Di bawah peruntukan mengurus, RM77.4 bilion adalah untuk emolument serta RM32 bilion untuk perkhidmatan dan bekalan.

Manakala RM103.9 bilion untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Pembelian aset pula diperuntukkan sebanyak RM691 juta dan RM816.6 juta lagi untuk perbelanjaan lain.

Di bawah peruntukan pembangunan pula, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM25.9 bilion diikuti oleh sektor sosial sebanyak RM12.2 bilion, sektor keselamatan mendapat RM5.3 bilion dan sektor pentadbiran am mendapat lebih RM2.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2017 digubal dengan berpegang kepada lima prinsip dan falsafah kerajaan.

- (i) kerajaan ini kerajaan yang mengutamakan kesepaduan nasional dalam pembinaan negara bangsa. Kepelbagaian etnik dan kemajmukan sebagai aset teras kemajuan dan pembangunan negara semenjak dulu, kini dan selama-lamanya;
- (ii) kerajaan ini kerajaan yang mementingkan dan memelihara kedaulatan, keluhuran perlembagaan dan undang-undang serta keselamatan negara;
- (iii) kerajaan ini adalah kerajaan yang *cohesive* dan stabil serta bekerja sebagai satu pasukan yang jitu;
- (iv) kerajaan ini kerajaan yang gigih berusaha dengan arah tuju yang jelas, perancangan yang sistematik dan pelan pelaksanaan yang tersusun, efisien, dan holistik. *Indeed, this government has delivered, we are still delivering and most importantly, we will continue to deliver;* dan
- (v) kerajaan ini akan terus berpandukan kepada falsafah Islam yang universal sifatnya iaitu *wasatiyyah*, merangkumi kesederhanaan, keseimbangan, keadilan sosial, kesaksamaan dan kecemerlangan.

Tuan Yang di-Pertua, penjawat awam kini mencecah 1.6 juta orang selama ini telah menjadi tunggak pentadbiran dan jentera kemajuan negara. Sehubungan dengan itu, sebagai menghargai khidmat bakti dan jasa mereka, kerajaan bersetuju untuk memberi kemudahan berikut:

- (i) kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh bersama biasiswa yang sebelum ini hanya kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, kini akan diberikan juga kepada Kumpulan Pelaksana;
- (ii) pemberian cuti kuarantin kepada penjawat awam yang anaknya sakit dan perlu kuarantin menerusi Cuti Tanpa Rekod sebanyak 5 hari;
- (iii) kemudahan pemberian *smart phone* dan had pinjaman sehingga RM5,000 bagi setiap tiga tahun seperti kemudahan sedia ada pembiayaan komputer;
- (iv) menaikkan had pembiayaan pembelian motosikal daripada RM5,000 kepada RM10,000;
- (v) menaikkan had kelayakan pinjaman perumahan penjawat awam daripada RM120,000 kepada RM200,000. Manakala pinjaman paling tinggi sebelumnya RM600,000 kini dinaikkan kepada RM750,000;
- (vi) menyegerakan pembinaan 30,000 unit Perumahan Awam 1Malaysia dengan harga jualan sekurang-kurangnya 20 peratus di bawah harga pasaran iaitu di antara RM90,000 hingga RM300,000;
- (vii) melanjutkan kontrak pegawai *Contract of Service*, dan *Contract for Service* selama setahun lagi;

- (viii) mewujudkan satu lapisan gred baru iaitu Gred 56 antara Gred 54 dan JUSA 'C' pada Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Pergigian Pakar; dan
- (ix) melantik secara kontrak kumpulan pertama graduan perubatan pergigian dan farmasi selewat-lewatnya penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, bajet ini bukanlah digubal daripada kepentingan, bagi kepentingan atau berlegar kepada kumpulan rakyat tertentu sahaja.

Namun ia dirangka dengan bersifat *inclusive* demi kesejahteraan rakyat seluruhnya. Justeru itu digambarkan melalui piramid. Dalam negara kita terdapat tiga kategori utama rakyat berdasarkan kepada julat pendapatan isi rumah iaitu T20, M40 dan B40. Bagi golongan M40, secara umumnya kelompok isi rumah yang berpendapatan sekitar RM3,900 hingga RM8,300. Kumpulan B40 pula ialah golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dengan pendapatan isi rumah sekitar RM3,900 ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, demi kesejahteraan rakyat, kerajaan akan terus komited melaksanakan projek dan program rakyat sentrik di bandar dan di luar bandar seperti berikut:

- (i) menyediakan 97,000 lampu jalan, dan 3,000 LED di persimpangan jalan yang akan melibatkan 7,500 kampung termasuk di Sabah dan Sarawak;
- (ii) membina dan menaik taraf 616 kilometer jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung, pekan dan bandar dengan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion;
- (iii) menyelenggarakan jalan-jalan negeri di bawah Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) dengan peruntukan sebanyak RM4.6 bilion;
- (iv) membina dan membaik pulih 17,000 unit rumah usang dan daif di kampung terpencil dan penempatan Orang Asli dengan peruntukan sebanyak RM350 juta. Setiap unit rumah diberi bantuan baik pulih antara RM1,000 hingga RM15,000 bergantung kepada keadaan sesebuah rumah yang terbabit;
- (v) meningkatkan penyediaan bekalan air bersih, menaikkan taraf sistem bekalan air FELDA dengan peruntukan sebanyak RM732 juta yang menyasarkan 5,200 buah rumah;
- (vi) menyediakan bekalan elektrik luar bandar untuk memanfaatkan 10,000 buah rumah dengan peruntukan sebanyak RM460 juta; dan
- (vii) memperuntukkan RM300 juta di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia untuk membaik pulih kemudahan kawasan flat dan 113 program perumahan rakyat di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Bagi mengatasi masalah bekalan air di beberapa buah negeri serta menaikkan taraf kapasiti dan menjamin bekalan air berterusan, kerajaan bersetuju memperuntukkan geran sebanyak RM156 juta dan RM509 juta dalam bentuk pinjaman. Sebagai tambahan, tabung bekalan air akan diwujudkan dengan segera dengan peruntukkan RM500 juta. Selain itu, 69 projek rancangan tebatan banjir akan diteruskan di seluruh negara dengan peruntukan sebanyak RM495 juta. Secara keseluruhannya, projek rakyat sentrik akan diteruskan melalui inisiatif pembiayaan swasta berjumlah sehingga RM10 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus komited menangani isu perumahan. Untuk ini, bagi meningkatkan keupayaan pemilikan rumah pertama, langkah-langkah berikut akan diperkenalkan:

- (i) melaksanakan program *MyBeautiful New Home* khusus kepada golongan B40 dengan memperuntukkan RM200 juta. Sebagai permulaan, lima ribu unit rumah akan dibina ke atas tanah milik sendiri dengan harga RM40,000 hingga RM50,000 seunit di mana kerajaan akan membiayai RM20,000 dan bakinya dibayar secara ansuran oleh pemilik;
- (ii) meneruskan pembinaan 21,100 unit rumah PPR dan dijual dengan harga RM35,000 hingga RM42,000;
- (iii) kerajaan akan mengenal pasti tanah yang tidak diguna pakai di lokasi strategik kepada GLC dan PR1MA untuk membina lebih 30,000 unit rumah dengan harga jualan ditetapkan antara RM150,000 hingga RM300,000. Harga ini jauh lebih rendah daripada pasaran iaitu RM250,000 hingga RM400,000.

■1230

- (iv) membina 10,000 unit rumah di bandar untuk disewa oleh golongan muda yang layak dengan pekerjaan yang tetap termasuk graduan muda yang baru memasuki alam pekerjaan. Mereka boleh menyewa dengan tempoh maksimum 5 tahun pada kadar yang lebih rendah daripada kadar pasaran;
- (v) Syarikat Perumahan Negara Berhad diperuntukkan RM200 juta untuk membina lebih 5,000 unit Rumah Mesra Rakyat dengan subsidi kerajaan sehingga RM20,000 seunit;
- (vi) memperkenalkan satu Skim Pembiayaan Akhir atau *End Financing Scheme* jenis *step-up* untuk program PR1MA. Melalui skim khas ini, pembiayaan lebih mudah dan *accessible* kepada pembeli yang jumlah pinjaman mencecah 90 peratus hingga 100 peratus. Kadar penolakan pinjaman akan berkurangan secara drastik. Contohnya, pemohon yang berpendapatan RM3,000 sebulan hanya layak mendapat pinjaman RM187,000. Melalui Skim pembiayaan khas ini, pemohon boleh mendapat pinjaman sehingga lebih RM295,000; dan
- (vii) membangunkan infrastruktur bagi rumah generasi kedua FELDA, FELCRA dan RISDA dengan masing-masing diperuntukkan RM200 juta, RM100 juta dan RM100 juta lagi.

Di samping itu, kerajaan bersetuju memberi pengecualian duti setem 100 peratus ke atas surat cara pindah milik dan surat cara pinjaman perumahan bagi nilai rumah sehingga RM300,000 bagi pembelian kediaman pertama antara tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu meningkatkan peluang pendapatan rakyat terutama golongan B40, RM275 juta diperuntukkan seperti berikut:

- (i) memperluaskan Program MySuria dengan pemasangan panel solar di 1,600 buah rumah dengan peruntukan RM45 juta. Setiap peserta program dijangka menerima manfaat sebanyak RM250 sebulan;
- (ii) memperluaskan Program Mobilepreneur oleh GIATMARA dengan peruntukan RM30 juta yang mensasarkan 3,000 peserta bermotosikal;
- (iii) melaksanakan Program Agropreneur dengan peruntukan RM100 juta dan melahirkan 3,000 usahawan tani muda; dan
- (iv) menggiatkan program eUsahawan dan eRezeki di bawah MDEC merangkumi 300,000 orang peserta dengan peruntukan RM100 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meringankan kos sara hidup rakyat, kerajaan menyediakan peruntukan subsidi hampir RM10 bilion merangkumi subsidi bahan api termasuk gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam.

Untuk membantu golongan pesawah padi pula, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk subsidi harga padi, benih padi dan baja padi termasuk padi bukit.

Sebagai insentif kepada pekebun kecil getah yang berdaftar, kerajaan memperuntukkan RM250 juta untuk pelaksanaan pembelian harga lantai. Sebagai tambahan, kerajaan akan memperkenalkan bantuan musim tengkujuh sebanyak RM200 sebulan bagi tiga bulan pada November, Disember dan Januari untuk manfaat 440,000 orang pekebun kecil dan penoreh getah. Selanjutnya, bagi meringankan beban sara hidup 57,000 orang nelayan, pemberian elaun RM200 hingga RM300 sebulan akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M diperkenalkan, setiap tahun tanpa gagal program ini terus mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat positif daripada penerima. Sehubungan itu untuk tahun hadapan, kadar BR1M dinaikkan seperti berikut:

- (i) BR1M kepada isi rumah dalam senarai eKasih yang berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 akan dinaikkan daripada RM1,050 dan RM1,000 kepada RM1,200;
- (ii) BR1M kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000 akan dinaikkan daripada RM800 kepada RM900; dan
- (iii) bagi individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000, BR1M akan dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

Sukacita saya ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini, agihan bayaran BR1M akan dilaksanakan sebanyak tiga kali iaitu mulai Februari, Jun dan Ogos. Proses kemas kini maklumat dan pendaftaran akan dibuka mulai 5 Disember hingga akhir bulan ini. Tidak sekadar itu, Skim Khairat Kematian akan diteruskan dengan pampasan RM1,000 kepada waris penerima BR1M bagi kategori isi rumah dan warga emas. Keseluruhan program BR1M ini akan memanfaatkan 7 juta orang penerima dengan peruntukan sebanyak RM6.8 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghasilkan tenaga kerja tempatan yang memenuhi keperluan industri, kapasiti pendidikan TVET akan diperkasakan dengan peruntukan RM4.6 bilion kepada institusi-institusi TVET. Melalui inisiatif NBOS, kerajaan akan mengoptimalkan aset-aset sedia ada di mana sembilan buah kampus Institut Pendidikan Guru akan diubahsuai menjadi politeknik dan kolej vokasional. Melalui inisiatif ini, hanya kira-kira RM400 juta diperuntukkan, berbanding RM250 juta untuk membina hanya sebuah politeknik yang baharu. Ini menjimatkan wang kerajaan kira-kira RM2 bilion.

Selanjutnya, RM270 juta disediakan untuk naik taraf peralatan pembelajaran di institusi TVET serta RM360 juta bagi Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Berhubungan ini, potongan cukai sebanyak dua kali diberikan ke atas perbelanjaan syarikat swasta yang menyediakan *Structured Internship Programme* bagi pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan pelajar Tahap 3 dan ke atas di bawah program TVET. Insentif ini dilanjutkan untuk tempoh tiga tahun mulai tahun taksiran 2017 hingga tahun taksiran 2019.

Selain itu, geran padanan latihan dan pembangunan kurikulum akan diberi kepada institusi TVET awam yang berjaya mendapatkan sumbangan dalam bentuk peralatan daripada industri. Bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan, RM50 juta disediakan untuk perluasan Program Skim Latihan 1Malaysia oleh GLC kepada 20 ribu orang graduan bagi tahun 2017 berbanding 15 ribu orang graduan pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 21 kategori pelepasan cukai individu. Kerajaan bercadang mencadangkan satu kaedah baru dengan menggabungkan pelepasan cukai individu sedia ada meliputi pembelian bahan bacaan, komputer dan peralatan sukan sebagai pelepasan cukai gaya hidup. Ia turut diperluaskan dengan pembelian akhbar-akhbar arus perdana, *smart phone* dan tablet, langganan internet serta bayaran keahlian gimnasium. Pelepasan ini diberi sehingga RM2,500 setiap tahun berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2017.

Tuan Yang di-Pertua, melalui NBOS, kerajaan akan membina empat lagi UTC di Negeri Sembilan, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor dan tiga lagi RTC di Selangor, Sabah dan Sarawak dengan peruntukan RM100 juta.

Sebagai tambahan, setiap UTC akan disediakan sebuah *job centre* untuk membantu memadankan antara pencari kerja dan bakal majikan. Selain itu, inisiatif NBOS yang lain seperti Program Bahasa Inggeris 1Malaysia, *coding* di sekolah, *Volunteering for International Professionals* dan *Global Entrepreneurship Community 2* akan diteruskan dengan peruntukan RM40 juta.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus komited memampangkan fiskal negara jangka panjang dengan antara lain menubuhkan *Collection Intelligence Arrangement* atau CIA di bawah Kementerian Kewangan. Ini akan melibatkan LHDN, kastam dan SSM yang akan berkongsi data bagi menambah kecekapan mengutip cukai dan *tax compliances*. Selain itu, kadar duti setem ke atas Surat Cara Pindah Milik Hartanah bernilai melebihi RM1 juta, akan dinaikkan daripada tiga kepada empat peratus mulai 1 Januari 2018.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membangunkan sukan negara, sebanyak RM1.2 bilion disediakan. Ini meliputi RM450 juta, khusus untuk penganjuran Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-19 pada tahun 2017.

■1240

Selain itu, beberapa program pembangunan sukan akan dilaksanakan iaitu:

- (i) RM50 juta bagi pembinaan Akademi Bola Sepak Fasa II di Gambang, Pahang;
- (ii) RM122 juta bagi membina dan menaik taraf fasiliti sukan, termasuk Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri, Kompleks Futsal 1Malaysia dan Kompleks Sukan Komuniti;
- (iii) RM70 juta bagi Program Pembangunan Podium Sukan Elit untuk penyediaan atlet ke temasya sukan antarabangsa; dan
- (iv) RM54 juta bagi Program Pembangunan Ahli Sukan, termasuk Program Penyediaan Atlet dan Program Penyediaan Atlet Paralimpik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kualiti kesihatan rakyat serta fasiliti di klinik dan hospital, sejumlah RM25 bilion disediakan bagi melaksanakan program berikut:

- (i) membina dan menaik taraf hospital-hospital baharu serta Klinik Kesihatan di Perlis, Kuching, Mukah, Jempol, Muar dan Johor Bahru;
- (ii) menaik taraf kemudahan hospital dengan peruntukan RM536 juta. Ini termasuk penyediaan peralatan rawatan kardiologi di Hospital Serdang, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, serta pembelian 100 buah ambulan;
- (iii) RM4.5 bilion untuk operasi 340 Klinik 1Malaysia, 11 Klinik Bergerak 1Malaysia, 959 buah klinik kesihatan, dan lebih 1,800 klinik desa sedia ada; dan
- (iv) RM4 bilion untuk bekalan ubat, *consumables*, vaksin dan *re-agent* kepada semua hospital dan fasiliti kesihatan kerajaan.

Selanjutnya, bagi mengurangkan kesesakan di hospital awam, kerajaan akan bekerjasama dengan pihak swasta atau NGO yang mengendalikan *non-profit charitable* hospital mengikut kadar kos hospital kerajaan. Pinjaman RM20 juta disediakan untuk membiayai pembelian peralatan hospital tersebut. Seterusnya, RM70 juta untuk bantuan perubatan kepada 10 ribu orang pesakit kurang berkemampuan dan RM40 juta diperuntukkan sebagai geran *one-off* untuk menggalakkan lebih banyak hemodialisis-hemodialisis swasta dibuka. Di samping itu, bagi mengawal penularan wabak denggi dan Zika serta akan melaksanakan inisiatif pencegahan dan kesedaran di bawah program Komuniti Sihat Perkasa Negara, sebanyak RM80 juta disediakan

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil berat keluhan rakyat tentang kenaikan harga makanan serta jaminan bekalan makanan. Oleh hal yang demikian, sebanyak RM1.3 bilion disediakan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan dengan harga yang kompetitif. Ini termasuk membangunkan infrastruktur pertanian seperti saluran dan pengairan, jalan ladang dan pemasaran produk pertanian.

Program berimpak tinggi juga akan diteruskan, termasuklah estet padi, zon bersepadu akuakultur dan penternakan ikan sangkar. Seterusnya, Program Pengedaran Barang Perlu- pembukaan empat lagi *MyFarm Outlet* dan penambahan 150 buah premis Agrobazaar Rakyat 1Malaysia akan dilaksanakan dengan peruntukan RM140 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kerajaan prihatin terhadap keluhan dan permintaan para pemandu teksi. Sehubungan dengan itu, geran RM5,000 disediakan untuk membeli kenderaan baharu dan menawarkan permit teksi individu dengan peruntukan RM60 juta. Ini akan memanfaatkan seramai 12,000 orang pemandu teksi yang layak dan telah tamat kontrak pajak dengan syarikat teksi mereka.

Pada masa ini, sebahagian besar pemandu teksi tidak dilindungi oleh insurans. Atas keprihatinan kerajaan, Skim PERKESO kepada pemandu teksi individu yang berpendapatan sehingga RM3,000 sebulan akan diperkenalkan. Di bawah skim ini, pemandu teksi perlu membuat caruman pada kadar RM157 hingga RM443 setahun iaitu hanya RM13.08 sebulan. Sekiranya berlaku kemalangan sewaktu bekerja, mereka layak membuat tuntutan daripada PERKESO. Contohnya, pemandu teksi yang hilang upaya kekal akan menerima bayaran pukal berjumlah RM43 ribu hingga RM121 ribu dan bayaran bulanan antara RM1,281 hingga RM2,624 sepanjang hayat. Sekiranya pemandu tersebut meninggal dunia, warisnya akan mendapat faedah orang tanggungan pada kadar RM945 hingga RM2,655 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu B40, khususnya penerima BR1M menjana pendapatan tambahan, kerajaan menggalakkan penyertaan mereka sebagai pemandu *ride-sharing* seperti pemandu *Uber*, terutama bagi pemilik kenderaan sendiri. Pendapatan boleh mencecah RM1,500 sebulan sekiranya memandu separuh masa antara 10 jam hingga 40 jam seminggu dan RM4,300 sekiranya melebihi 40 jam seminggu. Bagi mereka yang tidak memiliki kenderaan, bayaran pendahuluan boleh dibuat menggunakan BR1M dan rebat sebanyak RM4,000 bagi pembelian kereta Proton Iriz.

Kerajaan juga akan menaik taraf sistem perparitan dan pembinaan *dual overhead motorcycle ramp* di lorong motosikal Lebuhraya Persekutuan atau *Federal Highway*, bagi mengatasi masalah banjir di laluan motosikal serta menjamin keselamatan penunggang motosikal. Untuk ini, RM29 juta diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mempergiatkan pasaran modal tempatan *Small and Mid-Cap PLC Research Scheme* akan diperkenalkan bagi penyelidikan ke atas 300 buah syarikat. Syarikat pelaburan berkaitan kerajaan akan memperuntukkan dana khas sehingga RM3 bilion kepada pengurus dana yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk dilaburkan ke syarikat *small and mid-cap* yang berpotensi.

Di samping itu, Institut Penyelidikan Pasaran Modal akan ditubuhkan dengan pembiayaan awal sebanyak RM75 juta melalui *Capital Market Development Fund*. Selain itu, dalam mengekalkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, tempoh pengecualian cukai pendapatan kepada entiti Perbankan Islam dan Takaful menjalankan aktiviti mata wang asing melalui *International Currency Business Unit* dan pengecualian duti setem ke atas surat cara bagi aktiviti tersebut akan dilanjutkan ke tahun taksiran 2020.

Untuk menggalakkan golongan muda membuat pelaburan jangka panjang, kerajaan telah memperkenalkan Skim Persaraan Swasta atau PRS. Bermula tahun 2017, kerajaan mencadangkan insentif sedia ada RM500 ditingkatkan kepada RM1,000 secara *One-Off* kepada pencarum skim PRS dengan pelaburan minimum terkumpul RM1,000 dalam tempoh dua tahun. Peruntukan RM165 juta akan disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus memberi tumpuan ke atas promosi dan penambahbaikan kemudahan pelancongan. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif akan dilaksanakan seperti berikut:

- (i) RM400 juta diperuntukkan, antaranya untuk inisiatif *clean air* dan *ecotourism*;
- (ii) tempoh permohonan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan bagi pelaburan hotel baharu bertaraf empat dan lima bintang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018; dan

- (iii) potongan cukai daripada RM500 ribu dinaikkan kepada RM700 ribu untuk sektor swasta yang menaja pertunjukan kesenian, kebudayaan, warisan tempatan dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, *digital connectivity* merupakan revolusi aktiviti ekonomi masa kini dan menyumbang hampir 60 peratus daripada KDNK negara. Sehubungan ini, RM162 juta diperuntukkan kepada MDeC bagi pelbagai program seperti ekosistem e-Dagang, *Digital Maker Movement*, serta pengenalan kategori lokasi baharu sebagai Hab Digital Malaysia. Kerajaan juga berhasrat untuk menubuhkan *Digital Free Zone* yang pertama di dunia. Ini menggabungkan zon fizikal dan maya dengan penambahan perkhidmatan *online* dan digital bagi memudahkan e-Dagang antarabangsa dan merangsang inovasi berteraskan *internet*.

Sebagai inisiatif terbaharu, bermula Januari 2017, penyediaan perkhidmatan *fixed line broadband* bersetuju menawarkan perkhidmatan dengan kelajuan yang lebih tinggi pada harga yang sama. Sebagai contoh, pelanggan pakej lima *megabit* sesaat pada harga RM149 akan menikmati pakej berkelajuan dua kali ganda iaitu 10 *megabit* sesaat.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun hadapan akan diisytiharkan sebagai tahun Startup and SME Promotion Year, sesuai dengan peranan PKS yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi dan pasaran buruh negara. Bagi terus memacu pembangunan PKS, kerajaan bersetuju menyediakan RM75 juta untuk melaksanakan pelbagai program di bawah Pelan Induk PKS.

Selain itu, jaminan sehingga RM15 bilion yang diberikan melalui pelbagai skim di bawah Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan atau SJPP akan dipanjangkan tempohnya sehingga tahun 2025. Sebagai tambahan untuk melonjakkan PKS berorientasi eksport, dua peratus rebat kadar faedah diberikan kepada peminjam PKS di bawah skim SJPP. Rebat ini dihadkan kepada jumlah pembiayaan terkumpul RM1 bilion dan melibatkan peruntukan RM100 juta untuk tempoh 5 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya usia dua tahun hingga lima tahun merupakan fasa penting tumbesaran minda dan fizikal kanak-kanak. Untuk itu, kerajaan akan menambah baik pakej pemakanan bernutrisi harian yang lebih lengkap merangkumi susu bersukatan 250 milliliter, kismis dan telur. Inisiatif ini dijangka dapat memanfaatkan hampir 280,000 orang kanak-kanak dengan peruntukan RM200 juta.

Seterusnya, sebanyak RM132 juta lagi disediakan untuk meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah secara percuma di sekolah kerajaan, memanfaatkan 200,000 orang kanak-kanak. Di samping itu, sebanyak RM85 juta akan diperuntukkan bagi program PERMATA yang melibatkan 50,000 orang kanak-kanak, antaranya untuk menubuhkan Pusat Kecemerlangan *Top STEM Talents* di Akademi Sains Malaysia. Selain itu, Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar di Negeri Sembilan dan Kampus Tuanku Bainun di Pulau Pinang akan diubahsuai menjadi pusat PERMATA Pintar dan Berbakat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mendapatkan akses pendidikan yang sempurna dan kemudahan peralatan yang lengkap terutama di peringkat sekolah inisiatif berikut akan dilaksanakan:

- (i) membangunkan semula 120 buah sekolah daif, 60 di Semenanjung, 30 di Sabah dan 30 lagi di Sarawak menggunakan *Industrialised Building System* serta menaiktarafkan 1,800 makmal sains dengan peruntukan RM570 juta;
- (ii) menyiapkan pembinaan 227 buah sekolah, termasuk lapan buah sekolah baharu dengan peruntukan RM470 juta;
- (iii) memperuntukkan RM600 juta kepada Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah daripada jumlah tersebut;
- (iv) memperluaskan program penguasaan Bahasa Inggeris melalui *Cambridge English*, *Dual Language* dan *Highly Immersive*, dengan peruntukan RM90 juta; dan

- (v) kerajaan juga bersetuju untuk membekalkan tablet bantuan mengajar kepada hampir 430 juta orang pendidik bagi memudahkan tugas pengajaran mereka. Untuk ini, SKMM akan memperuntukkan RM340 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kualiti institusi pengajian tinggi ke taraf global, RM7.4 bilion disediakan kepada 20 buah universiti awam. Ini termasuk RM1.4 bilion kepada empat buah hospital universiti, manakala RM300 juta untuk memperkasakan 5 buah universiti penyelidikan. Tambahan bagi RM100 juta untuk IPT bagi membudayakan penyelidikan serta meningkatkan bilangan penerbitan dan harta intelek.

Bagi meningkatkan keberkesanan pemberian bantuan pelajar pendidikan tinggi, kerajaan akan menggantikan Baucar Buku dengan Kad Debit Pelajar sejumlah RM250 yang boleh digunakan untuk pembelian buku, alat tulis, alatan komputer serta akses internet. Ini akan memanfaatkan seramai 1.3 juta orang pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi usaha menggalakkan peminjam PTPTN membuat bayaran balik, insentif berikut akan diberikan:

- (i) diskaun 15 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman;
- (ii) diskaun 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran; dan
- (iii) diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus menumpukan usaha melindungi kumpulan mudah terjejas. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan ialah seperti berikut:

- (i) bantuan kepada keluarga miskin, meliputi Bantuan Am sehingga RM300 sebulan dan Bantuan Kanak-kanak sehingga RM450 sebulan akan memanfaatkan 69,000 keluarga;
- (ii) RM424 juta disediakan yang akan memanfaatkan 120,000 orang warga emas, termasuklah bantuan sosioekonomi warga emas berjumlah RM300 sebulan;
- (iii) RM535 juta untuk memanfaatkan hampir 150,000 Orang Kurang Upaya; dan
- (iv) pelepasan GST kepada OKU berdaftar untuk membeli peralatan bantuan tanpa melalui Entiti Kebajikan Swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang tinggi peranan golongan pemimpin masyarakat seperti ketua kampung dalam usaha membentuk masyarakat Malaysia yang makmur dan harmoni. Maka, kerajaan bersetuju menaikkan elaun ketua kampung, pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan Persekutuan, termasuk Ketua Kampung-kampung Baru dan Orang Asli daripada RM800 kepada RM900.

Tuan Yang di-Pertua, saban tahun setiap bajet yang dibentangkan golongan Orang Asli turut bersama menikmati manfaatnya. Untuk ini, RM222 juta diperuntukkan untuk projek bekalan air terawat di 42 perkampungan Orang Asli, program pembangunan ekonomi dan keusahawanan serta penempatan semula perkampungan antaranya di Sungai Ruil, Cameron Highlands, Pahang. Bagi projek *Native Customary Rights* pula, RM20 juta disediakan untuk pemetaan tanah di Sabah dan RM30 juta di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tetap prihatin terhadap keperluan komuniti Cina dan India. Sehubungan itu, RM50 juta bagi pembangunan Kampung Baru Cina, RM50 juta lagi untuk kepentingan PKS melalui KOJADI serta RM20 juta untuk pinjaman mikro kredit diselia oleh *Malaysian Chinese Women Entrepreneurs Foundation*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi terus memperkasakan agenda bumiputera terutama dalam aktiviti ekonomi, kerajaan akan melaksanakan program-program berikut:

- (i) RM100 juta kepada SME Bank;
- (ii) RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia;

- (iii) RM300 juta kepada TEKUN;
- (iv) RM200 juta kepada Perbadanan Usahawan Nasional Berhad;
- (v) RM120 juta kepada MARA;
- (vi) dana mudah cara berjumlah RM500 juta menerusi TERAJU;
- (vii) RM100 juta untuk TERAJU bagi Tabung Eksport; dan
- (viii) RM100 juta menerusi Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menghargai jasa perwira negara khususnya veteran ATM, kerajaan akan memberi Bayaran Insentif Khas Insurgensi kepada veteran ATM dengan jumlah peruntukan RM55 juta yang masih belum menerima insentif khas ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengarusperdanakan peranan wanita, sebanyak RM2 bilion disediakan antaranya untuk program-program seperti berikut, I-KIT, I-KeuNita dan program *Women Career Comeback*. Kerajaan juga menyediakan RM30 juta untuk kaum wanita menjalani pemeriksaan mammogram dan mendapat suntikan imunisasi HPV secara percuma untuk mencegah kanser.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengambil langkah positif untuk meminda Akta Kebankrapan 1967 mulai awal tahun hadapan, berkait mereka yang telah diisytiharkan bankrap, terutamanya 'penjamin sosial' misalnya penjamin biasiswa. Perinciannya sedang dilakukan dan butiran lanjut akan diumumkan dan dibentangkan di Dewan ini sedikit masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, komited dan juga tidak mementingkan kepopularan politik, kerajaan akan memastikan kedudukan asas ekonomi negara kekal berdaya tahan, termasuk pengukuhan dasar fiskal dan *monetary* dan kestabilan jangka masa panjang. Untuk itu bagi memeta dan mencorakkan masa hadapan negara, kerajaan akan melancarkan siri dialog nasional atau *national discourse* yang dinamakan sebagai Transformasi Nasional 2050 (TN50).

TN50 ini yang dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan berserta penglibatan semua agensi kerajaan akan menjangkau lebih tiga dekad proses dan gerak kerjanya. TN50 merupakan wadah yang penting bagi membentuk satu buah negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta membina *par excellence*. Sebagai penghujung ucapan, kerajaan berharap dengan pembentangan Bajet 2017 pada kali ini berserta program dan projek yang dirancangan, ia akan merealisasikan dan seterusnya memberi manfaat buat pembangunan negara dan kesejahteraan kepada rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya minta kerjasama kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum lagi memberikan nama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, sila kemukakan selepas ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sekarang saya tangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Dato' Sri Khairudin Samad mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Sri Khairudin Samad: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, dan salam sehati sejiwa.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seperti mana kita sedia maklum persidangan kita pada kali ini adalah selama 10 hari. Sebanyak enam hari telah diperuntukkan untuk menimbang Rang Undang-undang Perbekalan 2017, Bajet. Di mana empat hari diperuntukkan untuk perbahasan. Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian diminta untuk bersiap sedia. Dua hari pula untuk kerajaan menjawab dan menggulung ke atas perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Selain daripada rang undang-undang Bajet, kita juga mempunyai 10 rang undang-undang lain yang akan diputuskan sepanjang persidangan kali ini. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bersiap sedia dan memberikan nama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan yang akan diadakan.

Untuk perbahasan yang pertama bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017, saya dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah untuk memulakan.

2.34 ptg.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Selamat petang, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Yang dikasihi Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Yang Berhormat yang dirahmati Allah sekalian.

Pertamanya marilah kita mengucap rasa syukur kepada Allah Taala kerana kita masih lagi diberi peluang untuk hadir bersidang pada hari ini dan negara kita masih berada dalam keadaan aman damai dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita boleh membentangkan bajet yang begitu cukup bergaya untuk kebajikan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya apabila pagi tadi melihat Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat dan selepas itu tidak ada Tuan Yang di-Pertua, ingat diganti Timbalan Yang di-Pertua. Rupa-rupanya Presiden Senator yang jadi Pengerusi Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalaulah macam ini, saya hendak cadangkan supaya biar kita ada dua orang jadi Timbalan Yang di-Pertua. Kalau satu itu ada masalah tidak dapat dielakkan tugas rasmi, demam, sakitkah, maka Timbalan Yang di-Pertua II boleh mempengerusikan Mesyuarat... [Tepuk]

Saya juga melihat apabila ada di antara rakan-rakan kita bukan semua Ahli Yang Berhormat berpeluang untuk melawat ke luar negara kerana kekangan kos ataupun pendapatan Majlis Senator, saya juga mencadangkan supaya kerajaan memberi peruntukan kepada Majlis Senator untuk memberi peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator membuat lawatan sama ada di luar negara ataupun dalam negara. Kalau tidak boleh bagi peruntukan, bagi projek sama juga kepada Majlis Senator supaya kita mendapat ruang dan peluang dan saya dengar minggu depan Datuk Norliza hendak pergi London, *jealous* saya. Saya dengar masing-masing pergi *oversea*, kita masih *duk* Kuala Lumpur. Jadi kita minta kerajaan bersedialah memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Saya juga hendak terima kasih kerana hari ini diberi peluang bercakap pertama, bahaskan Rang Undang-undang Perbekalan. Oleh sebab baru ini hendak bercakap dalam Perhimpunan Agung UMNO, tidak diberi peluang. Maka saya akan bercakap dalam Majlis hari ini. Itu hari memang berhajat tetapi kita serah kepada perhubungan, nama saya tidak dipilih untuk berbahas ucapan usul Presiden, maka hari ini bercakap di sini, *insya-Allah* Menteri akan jawab juga.

Tuan Yang di-Pertua, bajet kita bajet sebanyak RM260.84 bilion yang diperuntukkan oleh Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Dato' Seri Najib satu peruntukan yang terbaik dan meliputi semua golongan rakyat yang berada dalam negara ini termasuklah yang membangkang pembentangan bajet pada hari itu. Sepatutnya pihak pembangkang ini kita tidak perlu bagi bajet sebab hari pembentangan bajet itu, apabila kita bentang bajet semua dia keluar tidak setuju.

Saya yang hairannya dalam Dewan tidak setuju, apabila dekat luar minta dekat Menteri hendak bajet itu, hendak bajet ini. Saya pun terkejut. Jumpa dengan Mahdzir Khalid, Yang Berhormat Pokok Sena minta bajet. *Penang* minta tambah bajet, saya pun hairan dalam Dewan tolak, keluar, boikot bajet. Hendak cari publisiti murah. Hendak suruh rakyat tengok bahawa tengok dia bela rakyat. Mudah-mudahan diberi peluang lagi untuk menjadi wakil rakyat akan datang kerana dia berjaya boikot bentang apa yang kerajaan buat, kerajaan bentang. Itu yang saya hairan sepatutnya jangan terima. Saya mintalah Menteri-menteri, kalau ada yang tolak bajet itu hari, minta bajet jangan bagi. Minta boleh tetapi jangan luluskan. Kalau tidak, sokong sahajalah, selepas itu minta. Benda tidak betul, cakap tidak betul. Benda betul cakap betul. Ini tidak, semua tolak.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok banyak orang kata negara kita hendak bankrap. Bankrap. Mufliis, *income* tidak ada. Saya ada butiran di sini tahap hutang negara kita Malaysia hanya 54 *percent* sahaja; Jepun 248.1 *percent*; Greece 178.7 *percent*; Lebanon 139 *percent*; Itali 132 *percent*; Portugal 128.8 *percent*; Jerman 124.2 *percent*; Cape Verde 119.3 *percent*; Bhutan 117 *percent*; Cyprus 108.7 *percent*; Belgium 106.3 *percent*; Amerika Syarikat 105.8 *percent*; Barbados 103 *percent*; Spain 99 *percent*; Singapore 98.2 *percent*; France 96.8 *percent*; Ireland 95.2 *percent*; Jordan 91.7 *percent*; Gambia 91.6 *percent*; dan Kanada 91.5 *percent*. Kita hanya 54 *percent* sahaja. Maknanya sebelum kita bankrap, negara ini kena bankrap dahulu.

■1440

Jadi apa yang diuar-uarkan, digembar-gemburkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab itulah satu kenyataan yang mitos, yang tak betul dan dengan sengaja untuk mempengaruhi rakyat membenci kerajaan. Itu sahaja. Jadi jelaslah kepada kita dengan angka-angka yang saya bacakan tadi, ia jauh dari negara kita berada dalam keadaan tidak stabil dan menuju ke arah bankrap. Kita sekarang berada dalam keadaan *A miners*.

Belanjawan baru ini juga- sebab kita, *insya-Allah*, tahun depan mungkin pilihan raya, kita melihat kerajaan pimpinan Barisan Nasional yang diketuai Dato' Sri Mohd. Najib memberi peruntukan yang besar kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Cuma dalam peruntukan itu, kita meminta supaya kita tidak fokus kepada projek-projek yang besar.

Saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya fokuskan kepada projek-projek *touch point* seperti baiki rumah, memberi kursus-kursus kepada belia-belia, anak-anak muda, rakyat luar bandar seperti membuat kumpulan membuat kuih, baiki TV, baiki *aircond* untuk galak ekonomi kepada *touch point* kepada rakyat luar bandar. Sebab apa? Kalau buat projek besar-besar pun saya rasa tidak memberi apa-apa keuntungan kepada rakyat luar bandar sebab rakyat kita ini dia hendak biar dia dapat rasakan, biar dia dapat menerima apa yang kerajaan bagi. Kalau buat jalan RM20 atau RM30 juta, dia kata itu tidak dapat apa-apa habuan kepada dia. *Touch*, sentuh dia. Bagi sumbangan, imbuhan ataupun ganjaran kepada rakyat.

Contohnya baiki rumah. Baiki rumah ini satu perkara yang amat baik dan terbaik bagi kebanyakan penduduk luar bandar sebab kebanyakan rumah di luar bandar ini rumah-rumah yang dah usang yang kalau hendak dikira waktu hujan-hujan begini memang banyak atapnya bocor atau rumah bocor. Jadi alangkah indah dan baiknya jika kerajaan memberi peruntukan yang besar kepada sentuhan rakyat untuk program baiki rumah untuk penduduk di luar bandar.

Saya hendak sentuh juga di sini, Tuan Yang di-Pertua, projek SPNB atau Syarikat Perumahan Negara Berhad ini. Peruntukan diberi untuk tahun depan RM200 juta. Saya tengok yang membina rumah SPNB ini kebanyakannya boleh dikatakan 100 *percent* lah kontraktor bumiputera- kalau di Kelantan ini memang 100 *percent*, dengan harga RM60,000.

Dan masalah yang timbul di sini, yang memberi beban kepada kontraktor bumiputera ini, pertamanya, SPNB ini bayarannya lambat. Bila bayaran lambat, kontraktor Kelas 'F' ini bukannya kontraktor yang berwibawa yang ada duit, mereka tak ada duit. Jadi bila *claim* lambat, *progress payment* lambat, maka menjadi masalah kepada kontraktor ini untuk meneruskan kerja-kerjanya. Lebih-lebih lagi, kontraktor Kelas 'F' ini kebanyakannya dia pinjam duit MARA, caj lagi empat *percent*.

Claim lambat, kerja hendak buat patut tiga bulan siap tetapi enam bulan baru siap. Denda lagi. Lepas itu ada tahanan sebanyak 5 percent. Tahan lagi. Akhirnya memberi beban kepada kontraktor-kontraktor ini.

Jadi saya hendak cadangkan kepada SPNB supaya kalau hendak tahan wang tahanan 5 percent itu, tahan enam bulan, atau tiga bulan cukuplah sebab dengan harga yang diberi kepada kontraktor itu memang agak memberi masalah kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan. Kita hendak terima kasihlah kepada Menteri Pendidikan kerana begitu prihatin kepada guru-guru terutamanya kepada guru-guru yang berpisah antara suami isteri atau dinamakan sebagai 'guru duka lara'. Pada tahun hadapan, katanya akan diadakan empat kali setahun tapisan untuk pindah guru ini atau pertukaran guru.

Cuma dalam kementerian ini, saya tengok daripada segi imbuhan kepada Guru Besar. Dalam bajet baru-baru ini, kita tengok elaun untuk Guru Besar daripada RM100 dinaikkan kepada RM200. Itu yang Guru Besar. Yang guru di bawah ini- Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan HEM, Penolong Kanan Kokurikulum, dari tahun 1991 sampai sekarang tak naik-naik lagi. RM50 sahaja sebulan elaun dia. Jadi kita hendak cadangkan kepada kerajaan supaya dikaji semula elaun penolong-penolong kanan guru-guru di sekolah ini sebab Guru Besar dah naik RM100 jadi RM200, Guru Penolong Kanan ini dinaikkan pada tahun 1991, *until now* tidak ada lagi.

Jadi kita hendak minta supaya kerajaan memberi pertimbangan untuk mengkaji kenaikan elaun ini sekurang-kurangnya kalau tidak RM150 pun, naiklah daripada RM50 sampai ke RM100 dan adalah elok sekali kalau dikaji semula sebab tahun 1991 sampai sekarang dah berapa puluh tahun dah. Jadi saya cadangkan.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan pun bajet banyak. Saya tak mahulah baca *figure*. Cuma, saya hendak cadangkan kerana ini rungutan daripada rakyat. Kita ini penumpang bas dari Pantai Timur-Kelantan, Terengganu, Pahang, saya rasa yang terbanyak di Malaysia kalau hendak banding dari negeri utara dan selatan, berulang-alik ke Kuala Lumpur.

Jadi banyak yang bercakap kalau kita buat *centralized* atau pemusatan tempat turun penumpang-penumpang di Bandar Tasik Selatan itu, stesen berpusat di Bandar Tasik Selatan itu, kebanyakannya memberi masalah kepada penumpang-penumpang dari Pantai Timur sebab bas dilarang berhenti di Gombak, mesti terus ke sana. Kalaulah anak dia berada di Gombak, bas sampai pukul 4 pagi, anak dia pukul 3 mesti bangun dah hendak pergi ambil emak dia di Bandar Tasik Selatan.

Jadi saya hendak cadangkan kepada kementerian, untuk Pantai Timur ini buatlah satu buah terminal bas di sekitar daerah Gombak untuk memberi kemudahan kepada penumpang-penumpang dari Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang supaya rakyat tidak menjadi masalah, dan saya rasa kerajaan tak rugi sebab penumpangnya adalah ramai. Bas satu malam sahaja dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur, 120 buah satu malam. Punya banyak bas. Itu tak masuk kapal terbang lagi. Kapal terbang satu hari berulang alik, kalau hari biasa, sebanyak 52 penerbangan satu hari, Kota Bharu ke Kuala Lumpur.

■1450

Kalau Hari Raya, 88 penerbangan satu hari. Jadi eloklah saya cadangkan kepada kerajaan memberi pertimbangan terutamanya Kementerian Pengangkutan supaya membina sebuah terminal bas untuk penumpang-penumpang dari Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang. Eloklah sebab dekat pilihan raya ini, itu rungutan rakyat. Saya rasa minta kerajaan memberi pertimbangan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini bercakap soal ketirisan minyak, kerajaan bagi subsidi 85,000. Bila kerajaan kaji-kaji 40,000 yang ada. Pergi mana 45,000 lagi? Hilang. Saya minta kerajaan mengkaji pemberian lesen terutamanya di sempadan-sempadan ini minta dikaji semula. Mungkin yang selebihnya ada ketirisan pergi mungkin ke Indonesia atau ke Thailand. Ini memberi kerugian kepada kita. Kita bagi subsidi, kemudian subsidi itu separuh dapat pada kita, separuh dapat dekat orang lain. Jadi saya minta kerajaan, Kementerian KPDNKK kaji semula struktur memberi lesen minyak ini kepada pengusaha-pengusaha minyak disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal tebatan banjir di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar saya hendak berterima kasih kepada Dato' Sri Mohd. Najib dan Kerajaan Barisan Nasional sebab begitu prihatin untuk mengatasi masalah banjir ini supaya masalah yang ada sekarang ini dapat dikurangkan. Contohnya di Rantau Panjang sendiri dalam sehari dua ini, semalam saya sudah *round* ikut Sungai Golok itu air berada diparas 8.67 meter dan berada diparas bahaya. Kerajaan sudah pun meluluskan untuk membina tebatan banjir yang bernilai RM300 juta.

Kita minta pembinaannya disegerakan supaya kita tengok banjir yang berlaku, saya ingat sejak di dunia terjadi ini memang banjir setiap tahun berlaku. Kos kerugiannya saya rasa berbilion-bilion dah. Campur jumlah kerugian, campur dengan sumbangan yang kerajaan bagi, campur dua itu saya ingat berbilion-bilion. Kerosakannya melebihi kos bina. Saya minta supaya kerajaan menyaerakan pembinaan tebatan banjir di Sungai Golok dan juga di Sungai Kelantan supaya ia tidak merugikan kerosakan selama-lamanya. Ini juga rakyat minta, saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini supaya kerajaan segera bina untuk mengelakkan daripada jumlah kerosakan setiap tahun, kerusi kena beli baru, motosikal kena beli baru sebab ditenggelami oleh banjir.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi hal pelancongan saya tengok pelancongan ini memang memberi ganjaran yang baik, yang lumayan. Kita tengok Kerajaan Thailand pendapatan utamanya pelancongan. Kita banyak tempat yang sesuai dan boleh dibuat tempat-tempat ataupun pusat-pusat pelancongan. Di Rantau Panjang pun tidak kurang. Jadi saya minta Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melihat kawasan Rantau Panjang, kita ada Bukit Tandak, kita ada Bukit *Kwong* di tengah sekitar itu sungai, di tengah-tengah itu ada pulau boleh dimajukan. Jadi saya hendak cadangkan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan supaya cuba melihat kawasan rantau panjang yang *sketch*-nya sudah ada untuk dibina hotel lima bintang dan dibuat pertandingan moto air setiap tahun dan di tengah-tengah boleh buat restoran makanan laut.

Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya boleh katakan tentang soal peruntukan. Manakala yang lain-lain, memang kerajaan sudah buat yang terbaik dan BR1M pun yang terbaik walaupun banyak orang kata bankrap, hendak bankrap tapi BR1M dinaikkan, ditambah lagi. Itulah Kerajaan Barisan Nasional yang ditunjangi oleh UMNO yang sentiasa memberi prihatin dan menjaga kebajikan rakyat seterusnya. Sekian Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Dato' Sri Khairudin Samad: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon kerjasama kepada mereka yang telah memberi nama untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, sila berada dalam Dewan kerana saya akan memanggil nama untuk mengikut urutan yang ada di sini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim.

2.56 ptg.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia dan salam perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan pada petang ini saya ingin mengambil kesempatan untuk menjunjung kasih ke atas Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang akan menamatkan perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-14 pada 11 Disember ini. Sesungguhnya Baginda telah mencipta sejarah menamatkan tempuk pemerintahan selama dua penggal, semoga Allah SWT akan memberikan Baginda kesihatan yang baik bagi terus menerajui takhta negeri Kedah Darul Aman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Bajet 2017 di Dewan yang mulia ini pada bulan Oktober yang lepas. Seperti tahun-tahun yang sebelumnya, bajet yang dibentangkan ini telah mengambil kira keperluan negara terutamanya meletakkan kepentingan rakyat berdasarkan kepada pendapatan negara dan bagaimana ia akan disalurkan kepada pelbagai agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri merupakan sebuah jabatan yang menempatkan beberapa buah agensi utama yang menjadi tunjang pentadbiran negara. Amaun hampir RM6 bilion yang dipohon juga agak signifikan selaras dengan fungsi dan tugas jabatan ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu yang saya bawa ke perhatian kerajaan sejak saya mula menjadi Ahli Dewan Negara sejak tahun 2012 lagi iaitu status bumiputera bagi kaum India Muslim di negara kita. Walaupun saya pernah membawa perkara ini dalam beberapa sidang Dewan Negara, penyelesaian total bagi masalah ini masih menemui jalan buntu. Walaupun saya menerima satu jawapan bertulis daripada Timbalan Menteri Yang Berhormat Liew pada masa itu yang mengatakan masyarakat India Muslim rumpun Melayu.

Saya sering mendapat tekanan bertali arus dari masyarakat India Muslim di negara kita yang bertanya mengapa sehingga ke hari ini kerajaan gagal mengeluarkan deklarasi mengisytiharkan status bumiputera bagi masyarakat India Muslim. Pertanyaan mereka juga berasas kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyebut dalam ucapan beliau bukan sekali malah dua kali bahawa kaum India Muslim dan Malabari terdiri daripada rumpun Melayu.

Kedua-dua ucapan beliau mendapat liputan media yang cukup luas di seluruh negara kerana salah satu ucapan itu dibuat semasa Persidangan Agung UMNO tiga tahun yang lepas. Apabila kita mendengar ayat tersebut daripada pemimpin nombor satu, negara, ia jelas memberikan satu nafas lega kepada seluruh masyarakat India Muslim di seluruh negara. Kami percaya inilah satu pengiktirafan kerajaan yang cukup besar kepada komuniti India Muslim di negara ini yang mencecah hampir satu juta orang. Malangnya kita masih menunggu pengiktirafan ini di peringkat agensi kerajaan. Sehingga hari ini masih terdapat kes di mana masyarakat India Muslim yang layak mendapat status bumiputera mengikut takrif Perlembagaan dinafikan hak mereka.

■1500

Ini adalah kerana mengikut agensi kerajaan terbabit, mereka tidak mendapat sebarang surat Pekeliling atau arahan rasmi kerajaan berkenaan dengan pelaksanaan status bumiputera kepada kaum India Muslim. Saya sendiri telah mengadakan pertemuan beberapa kali dengan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri bagi menyerahkan teks ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta dokumen sokongan yang lain. Sebagai satu-satunya pemimpin parti politik yang mewakili kaum India Muslim di negara kita, ini merupakan satu tanggungjawab yang cukup besar yang perlu saya pikul. Ini juga merupakan penggal terakhir saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya berharap inilah kali terakhir saya membawa isu ini ke Dewan yang mulia ini.

Masyarakat India Muslim di luar sana sedang menanti bilakah pelaksanaan secara total bagi membuktikan bahawa ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan retorik semata-mata dengan izin, *we just want our rights*. Oleh yang demikian, saya ingin mencari satu penyelesaian inklusif bersifat *blanket approval* untuk mengiktiraf masyarakat India Muslim di Malaysia ini sebagai bumiputera sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya yakin jika kerajaan dapat memberi pengiktirafan ini, maka banyak masalah yang membelenggu masyarakat India Muslim dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah diperuntukkan sebanyak RM11.85 bilion dalam Bajet 2017. Ia sejajar dengan fungsi kementerian yang bertanggungjawab berkenaan keselamatan dalam negara. Saya ingin membawa satu masalah yang cukup serius yang sedang dihadapi oleh pengusaha restoran India Muslim di seluruh negara iaitu kekurangan pekerja. Kali terakhir sektor restoran ini diberi kelulusan pekerja asing adalah pada November 2014, hampir dua tahun mereka tidak mendapat sebarang kelulusan menggaji pekerja-pekerja asing yang baru.

Baru-baru ini kerajaan ada membuka kelulusan pekerja asing tetapi ia hanya terhad kepada empat sektor sahaja dan sektor restoran kategori perkhidmatan yang tidak termasuk dalam kategori yang diberikan kelulusan. Persoalan saya, jika kerajaan benar-benar berhasrat untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, mengapakah kerajaan membuka kelulusan untuk empat sektor sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat banyak rungutan daripada pengusaha restoran yang menghadapi kekurangan tenaga pekerja yang cukup serius. Banyak pengusaha yang terpaksa menutup premis perniagaan mereka kerana tidak mempunyai sumber tenaga kerja. Ini secara tidak langsung menjejaskan mata pencarian mereka yang hidup bergantung sepenuhnya dengan menjalankan perniagaan restoran. Mungkin di mata rakyat, pengusaha restoran ini hidup senang tetapi hakikat adalah sebaliknya.

Mereka terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran daripada segi kenaikan harga bahan mentah, peningkatan kos operasi dan yang baru isu kekurangan tenaga pekerja.

Kerajaan harus sedar bahawa restoran-restoran merupakan duta-duta kecil mempromosikan keunikan negara kepada pelancong asing. Mereka beroperasi 24 jam sehari dan rakyat pelbagai lapisan tanpa mengira agama dan bangsa boleh menjamu selera pada harga yang cukup murah dan berpatutan. Malah jika ada pelancong asing yang lapar pada masa yang tidak menentu, maka hanya kedai mamak ini sahaja dapat memenuhi keperluan mereka. Malah menu yang disediakan tidak terhad kepada masakan India Muslim sahaja tetapi mereka juga menyediakan makanan masakan Cina, Barat, Melayu dan masakan Thai.

Bukan itu sahaja, malah restoran ini juga menjadi satu buah pusat yang memupuk perpaduan di kalangan masyarakat berbilang agama dan bangsa. Senario pertemuan masyarakat berbilang agama dan bangsa hanya boleh dilihat di kedai mamak sahaja. Restoran mamak menyediakan pelbagai kemudahan terutamanya *WiFi* secara percuma.

Saya sendiri pernah melihat pelajar-pelajar IPTA dan IPTS membuat *assignment* dan *group study* mereka dengan izin, di kedai mamak sehingga awal pagi. Sektor restoran ini juga menjana perolehan sekitar RM10 bilion setahun. Ini secara tidak langsung juga meningkatkan juga pendapatan negara dari sudut percukaian terutamanya GST. Hujah-hujah saya ini membuktikan bahawa sumbangan sektor restoran bukan terhad kepada pendapatan cukai negara, malah menjurus kepada pembangunan sosial ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan membekukan kelulusan pekerja asing, ia memberi satu kesan yang cukup mendalam kepada para pengusaha restoran ini. Mereka bukan tidak mahu menggaji pekerja tempatan tetapi tidak mendapat sambutan. Mereka sudah puas mengiklankan dalam akhbar, *banner* dan pejabat tenaga kerja di daerah masing-masing. Kita perlu menerima hakikat bahawa rakyat kita tidak berminat hendak bekerja dalam sektor restoran. Kalau ada sekali pun, bilangannya amat kecil.

Saya ingin memohon kepada kerajaan agar membuka kelulusan pekerja asing ini dengan kadar segera. Saya yakin dengan membuka kelulusan pekerja asing ini, ia tidak akan menyebabkan lambakan pekerja asing di negara kita. Ini adalah kerana para pengusaha hanya akan mengambil pekerja mengikut keperluan mereka. Mereka tidak akan mengambil lebih daripada keperluan kerana ia akan meningkatkan kos operasi mereka terutamanya faktor gaji.

Untuk makluman, kekurangan pekerja sudah sampai ke tahap yang paling kritikal sekarang. Ada pengusaha yang terpaksa membawa keluarga untuk membantu, termasuk anak yang masih bersekolah. Pengusaha sering menjadi sasaran pelanggan yang marah kerana pesanan makanan yang lambat. Ada masanya juga mereka mengalami kerugian akibat tidak dapat mengawal keadaan pelanggan yang ramai dan ada pelanggan yang mengambil kesempatan untuk tidak bayar harga makanan.

Saya juga meminta apabila dibuka kelulusan ini kelak, kerajaan harus menimbangkan untuk memberi kelulusan kepada penggajian pekerja asing bagi sektor restoran ini tanpa pengkhususan. Ini adalah kerana secara lazimnya, permit kerja hanya dikeluarkan atas nama tukang masak sahaja. Ini berbeza dengan sektor perladangan di mana permit dikeluarkan atas nama pekerja ladang tanpa sebarang pengkhususan kerja. Tujuan saya membawa perkara ini kerana keperluan tenaga kerja di sektor restoran bukan terhad kepada tukang masak sahaja, malah mereka juga perlukan pelayan dan tukang pembersih. Malah, sebelum ini juga pihak imigresen pernah membuat operasi dan menahan pekerja asing...

Tuan Ramli bin Shariff: Yang Berhormat, mohon mencelah

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat, ada yang mencelah. Silakan

Tuan Ramli bin Shariff: Rakan saya...

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat?

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Boleh, boleh.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat beri peluang. Duduk, duduk.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut juga soal kebersihan di restoran atau pun di tempat-tempat makan yang diusahakan oleh India Muslim. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat yang membahaskan, di manakah tahap pengawalan soal kebersihan di restoran-restoran India Muslim? Sebab kebanyakan didapati dikawal selia oleh pekerja-pekerja yang diimport. Jadi, bagaimanakah pengawalan di peringkat tempatan ini? Itu sahaja Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya hendak sebutkan tentang kebersihan ini, memang sekarang pada tahap ini diawasi oleh Kementerian Kesihatan. Akan tetapi apa yang masalah kita ini, pekerja tempatan ini, dia tidak berminat untuk pergi bekerja di restoran yang mana dia tidak suka dengan ambil gelas, mangkuk dan bersihkan itu.

■1510

Justeru, ini kekurangan- memandangkan tidak ada pekerja tempatan. So, mereka harus gunakan pekerja asing sahaja boleh buat. So, ini yang membuatkan masalah itu. So, tahap-tahap kebersihan ini memang saya sendiri tak boleh cakup banyak, fasal apa...

Dato' Sri Khairudin Samad: Tak apa Yang Berhormat, tak apa, yang itu nanti saya ingat kementerian boleh jelaskan.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Di sini inginkan kementerian luluskan untuk pengambilan pekerja asing ini tanpa sebarang alasan yang dikatakan hanya untuk sektor-sektor tertentu sahaja dia akan bagi. Ini akan memberikan satu input yang begitu tak betul, fasal apa, ini akan membawakan salah menggunakan kuasa di situ fasal apa, mereka bagi hanya untuk pemasak. So, pemasak satu buah kedai berapa ramai dia perlukan? Kalaupun di kedai itu dia perlukan 20 orang itu, kalau dia bagi tiga orang, empat orang pemasak, yang lain kerja siapa hendak buat? Bila pemasak dia buat lain kerja, dia orang tangkap. So, bila tangkap, ini yang berlaku masalah ini.

Akan tetapi apabila kita ambilkan ladang yang mana dia bagi secara *blanket* yang mana pekerja ladang dia boleh jadikan *tractor driver*, dia boleh jadikan mandur, dia boleh jadikan penoreh getah ataupun *oil palm*, apa pun dia boleh buat. So, kenapalah di restoran sahaja kita hendak hadkan ini untuk ambil ini, ambil ini, kenapakah di situ tak boleh pakai kah orang tempatan? Ada juga banyak agensi biasa buat bising, dia katakan tak boleh bawa dari luar tetapi mereka sudah cuba sudah sedaya upaya mendapatkan pekerja tempatan di sini tetapi tak dapat pun.

Sekarang ini kerajaan kena dengar fasal banyak kali / hendak bawa ke dalam Dewan yang mulia ini pun / sudah bawa. / sudah cerita kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun / sudah ceritakan. Akan tetapi sampai ke hari ini memang benda ini tak diselesaikan. Sebagai seorang pemimpin, saya harus bawa perkara ini kali terakhirnya di sini untuk...

Dato' Sri Khairudin Samad: Terus, terus. Saya rasa Yang Berhormat Menteri akan memberi pertimbangan. Alasan nanti ya, terus.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Ada juga pihak yang mencadangkan pengusaha ini untuk turun ke jalan untuk menuntut kerajaan memberi perhatian kepada pengusaha. Bagi saya, ini bukan cara kita. Saya pernah bawa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri tentang permasalahan ini. Saya yakin sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kerajaan pasti akan bantu. *It is just a matter of time*, dengan izinnya.

Saya bimbang jika masalah pekerja asing ini tidak ditangani dengan kadar segera ia akan memberikan kesan jangka panjang kepada banyak pihak. Ini kerana bukan sahaja pengusaha restoran yang terlibat, malah *supply chain* dalam perniagaan ini cukup besar. Ini yang saya hendak ceritakan sedikit. Fasal apa, kita biasa kita fikirkan pengusaha-pengusaha restoran sahaja tetapi kita lupa penternak ayam, dia dapat hidupan di situ, penangkapan ikan, semua yang *seafood* dia dapatkan situ, penanam sayur-sayur, dia dapat. Ramai orang yang hidup dengan apa restoran ini, fasal ini *supply*. Bukan kita ini ada lebih kurang 20,000 buah restoran di Malaysia, bukan satu, dua. Kena faham, kalau kita tutupkan restoran ini, ini semua akan menjejaskan ini semua.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah diperuntukkan RM577 juta dalam Bajet 2017. Sebagai sebuah kementerian yang menjaga perdagangan dalam negeri dan hal ehwal kepenggunaan, ia mempunyai tanggungjawab yang besar dalam kehidupan harian rakyat. Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan rasionalisasi subsidi bagi beberapa buah produk yang digunakan secara harian oleh rakyat. Sudah menjadi sebahagian budaya kita untuk yang sudah biasa menikmati subsidi sejak beberapa dekad. Apabila subsidi dimansuhkan atau dikurangkan, sudah pasti ia beri kesan kepada rakyat, terutamanya yang berpendapatan rendah. Faktor ini sering digunakan oleh pembangkang untuk menghasut rakyat, menentang kerajaan kononnya kerajaan zalim setiap kali berlaku kenaikan harga.

Saya ingin membawa satu cadangan kepada Dewan yang mulia ini agar kerajaan memberikan satu penerangan yang komprehensif kepada rakyat berkenaan dengan rasionalisasi subsidi ini. Saya bagi contoh, jika kerajaan bercadang untuk memansuhkan subsidi bagi gula, maka sebelum tarikh implementasi tersebut kerajaan harus menjelaskan kepada rakyat ke mana kerajaan akan salurkan penjimatan yang diperolehi hasil daripada pemansuhan subsidi tersebut. Saya yakin jika agensi-agensi di bawah KPDNKK dapat turun padang untuk menjelaskan kepada rakyat, maka rakyat akan ada pemahaman yang menyeluruh berkenaan dengan rasionalisasi subsidi.

Bila mereka ada pemahaman, maka mereka tidak akan termakan hasutan mana-mana pihak. Dalam pada itu juga, saya mohon kepada pihak kementerian untuk mencari satu mekanisme untuk terus membantu rakyat yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan. Dengan ini, kita akan terus dapat membela nasib rakyat yang berpendapatan rendah dengan sebaiknya, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin memanjangkan lagi, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Sri Khairudin Samad: Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

3.16 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kejayaan beliau membentangkan bajet bagi tahun 2017. Saya lihat Bajet 2017 ini adalah berjiwa rakyat dan bersesuaian dengan temanya iaitu menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemat perbelanjaan inklusif, menyejahterakan kehidupan rakyat seluruh atau boleh kita sifatkan bajet ini sebagai *budget people centric* yang memberikan penumpuan untuk menjaga kebajikan rakyat Malaysia secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2017 episod sambungan serta kesinambungan kepada Bajet 2016 yang dilaksanakan sepanjang tahun ini. Maka, secara jelasnya kedua-dua bajet ini haruslah selari dengan pelan jangka masa panjang negara yang digarapkan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih saya ucapkan kepada Perdana Menteri kerana telah membentangkan sebuah bajet yang berpaksikan kepentingan rakyat yang jelas menunjukkan tekad untuk memastikan setiap perbelanjaan dilakukan secara berhemah dan tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh beberapa perkara di dalam Bajet 2017 ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana masih mampu memberi senyuman, khasnya kepada golongan B40 dengan pelbagai pemberian dan insentif kepada mereka. Seperti kenaikan BR1M dan juga galakan golongan ini menjana pendapatan sebagai pemandu Uber dan rebat RM4,000 diberikan bagi membeli Proton Iriz. Ini satu peluang baik harus diambil oleh golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai BR1M, saya ingin dapatkan kepastian daripada kerajaan, sampai bilakah program ini akan diteruskan? Adakah kerajaan sudah merangka satu alternatif yang bersifat jangka panjang dan lebih membantu golongan B40 sebagai tujuan menggantikan program ini? Sejak BR1M diperkenalkan, adakah kerajaan ada membuat kajian terperinci mengenai impak ekonomi kepada golongan B40 dan negara secara keseluruhannya?

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Dato' Sri Khairudin Samad: Yang Berhormat ada- boleh? Silakan.

■1520

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memajukan suatu persoalan. Adakah timbul sebarang perbezaan yang ketara di antara B40 di kawasan bandar dengan B40 di kawasan luar bandar? Ini kerana Yang Berhormat, kita dari Malaysia Timur, mungkin itu boleh menjelaskan kalau-kalau ada perbezaan yang ketara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Yang Berhormat. Perbezaan itu saya tidak pasti tetapi sekarang saya hendak habiskan bacaan dululah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar populasi penduduk di negara ini semakin bertambah setiap tahun dan setiap tahun juga kadar mereka yang layak menerima BR1M juga akan meningkat, khasnya ketika suasana ekonomi Malaysia pada ketika ini. Mahu tidak mahu, kadar pemberian BR1M juga akan meningkat dan akan semakin menekan bergantung kewangan kerajaan.

Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengkaji bagaimana jumlah pemberian BR1M setiap tahun yang semakin meningkat ini dapat ditukar kepada satu alternatif yang lebih memberikan kesan yang jelas, khasnya kepada golongan B40. Walaupun saya bersetuju dengan cadangan rasionalisasi subsidi yang dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini tetapi sekiranya kita menggantikan jumlah pemberian BR1M setiap tahun ini dan diagihkan melalui pemberian subsidi kepada perkhidmatan dan barangan asas lain dan juga menambahkan lagi skim perumahan bagi golongan B40, maka ia dilihat lebih memberikan kesan kepada keseluruhan rakyat Malaysia dan golongan sasaran juga tidak dipinggirkan.

Saya melihat golongan pertengahan iaitu M40 semakin terbeban ketika ini, bukan sahaja terpaksa menanggung kos sara hidup yang semakin tinggi, GST, cukai pendapatan dan tidak memperoleh BR1M, malah bantuan yang diberikan kerajaan seperti subsidi sudah dikurangkan dan dihapuskan, ditambah pula tanggungan keluarga yang besar. Ini sangat memberikan tekanan kepada golongan M40.

Oleh itu bagi membantu golongan ini, saya mencadangkan supaya kerajaan dapatlah mencari satu kaedah bantuan yang lebih memberikan kesan kepada golongan M40 ini seperti asas mudah kepada perlindungan insurans perubatan dan juga pendidikan anak-anak mereka. Kesimpulan dalam isu BR1M ini, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar mencari kaedah dan alternatif bagi menggantikan BR1M kepada bentuk bantuan yang lebih bersifat jangka panjang, memberikan kesan yang jelas kepada kehidupan ekonomi B40 dan M40 dan keseluruhan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi pula kepada rasionalisasi subsidi khasnya minyak masak. Saya menyokong usaha kerajaan dalam melaksanakan rasionalisasi ini kerana kita perlulah menentukan jumlah kuota minyak masak yang sebenar untuk disalurkan kepada golongan sasaran iaitu B40 dan mengelakkan ketirisan.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya lihat Kementerian seolah-olah tidak bersedia dan tergesa-gesa dengan langkah ini. Kita dapat lihat pada masa ini, minyak masak bersubsidi di kedai-kedai dan di pasar raya besar, kekurangan bekalan dan penjualannya pula dihadkan. Di pihak pembekal minyak masak pula, mereka menyalahkan pekedai kerana tidak memohon lesen dengan Kementerian bagi tujuan menjual minyak masak bersubsidi dan disebabkan itu, pihak pembekal tidak boleh membekalkan minyak masak tersebut kepada pekedai tersebut dan yang malangnya, rakyat terkesan.

Kalau kita lihat hasrat kerajaan untuk mengelakkan ketirisan, sekarang kita lihat ada pembekal yang tidak bertanggungjawab menyeleweng kuota subsidi minyak satu kilogram tersebut dan di *packing* kepada minyak masak dua kilogram dan ke atas dan mereka mendapat keuntungan berlipat kali ganda. Saya lihat perkara ini tidaklah akan berkesudahan sekiranya Kementerian tidak bertindak tegas terhadap pembekal yang tidak bertanggungjawab ini. Oleh itu, saya ingin tahu, berapakah pembekal minyak masak yang telah pun diambil tindakan setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya, saya memuji langkah rasionalisasi subsidi minyak masak ini kerana ia akan memberikan penjimatan kepada negara sekali gus dapat meningkatkan perolehan negara. Akan tetapi, rancangan rapi haruslah dilakukan terlebih dahulu agar ia dilihat tidak menekan keseluruhan rakyat Malaysia yang sedang mengalami kesukaran dan pertahanan ini dalam keadaan kos sara hidup yang semakin tinggi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana masih lagi meneruskan bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar dari keluarga yang berpendapatan RM3,000 yang akan memberikan manfaat kepada 3.5 juta orang murid di seluruh negara. Saya juga menyambut baik langkah kerajaan dengan menggantikan sistem baucar buku dengan kad debit pelajar berjumlah RM250. Saya menganggap ini langkah tepat dan memastikan hasrat kerajaan bagi membantu golongan pelajar khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi tercapai.

Walau bagaimanapun, saya ingin menggesa dan mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk memastikan *outlets* terlibat benar-benar menerima dan mengiktiraf kad debit tersebut. Gesaan dan cadangan ini dilakukan memandangkan terdapat banyak aduan daripada pelajar-pelajar bagaimana ada sesetengah *outlets* tidak mahu melayan mereka seperti mana diskaun yang sepatutnya diberikan kepada pelajar apabila mereka menunjukkan kad matriks. Pemantauan dan penguatkuasaan juga haruslah kerap dilakukan kementerian terhadap keberkesanan kad ini di kedai-kedai yang telah mendaftar dengan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya adalah berkenaan sektor kesihatan negara. Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada kerajaan kerana masih lagi meletakkan sektor ini sebagai sektor yang menjadi keutamaan negara walaupun keadaan ekonomi dan kewangan negara yang tidak menentu. Saya mengalu-alukan penekanan kepada kesihatan dan perubatan yang terdapat di dalam Bajet 2017 ini, khasnya mengenai peruntukan sebanyak RM536 juta bagi menaiktarafkan kemudahan hospital termasuk peralatan rawatan kardiologi dan pemberian 100 buah ambulan di seluruh negara.

Walaupun begitu, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada kementerian iaitu yang pertama, daripada jumlah peruntukan tersebut, berapakah yang diperuntukkan untuk hospital-hospital di Sabah dan Sarawak? Kedua, berapakah jumlah ambulan sedia ada di Sabah, dan berapakah jumlah akan ditambah?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin membangkitkan mengenai Hospital *Duchess of Kent* di Sandakan. Hospital ini hospital tunggal di Sandakan dan keadaan fasilitinya amatlah menyedihkan. Saya boleh sebutkan di sini bahawa kebanyakan fasiliti perubatan seperti *operation room*, perkhidmatan radiologi termasuk *CT scan*, *mammogram* dan *pyeloscopy* adalah jauh ketinggalan berbanding hospital-hospital awam lain yang ada di negara kita, ditambah pula dengan masalah *ventilation*, pendawaian elektrik, paip yang teruk dan lif yang sentiasa rosak dan terhad.

■1530

Ini semua memerlukan penambahbaikan dengan kadar segera. Di samping itu juga, bilangan mesin hemodialisis perlulah ditambah kerana pesakit buah pinggang di Sandakan didapati semakin bertambah dari semasa ke semasa. Masalah tempat letak kereta awam jugalah menjadi isu yang telah lama dihadapi oleh masyarakat di Sandakan dan saya mohon agar kerajaan mencari satu kaedah bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melahirkan rasa kehairanan mengapa hospital ini seolah-olah tidak diambil peduli oleh kementerian. Semua serba kekurangan dan saya ingin tahu bilakah kali terakhir kerajaan menjalankan penambahbaikan daripada segi infrastruktur dan fasiliti di hospital ini dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan?

Saya berhasrat untuk menjemput Menteri Kesihatan dan juga Timbalan Menteri Kesihatan untuk melawat Hospital *Duchess of Kent* Sandakan bersama saya dan dapatlah melihat sendiri apakah masalah yang dihadapi oleh rakyat Sandakan dan kita dapatlah mencari jalan bagaimana kita dapat menyelesaikan isu-isu yang berbangkit di hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik usaha kerajaan dalam memperkasakan ekonomi digital negara melalui berbagai-bagai inisiatif yang disebutkan dalam Bajet 2017 ini.

Antaranya perkhidmatan jalur lebar, tarikan tetap yang lebih kompetitif iaitu kelajuan-kelajuan yang lebih tinggi pada harga sama. Juga meluaskan liputan dan kualiti jalur lebar sehingga 20 mbps di seluruh negara dan jumlah peruntukan sebanyak RM1 bilion Ringgit. Oleh yang demikian, saya mohon penjelasan daripada Kementerian Bilakah rakyat Sabah khususnya di kawasan bandar dan luar bandar di Sabah akan dapat menikmati kualiti jalur lebar sehingga 20mbps. Berapakah anggaran peruntukan yang disediakan bagi tujuan di Sabah?

Kalau kita lihat di kawasan bandar di Sabah sebagai contoh bandar di Sandakan, masih lagi mengalami masalah ketidaktentuan kelajuan internet yang sering kali mengganggu urusan harian rakyat di sini. Ini di kawasan bandar, bagaimanakah pula dengan di kawasan luar bandar di Sabah? Oleh yang demikian, saya mohon Kementerian dapatlah menyelesaikan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bajet 2017 ini agak kurang memberikan tumpuan terhadap golongan masyarakat Malaysia yang dikategorikan sebagai warga emas. Saya hanya lihat peruntukan sebanyak RM470 juta ringgit yang bakal memanfaatkan 120 ribu orang warga emas dengan penubuhan lapan buah pusat aktiviti warga emas baru dan wang saku sebanyak RM300 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik 2014, jangka hayat bagi lelaki meningkat 70.5 tahun manakala 77.2 tahun dan sekiranya ia berterusan bagi 15 tahun yang akan datang, kita akan melihat jumlah peningkatan warga emas sebanyak 15 peratus iaitu lima juta orang warga emas. Ini satu jumlah yang tinggi, oleh itu wajarlah kita bersiap sedia dari sekarang dengan merancang secara holistik dan tersusun bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan warga emas agar mereka boleh meneruskan kehidupan dengan tenang dan aman.

Oleh itu, saya menyarankan agar kerajaan menyediakan sebuah kerangka yang lebih menyeluruh mengenai perancangan kerajaan bagi tujuan ini dan dirangka bersama-sama Ahli Parlimen agar kita dapat mencari satu penyelesaian dan kaedah yang lebih menjamin kesejahteraan mereka apabila tiba masa kelak.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bajet 2017 dengan harapan akan lebih banyak lagi yang dapat dilakukan oleh kerajaan pusat untuk Sabah membela nasib rakyat Sabah. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Khairudin Samad: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya teruskan perbahasan dalam ini, saya ingin memohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan dan juga di luar Dewan sila kemukakan nama dengan secepat mungkin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan perbekalan ini. Janganlah hari terakhir nanti baru semua hendak mengambil bahagian. Kita akan hanya buka mungkin lima minit sahaja seorang.

Jadi sewaktu kita ada waktu yang panjang ini, boleh bagi nama dan boleh bahas. Kita bagi peluang untuk mengambil masa yang panjang. Kalau hari terakhir tu baiklah biarkan untuk sayalah. Sebab Timbalan Tuan Yang di-Pertua akan balik sudah masa itu, sudahlah saya pula yang berbahas pada hari terakhir. Janganlah berebut dengan saya.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Timbalan Yang di-Pertua, boleh tanya Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya tengah bercakap. Yang Berhormat Tan Sri sila duduk dulu.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak boleh?

Dato' Sri Khairudin Samad: Tidak boleh. Saya Tuan Yang di-Pertua. Saya Tuan Yang di-Pertua Dewan, sila duduk. Dengar cakap duduk dulu.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak ada, saya tanya. Tuan Yang di-Pertua, ada angkat sumpah kah mahu duduk sana?

Dato' Sri Khairudin Samad: Baca buku yang dibekalkan Dewan peraturan mesyuarat, pelantikan saya tidak perlu angkat sumpah. Ada tercatat, ada peruntukan.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, hari ini hari jadi dia. Kita maafkanlah. Hari ini hari jadi dia, kalau tidak ada kita pun tidak nyanyi lagi *birthday*.

Dato' Sri Khairudin Samad: Okey, okey. Jadi Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan, saya mohon kerjasama tetapi sebelum itu baca buku ya. Ada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, kalau mahu bahasa lain maklumkan. Kita alih bahasa. Ada peraturan yang membenarkan saya duduk di sini tanpa angkat sumpah, ya. Terima kasih. Jadi ahli-ahli Yang Berhormat saya mohon kerjasama kalau boleh lepas ini bagi nama secepat mungkin supaya kita tidak berebut dalam perbahasan.

Seterusnya, saya dengan sukacitanya menjemput Yang Berhormat Mulia Hajah Engku Naimah binti Engku Taib.

3.37 ptg.

YM. Hajah Engku Naimah binti Engku Taib: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana turut memberikan kesempatan untuk saya menurut serta dalam perbahasan Bajet 2017.

Alhamdulillah saya mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinnya jua saya dapat turut serta dalam perbahasan kali ini yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan pada petang Jumaat, 21 Oktober 2016 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, yang telah mengemukakan bajet 2017 yang merupakan bajet kelapan yang pernah dibentangkan sebagai Perdana Menteri dan merangkap Menteri Kewangan. Bejat 2017 ini juga merupakan bajet yang penting kerana merupakan bajet kedua rancangan Malaysia ke-11 bagi menyediakan *framework* menuju negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Utama Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang telah diberikan penghargaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kepercayaan dan kesetiaan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Sebuah regu dan gandingan yang jitu dan mantap bagi membawa kestabilan politik dan ekonomi serta mencapai status negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya memulakan perbahasan bajet 2017, dengan rasa tawaduk dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam merangka bajet 2017 ini telah mengambil ikhtiar, iktibar dengan memetik kisah Nabi Yusuf a.s., dari Surah Yusuf ayat 43 hingga 49. Ayat-ayat ini memberikan peringatan tentang pentingnya kebijaksanaan dalam pentadbiran negara khususnya pengurusan ekonomi iaitu tujuh tahun persediaan dan tujuh tahun yang mencabar.

■1540

Dalam kitaran ekonomi, tidak ada negara yang boleh melepasi tekanan tetapi yang membezakan Malaysia dengan negara lain adalah kemampuan kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mentadbir dan mengurus negara ketika ekonomi memuncak dan merudum. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah membuktikan kewibawaan dan kebolehan dalam mentadbir dan mengurus negara walaupun menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar. Tahniah kepimpinan negara yang diterajui oleh Barisan Nasional yang sentiasa menepati janji.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2017 bertemakan 'Menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghemat perbelanjaan inklusif, menyejahterakan kehidupan rakyat' sebagai menghadapi keadaan ekonomi negara yang agak mencabar dengan kejatuhan harga minyak dan komoditi serta kejatuhan nilai ringgit.

Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan tahun 2017 sebanyak RM260.8 bilion iaitu RM214.8 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Peruntukan pembangunan meliputi sektor ekonomi sebanyak RM25.9 bilion, sektor sosial sebanyak RM12.2 bilion, sektor keselamatan sebanyak RM5.3 bilion dan pentadbiran am sebanyak RM2.5 bilion.

Bajet ini belanjawan terbaik untuk semua kumpulan masyarakat. Walaupun dalam kepayahan ekonomi negara dan ketidaktentuan ekonomi global, Malaysia mampu mengagihkan peruntukan setimpal mengikut fokus keutamaan rakyat sekali gus memperlihatkan keprihatinan kerajaan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, Bajet 2017 memfokuskan kepada agenda, pertama, memperkasakan kesejahteraan rakyat yang merupakan tumpuan utama kerajaan dalam Bajet 2017. Antara projek dan program kesejahteraan yang diberikan keutamaan ialah memasang lampu jalan, membina dan menaik taraf jalan kampung, menyelenggarakan jalan negeri, membina dan membaik pulih rumah usang serta daif, meningkatkan bekalan air bersih dan projek mesra rakyat, pelbagai pembangunan kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Kedua, meringankan beban rakyat. Berikutan dengan kos sara hidup, Bajet 2017 telah mengetengahkan pelbagai langkah dan inisiatif dengan sasaran meringankan beban rakyat. Antaranya, menaikkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan menyediakan peruntukan subsidi hampir RM10 bilion merangkumi subsidi bahan api, gas memasak dan pampasan tol dan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan. Pertamanya, saya ingin menyentuh mengenai pendidikan yang begitu dekat di hati saya kerana saya pernah menjadi pendidik selama 34 tahun. Saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Kementerian Pendidikan khususnya, yang sentiasa komited dan prihatin dalam pendidikan termasuk pendidikan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah Menengah.

Antaranya inisiatif kerajaan seperti memperuntukkan membangunkan semula 120 buah sekolah dengan peruntukan sebanyak RM570 juta, menyiapkan pembinaan 227 buah sekolah yang melibatkan RM478 juta dan memperluaskan program penguasaan bahasa Inggeris yang berjumlah RM90 juta. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan meneruskan bantuan persekolahan RM100, bantuan makanan asrama sebanyak RM1.1 bilion, Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia sebanyak RM300 juta, bantuan buku teks sebanyak RM1.1 bilion, geran sepadan akaun SSPN-i, elaun khas murid keperluan khas sebanyak RM150 dan Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah sebanyak RM600 juta.

Berhubung dengan pendidikan, saya ingin menyentuh berhubung dengan keputusan UPSR 2016, baru-baru ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada 4,896 orang pelajar yang memperoleh 6A atau *straight A's* bagi peperiksaan UPSR 2016 yang diumumkan baru-baru ini.

Saya memahami jika tidak boleh dan kita tidak boleh membandingkan dengan keputusan UPSR tahun-tahun sebelum ini kerana calon peperiksaan ini adalah *cohort* pertama yang mengikuti Kokurikulum Standard Sekolah Rendah ataupun KSSR yang melengkap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah atau PBS sejak tahun 2011 serta membudayakan unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), namun bilangan mendapat 'A' bagi semua mata pelajaran begitu merosot.

Daripada 38,344 orang calon atau 8.65 peratus kepada hanya 4,896 orang calon atau 1.1 peratus sahaja. Sudah tentu keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan ibu bapa walaupun hakikatnya kita mengakui keputusan ini menggambarkan standard UPSR dengan format baru bermula pada tahun ini semakin tinggi sekali gus dapat melahirkan generasi yang matang dan berilmu.

Bagaimanapun, saya ingin mendapat penjelasan KPM. Pertama, mengapakah pencapaian calon UPSR 2016 yang mendapat semua 'A' hanya 1.1 peratus sahaja berbanding 8.65 peratus tahun 2015? Sedangkan, mereka kumpulan pelajar yang telah pun mengikuti Kokurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) sebagaimana yang saya sebutkan, dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sejak tahun 2011 lagi. Apakah ada kelemahan daripada segi pelaksanaan KSSR dan PBS ini? Adakah murid dan guru memerlukan lebih masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem baharu ini?

Kedua, apakah langkah kerajaan khususnya KPM untuk mendedahkan murid-murid lebih banyak dengan unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran? Kerana, kurangnya pendedahan kepada soalan KBAT ini mungkin menjadi punca ramai yang tidak berjaya memperoleh keputusan semua Gred 'A'.

Ketiga, adakah benar antara punca penurunan pencapaian semua 6A UPSR 2016 adalah berpunca daripada penetapan gred yang lebih tinggi? Umpamanya, Gred 'A' di antara 86 hingga 100 peratus; Gred 'B' di antara 76 hingga 85 peratus; Gred 'C' di antara 65 hingga 75 peratus; Gred 'D' di antara 40 hingga 64 peratus; dan Gred 'E' di antara sifar hingga 39 peratus. Berbanding sebelum ini, Gred 'A' di antara 80 hingga 100 peratus sahaja yang menyebabkan 9,519 orang calon atau 2.16 peratus mendapat semua 'E'.

Berhubung dengan pendidikan ini, saya ingin menyentuh langkah kerajaan memperkasakan bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional atau TVET melalui peruntukan sebanyak RM4.6 bilion kepada institusi-institusi TVET bagi tahun 2017.

Peruntukan bagi memperkasakan bidang TVET ini menunjukkan kerajaan melihat bidang ini penting sebagai salah satu bidang yang penting kepada pembangunan negara khususnya untuk menyediakan modal insan yang berkemahiran dan berkebolehan sebagai persediaan sebagai negara maju. Selain aliran akademik normal, kerajaan membuka peluang kepada masyarakat satu lagi aliran baru bidang pendidikan iaitu TVET. Langkah kerajaan ini adalah tepat pada masanya sebagai inisiatif untuk memenuhi keperluan industri dengan memperkasakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional, TVET.

Berhubung dengan pendidikan TVET ini, saya ingin mendapat penjelasan. Apa langkah kerajaan bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur Institut Pendidikan Guru (IPG), politeknik dan kolej vokasional dan kolej vokasional swasta yang menyediakan program TVET ini bagi menyediakan kursus yang memenuhi kehendak industri? Sejauh manakah kebenaran belajar TVET ini tidak mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)? Sedangkan, SPM diperlukan jika bekerja dengan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pendidikan, saya ingin menyentuh berhubung dengan pengurusan Kementerian Sumber Manusia (KPM) khususnya berhubung urusan hal-hal perkhidmatan dan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan modal insan.

■1550

Berdasarkan buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2015, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017 adalah didapati warga KPM yang mendapat perkhidmatan psikologi dan kaunseling adalah seramai 798 orang pada tahun 2013, 5,284 orang pada tahun 2014, 5,510 orang pada tahun 2015, 5,785 pada tahun 2016. Kita melihat peningkatan yang drastik dari tahun 2013 ke tahun 2014. Bilangan warga KPM yang mendapat perkhidmatan psikologi dan kaunseling terus meningkat dari tahun 2015 hingga jangkaan tahun 2017.

Saya ingin mendapatkan penjelasan KPM, apa punca menyebabkan bilangan warga KPM yang mendapat perkhidmatan psikologi dan kaunseling terus meningkat.

Seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan kes 'guru duka lara'. Saya difahamkan terdapat lebih 18,000 orang guru seluruh negara yang dikategorikan sebagai 'guru duka lara' kerana terpisah dengan pasangan masing-masing kerana mengajar di sekolah dan di negeri berlainan. Saya yakin KPM memang memahami dan mengambil berat nasib warga KPM 'duka lara' ini kerana tekanan masalah peribadi akan sedikit sebanyak menjejaskan prestasi guru terbabit.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah kriteria pertukaran guru berasal dari Semenanjung, di Sabah atau Sarawak balik ke Semenanjung? Adakah tempoh perkhidmatan dan keadaan keluarga diambil kira? Ini kerana saya dapati ada guru yang baru berkhidmat tiga tahun di Sabah telah dapat kembali ke Semenanjung. Sedangkan ada guru yang telah berkhidmat selama lapan tahun di Sarawak, mempunyai isteri yang bertugas sebagai guru di Pasir Puteh, Kelantan dan mempunyai tiga orang anak berumur setahun hingga enam tahun masih gagal untuk pulang ke Semenanjung walaupun memohon untuk bertukar setiap tahun.

Saya dapat membayangkan kesukaran dan kepayahan pasangan guru muda, 'guru duka lara' ini menjalani kehidupan harian terutama isteri yang terpaksa menjadi ibu dan bapa kepada tiga orang anak yang masih kecil. Saya berharap KPM akan mempertimbangkan kes-kes yang seumpama ini bagi membantu 'guru-guru duka lara' ini supaya diberikan keutamaan dalam pertukaran guru agar mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih teratur dan seterusnya meningkatkan prestasi mendidik anak bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Pendidikan Tinggi. Seterusnya saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan Tinggi yang menerima peruntukan sebanyak RM7.4 bilion kepada 20 buah universiti awam tempatan termasuklah RM1.4 bilion diberikan kepada empat Hospital Universiti dan RM300 juta untuk pemerkasaan Universiti Pendidikan.

Berhubung dengan Kementerian Pendidikan Tinggi ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan bantuan pelajar pendidikan tinggi iaitu kad debit pelajar berjumlah RM250 untuk pembelian buku, alat tulis, alatan komputer dan akses *internet* yang dapat dimanfaatkan kepada 1.3 juta orang pelajar. Saya ingin mendapatkan penjelasan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh pelajar Institusi Pengajian Tinggi melalui baucar buku bagi tahun 2014, tahun 2015 dan tahun 2016? Mengapakah baucar buku ini tidak dapat diedarkan sepenuhnya kepada pelajar? Apakah punca pelajar tidak menggunakan sepenuhnya baucar buku yang diberikan kerajaan? Apakah langkah kerajaan memastikan kad debit pelajar dapat diedarkan sepenuhnya kepada pelajar yang layak mendapatkannya?

Seterusnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mendapat peruntukan sebanyak RM1.9 bilion bagi tahun 2017. Kerajaan telah menunjukkan keprihatinan kepada wanita dalam Bajet 2017 ini. Antaranya kerajaan memperkenalkan pelepasan cukai baru sehingga RM1,000 sebagai sokongan kepada wanita berkerjaya yang masih menyusukan anak untuk pembelian peralatan penyusuan ibu.

Selain itu bagi meringankan beban ibu bapa yang bekerja, kerajaan memberikan pelepasan cukai sehingga RM1,000 kepada individu yang menghantar anak berumur enam tahun dan ke bawah ke taman asuhan dan pra sekolah berdaftar dan menganggarkan lebih 40,000 orang wanita akan mendapat manfaat daripada pelepasan cukai berkenaan.

Kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk membolehkan wanita menjalani pemeriksaan *mammogram* dan suntikan vaksin virus papiloma (HPV) secara percuma mencegah kanser. Jelas langkah kerajaan ini membuktikan bukan sahaja kerajaan prihatin kepada wanita tetapi berkeabajikan untuk wanita bukan seperti sesetengah negeri yang dipimpin kerajaan pembangkang yang sekadar retorik mengatakan negeri berkeabajikan tetapi rakyat terus diabaikan dalam semua hal. Jauh sekali untuk membela wanita. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya KPWKM sama ada penyediaan bantuan daripada segi kewangan dan khidmat psikologi, kaunseling kepada wanita yang menghadapi kanser.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana Bajet 2017 terus mengiktiraf peranan penting wanita sebagai inspirasi dan tulang belakang negara dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM2 bilion untuk Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), Inkubator Keusahawanan Wanita (IKEUNITA) dan wanita kembali bekerja.

Saya ingin mendapat penjelasan setakat manakah kedua-dua program ini akan memberi manfaat kepada wanita khususnya di luar bandar? Apakah perancangan dan langkah kerajaan bagi menaikkan pendapatan dan ekonomi wanita desa dan luar bandar bagi menyokong dan membantu pendapatan keluarga bagi meringankan beban kos sara hidup yang terus meningkat?

Berhubung dengan KPWKM, saya juga ingin menyentuh tentang warga emas khususnya Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Berdasarkan prestasi aktiviti juga, bilangan kehadiran warga emas ke Pusat Aktiviti Warga Emas seramai 210,850 pada tahun 2014, seramai 200,411 pada tahun 2015 dan seramai 216,600 tahun 2016. Sedangkan anggaran semasa, anggaran Bajet 2016 lalu dijangkakan seramai 231,950 tahun 2015 dan seramai 255,130 tahun 2016. Warga emas akan menggunakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ini. Jika di analisa, kekurangan warga emas ke Pusat Aktiviti Warga Emas adalah seramai lebih kurang 30,000 ribu. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah faktor yang menyebabkan kurangnya warga emas yang menggunakan Pusat Aktiviti Warga Emas atau PAWE ini?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan KPWKM ini juga, saya ingin menyentuh mengenai program khusus Wang Saku Institusi Warga Emas dengan peruntukan disediakan RM1,213,315.

Seterusnya saya ingin mendapatkan penjelasan tentang sejauh manakah pelaksanaan program Wang Saku Institusi Warga Emas ini telah memberi manfaat kepada warga emas?

Akhirnya, berhubung dengan KPWKM ini juga, saya ingin menyentuh mengenai sosioekonomi warga emas yang mendapat peruntukan sebanyak RM517, 714,900. Saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah pengurangan peruntukan ini memberi kesan kepada sosioekonomi warga emas? Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi warga emas?

Berhubung dengan warga emas ini juga, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya KPWKM bagi menghadapi bilangan warga emas yang terus meningkat setiap tahun disebabkan jangka hayat rakyat Malaysia yang terus meningkat. Warga emas ini juga ada yang pesara kerajaan dan swasta. Warga emas bukan sahaja terdedah kepada masalah daripada segi psikologi, kesihatan dan sosial tetapi juga ekonomi. Kelompok warga emas ini juga akan tergolong dalam kumpulan rakyat berpendapatan rendah termasuk pendapatan kurang RM1,000 sebulan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan-adakah, dan apa perancangan kerajaan daripada segi jangka pendek dan jangka panjang bagi membela kebajikan warga emas daripada segi sosial, kesihatan dan ekonomi?

Adakah kementerian mempunyai profil lengkap warga emas negara ini daripada segi maklumat peribadi seperti nama, nombor Kad Pengenalan, alamat dan keadaan sosioekonomi?

■1600

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pengangkutan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang menyediakan peruntukan untuk melaksanakan projek rel baru *East Coast Rail Line* (ECRL) sepanjang 600 kilometer dari Kuala Lumpur ke Tumpat, Kelantan bernilai RM55 bilion merentasi Terengganu. Sesungguhnya ECRL ini hadiah kepada rakyat Terengganu dan projek ini akan memberi impak positif terhadap sektor ekonomi dan sosial penduduk setempat.

Saya bersyukur kerana cadangan ini terus menambah baik infrastruktur logistik termasuk membina dan menambah baik jaringan pengangkutan rel sedia ada lebuhraya di Pantai Timur yang telah saya bangkitkan di Dewan yang mulia semasa perbahasan Bajet 2016 lalu telah menjadi kenyataan dan pembentangan Bajet 2017, impian menjadi kenyataan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, bila projek ini akan dimulakan, dan sejauh mana jangkaan penyertaan usahawan dan kontraktor daripada tempatan khususnya Terengganu, bagi pelaksanaan projek ini.

Saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kerja Raya berhubung dengan cadangan projek LPT3 dari Gemuruh, Kuala Terengganu ke Tumpat, Kelantan sejauh 124 kilometer. Projek ini mendesak kerana kesesakan yang sering berlaku terutama musim perayaan. Projek ini telah dicadangkan semenjak tahun 2009 lagi dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, Haji Ahmad Razif Abdul Rahman telah membangkitkan bahawa projek ini projek keutamaan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, setakat manakah *feasibility study* bagi projek ini telah dijalankan? Adakah jajaran laluan telah ditetapkan dan bilakah kemungkinan kerajaan bercadang untuk melaksanakan projek LPT3 ini?

Saya ingin menyentuh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Pembentangan Bajet 2017 kali ini merupakan hadiah yang begitu bermakna bagi masyarakat luar bandar yang memberi faedah yang besar kepada penduduk luar bandar yang merangkumi semua sektor termasuk perumahan penduduk. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang menyediakan insentif baru bukan sahaja golongan pesawah dan nelayan, tetapi juga penoreh getah dengan mengemukakan bantuan musim tengkujuh.

Langkah kerajaan memfokuskan pembangunan luar bandar dalam Bajet 2017 ini dijangka merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar. Inisiatif kerajaan memfokuskan kepada infrastruktur asas seperti elektrik, air bersih dan rumah mampu memberi kesan rantaian bermula dengan merencanakan pembangunan luar bandar. Ia kemudiannya akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan untuk menggalakkan pertumbuhan perusahan kecil dan sederhana (PKS) dalam kalangan penduduk kampung.

Sehubungan dengan itu, penduduk kampung juga perlu mengambil kesempatan membuat perniagaan walaupun kecil-kecil, sekali gus menjana ekonomi penduduk luar bandar.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, apa langkah kerajaan khususnya KKLW dalam melahirkan lebih ramai usahawan desa termasuk daripada golongan muda.

Dalam Bajet 2017 ini, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 bilion untuk membina dan menaik taraf 616 kilometer jalan kampung serta jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan antara kampung, pekan dan bandar bagi meningkatkan akses penduduk luar bandar bagi membawa hasil pertanian. Adalah penting kerajaan menyediakan jalan kampung. Jalan ini tidaklah semestinya jalan tar, tetapi jalan tanah dan kelikir juga perlu pada peringkat awal asalkan ada jalan dan kemudiannya bolehlah dinaiktarafkan. Saya ingin mendapat penjelasan KKLW, setakat mana kerajaan menyediakan kemudahan jalan-jalan kampung di Terengganu khususnya di kawasan saya di Besut.

Berhubung dengan KKLW, saya ingin menyentuh berhubung dengan Majlis Amanah Rakyat yang menerima peruntukan sebanyak RM3.5 bilion pada tahun 2014, RM3.78 bilion pada tahun 2015, RM3.4 bilion pada tahun 2016 dan hanya RM1.76 bilion pada tahun 2017. Adalah jelas memperuntukkan diterima MARA adalah menurun. Walau bagaimanapun, saya berharap MARA akan mendapat peruntukan yang wajar bagi Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan penajaan pendidikan MARA.

Saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan butiran 00601 mengenai Pembangunan Sistem MARA (*Multisectors*) yang mendapat peruntukan RM32,669,000. Apakah sebenarnya kepentingan peruntukan ini kepada MARA?

Seterusnya Butiran 00608 berhubung Penilaian dan Kaunseling/Bimbingan Usahawan yang menerima peruntukan RM27,680,000. Sejauh mana peruntukan ini memberi manfaat kepada usahawan bumiputera dan mengapakah peruntukan bangunan perniagaan mendapat peruntukan yang amat rendah iaitu hanya RM4 juta sahaja bagi tahun 2017 sedangkan kita memahami betapa pentingnya MARA menyediakan bangunan perniagaan. Berapakah jumlah pinjaman dan peminjam perniagaan dan pelajaran diberikan pada tahun 2015 dan tahun 2016? Berapakah jumlah kutipan bayaran balik pinjaman perniagaan dan pelajaran? Apakah langkah MARA bagi memastikan pinjaman perniagaan dan pinjaman pelajaran dikutip mengikut jadual?

Berhubung dengan MRSM, saya ingin menyentuh berhubung dengan cadangan menubuhkan MRSM swasta, adakah kajian *feasibility* telah dijalankan dan setakat manakah kemajuan cadangan untuk membina MRSM swasta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Saya menghargai kejayaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang sentiasa memberi keutamaan dalam bidang kesihatan dengan menyediakan peruntukan yang banyak. Saya mengalu-alukan beberapa langkah kerajaan dalam bidang kesihatan dalam Bajet 2017. Antaranya, fokusnya:

- (i) menjaga kebajikan doktor pakar serta graduan perubatan, pergigian dan farmasi;
- (ii) mengurangkan kesesakan di hospital awam; dan
- (iii) membantu pesakit kurang berkemampuan.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk melantik secara kontrak kumpulan pertama graduan perubatan, pergigian dan farmasi. Hampir 2,600 orang graduan perubatan tidak dapat penempatan *housemanship* di mana-mana hospital. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mencadangkan penempatan *housemanship* secara kontrak. Tindakan ini diambil kerana peruntukan yang terhad untuk melantik pegawai perubatan *housemanship* secara tetap dan terdapat ramai pegawai perubatan *housemanship* yang gagal dan tidak menamatkan *housemanship*.

Saya difahamkan kira-kira 1,000 daripada 5,000 orang doktor pelatih yang diambil bekerja setiap tahun gagal menamatkan latihan mereka selama dua tahun. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan, apakah faktor doktor pelatih gagal dan berhenti meninggalkan bidang perubatan?

Setakat mana sistem eHousemen membantu graduan perubatan untuk menjalani latihan perubatan. Berapakah bilangan doktor pelatih yang menjalani latihan *housemanship* dan bilangan hospital yang menerima latihan *housemanship* berkenaan?

Sejauh manakah program *housemanship* kontrak ini boleh mengatasi masalah penempatan *houseman* dan mengurangkan kadar pelatih perubatan *houseman* yang gagal menamatkan latihan *housemanship* ini? Adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan tempoh latihan *housemanship* yang lebih lama untuk doktor pelatih supaya memahami skop kerja mereka dan untuk memastikan standard minimum kecekapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang menerima peruntukan RM5.28 bilion dalam Bajet 2017.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan pemasangan CCTV di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memastikan keselamatan bandar. Berdasarkan prestasi CCTV yang berfungsi sepenuhnya sebanyak 928 tahun 2015, 992 tahun 2016 dan dianggarkan 1,002 pada tahun 2017. Saya mendapat maklum balas dari beberapa PBT di Terengganu, CCTV yang telah dipasang ini tidak dapat berfungsi dengan baik dan berkesan terutama kerana ketiadaan peruntukan untuk senggaraan CCTV dan ketiadaan bilik kawalan yang beroperasi dengan cekap.

Saya ingin mendapat penjelasan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bilangan CCTV yang telah dipasang di seluruh negara dan bilangan CCTV yang dikenal pasti tidak beroperasi atau rosak. Sejauh mana kementerian memantau penggunaan dan operasi CCTV dan keberkesannya dalam memastikan keselamatan dan keamanan bandar. Adakah kementerian menyediakan peruntukan khusus untuk setiap PBT bagi menyenggara CCTV? Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan penggunaan CCTV ini lebih berkesan dan bagi keselamatan bandar?

■1610

Berhubung dengan KPKT ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan penginapan *homestay* yang wujud bagai cendawan dan tumbuh bagai cendawan selepas hujan. *Homestay* ini amat baik untuk industri pelancongan negara, memberikan penginapan yang murah dan berpatutan, melahirkan usahawan. Akan tetapi adalah perlu pengawalan dilakukan bagi memastikan kemudahan dan keselamatan *homestay* ini memuaskan.

Pada masa ini, tiada lesen khusus dikeluarkan sama ada oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana tiadanya peraturan yang khusus mengenai lesen *homestay* ini. Saya ingin mencadangkan agar KPKT menyediakan dasar bagi mengenakan lesen untuk *homestay*, dan sekali gus mengawal perniagaan *homestay* ini bagi memastikan kemudahan dan keselamatan pengguna *homestay* seluruh negara terjamin dan industri ini terus berkembang.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Kewangan, khususnya penyusutan nilai Ringgit secara berterusan sehingga ke paras RM4.55 setiap USD1. Malah ada yang menjangkakan nilai Ringgit akan jatuh ke paras RM4.80 setiap USD1 dalam masa terdekat. Kesan langsung penyusutan nilai Ringgit ini kenaikan harga barang. Keadaan ini agak membimbangkan kerana kejatuhan nilai Ringgit bagaikan fenomena yang tidak terkawal.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah punca sebenar kejatuhan harga ringgit yang berterusan? Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang kerajaan bagi menangani masalah penyusutan nilai Ringgit? Setakat mana kejatuhan nilai Ringgit ini telah memberi kesan kepada hutang tidak dibayar, atau *non-performing loans* (NPL)?

Tuan Yang di-Pertua, inti sari penting dalam Bajet 2017, Transformasi Nasional 2050 atau TN50 yang sewajarnya diberikan penghayatan kerana tahun 2057, negara di ambang 100 tahun kemerdekaan. TN50 akan menjadi wacana golongan muda untuk membina negara bangsa yang bernaung, berintegriti, berwibawa dan berminda cemerlang serta mendukung semangat perpaduan berbilang kaum untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan saling memahami.

Sehubungan dengan itu, saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mengadakan Wacana Nasional, dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan serta dinaungi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk menentukan hala tuju perjalanan negara menjelang 2050.

Akhirnya, Bajet 2017 ini belanjawan yang berpijak di bumi yang nyata kerana kerajaan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan yang berdepan dengan ketidakpastian ekonomi. Belanjawan ini juga belanjawan yang berhemah tetapi memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat di kota dan di desa. Saya yakin dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang dinamik, progresif, ikhlas dan amanah, Bajet 2017 ini akan memacu negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

*Tongkat Ali untuk di sihat,
Tambah pula bila berjenama,
Semoga kita terus kuat,
Untuk melangkah bersama-sama.*

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Khairudin Samad: Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin.

4.13 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 pada kali ini dan hari yang pertama ini. Saya juga bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin, dan Rahmat-Nya jua, saya dapat turut sama dalam Perbahasan Bajet 2017 ini.

Terlebih dahulu saya seperti mana rakan-rakan Ahli-ahli Dewan yang lain mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2017 yang merupakan bajet yang kelapan yang pernah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri.

Bajet ini juga merupakan bajet kedua dan amat penting dalam Rancangan Malaysia Kesebelas bagi menyediakan rangka kerja negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 kelak. Bajet ini juga penting bagi memperkukuhkan Dasar Transformasi Nasional (DTN) sebagai suatu wacana yang dikenali sebagai Transformasi Nasional (TN50) bagi melahirkan negara bangsa yang bermaruah, berwibawa, berminda cemerlang. Saya percaya TN50 akan menjadi suatu wadah perjuangan yang baru kepada generasi muda yang akan datang ini dari pelbagai kaum untuk melahirkan bangsa Malaysia yang sehati sejiwa, bersatu hati bagi mewujudkan perpaduan yang erat di kalangan negara yang lebih baik lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang telah diberikan penghargaan dan kepercayaan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2017 yang lalu atas kesetiaan dan walad yang tidak berbelah bagi kepada beliau semenjak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 28 Julai 2015 yang lalu. Walad beliau ini bukan sahaja semenjak dilantik Timbalan Perdana Menteri tetapi juga daripada sejak zaman mereka ini zaman PEMUDA lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan pembentangan Bajet 2017 ini yang menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengambil ibarat dan teladan daripada kisah dalam Al-Quran, kisah Nabi Yusuf AS yang telah menjadi Menteri Kewangan Negara Mesir pada masanya melalui perancangan pengurusan Perbendaharaan Mesir iaitu tujuh tahun persediaan dan tujuh tahun menghadapi cabaran.

Selanjutnya, ayat 55 surah yang sama, Nabi Yusuf AS berjanji akan menjaga sebaik-baiknya Perbendaharaan Mesir dan mengatakan bahawa beliau mengetahui cara mentadbirnya dengan baik. Maka, bertepatan dengan kisah ini yang menjelaskan kemampuan, kebolehan dan kewibawaan Nabi Yusuf pada masa itu, maka diambil contoh oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib dalam mentadbir ekonomi dan Perbendaharaan negara ini dengan berhemah selama tujuh tahun semenjak 3 April 2009 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2017 yang bertemakan menjamin perpaduan dan pertumbuhan ekonomi, menghematkan perbelanjaan inklusif dan menyejahterakan kehidupan rakyat ini dibentangkan ketika kedudukan ekonomi negara kita terus mencabar akibat kejatuhan harga minyak mentah dan komoditi iaitu hasil utama kita seperti minyak kelapa sawit dan getah. Kelembapan ekonomi dunia dan penyusutan nilai ringgit, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM260.8 bilion iaitu meningkat 3.4 peratus berbanding Bajet 2016 yang telah diubahsuai.

Peruntukan tersebut merangkumi RM214.8 bilion untuk Belanja Mengurus dan RM46 bilion untuk Belanja Pembangunan. Secara umumnya, Bajet 2017 ini meneruskan agenda yang pertama, menyejahterakan rakyat seperti peruntukan-peruntukan jalan-jalan kecil, jalan-jalan kampung, membina dan menaik taraf parit, jalan negeri, membina dan membaiki rumah yang daif serta meningkatkan bekalan air bersih, rumah mesra rakyat, menaik taraf surau, jambatan kecil, parit, balai raya, pasar, gerai dan lain-lain lagi.

■1620

Kedua, meringankan kos sara hidup rakyat seperti penambahan BR1M sehingga RM1,200 pada tahun 2017 ini. Peruntukan subsidi seperti subsidi bahan api, gas memasak, pampasan tol dan pengangkutan awam, bantuan kepada golongan pesawah seperti subsidi harga padi, benih padi dan baja padi, kepada nelayan bantuan musim tengkujuh dan elaun kepada pekebun kecil getah terutamanya yang sebelum ini tidak pernah dibuat, maka pada tahun 2017 ini, diberikan insentif oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin menyentuh Kementerian Pengangkutan khususnya berhubung dengan cadangan kerajaan hasil daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China baru-baru ini. Hasilnya salah satu daripadanya mewujudkan projek *rail* baru *East Coast Rail Line* (ECRL) melewati kawasan Pantai Timur.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan setinggi-tingginya kepada kerajaan yang akan melaksanakan projek ini, yang bakal menghubungkan Lembah Klang ke Pantai Timur, sepanjang lebih kurang 600 kilometer sehingga ke Port Klang, ITT Gombak, Bentong, Mentakab, Kuantan, Kemaman, Keroh, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Tumpat dengan anggaran kos RM55 bilion. Ini yang pastinya memberi impak yang positif dan berganda terhadap sektor ekonomi dan sosial bagi penduduk dan rakyat di negeri Terengganu dan juga di negeri-negeri lain sama ada negeri Pahang ataupun negeri Kelantan walaupun tidak diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya pernah menyentuh berkenaan dengan projek kereta api ini pada bajet tahun lepas. Saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu cepat mengambil perjalanan mewujudkan projek ini di negeri Pantai Timur.

Projek ECRL ini telah lama dinantikan oleh rakyat negeri Terengganu kerana untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Terengganu adalah satu-satunya negeri yang tidak ada kemudahan kereta api walaupun satu masa dahulu Terengganu ada kereta api dari Bukit Besi ke Dungun untuk mengangkut hasil-hasil bijih besi itu pergi bawa balik ke negeri Jepun. Datuk Abbas dia tahulah kisah ini. Selain Lebuhraya Pantai Timur (LPT2) dan pengangkutan udara, pengangkutan kereta api ECRL ini menyediakan satu lagi kemudahan pengangkutan alternatif kepada rakyat dengan lebih selesa, selamat dan lebih singkat lagi. Satu masa orang Terengganu panggil kereta api ini ialah kereta lipan fasal dia panjang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) mempunyai keluasan lebih 66,000 kilometer. Yakni lebih kurang ataupun 51 peratus ataupun separuh lebih daripada keluasan Semenanjung Tanah Melayu. Ia melibatkan negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang serta Mersing iaitu di Johor utara.

Pembangunan infrastruktur adalah penting untuk kemajuan ECER dan kereta api salah satu cara sebagai penggerak utama bagi menghubungkan pusat ekonomi termasuk kawasan perindustrian di Lembah Klang dan Kuala Lumpur. Maka, projek ini merupakan projek yang berimpak tinggi yang akan menjadi tunjang infrastruktur pengangkutan pelbagai mod ECER dan seterusnya melengkapkan infrastruktur sedia ada seperti jalan raya, LPT2, laluan timur KTMB dan pelabuhan seperti Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman dan sebagainya.

Lebih daripada itu, projek ECRL ini, akan membuka peluang pembangunan infrastruktur pekerjaan, pelaburan dan pelancongan. Seperti mana menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu menyatakan kerajaan negeri dan rakyat Terengganu amatlah mengalu-alukan projek ECRL ini kerana ia akan menyediakan perhubungan kepada peluang ekonomi yang lebih luas pelbagai sumber dan perdagangan di Lembah Klang malah ke Singapura dan Thailand. Saya percaya satu masa, landasan ECRL ini mungkin akan disambung ke Bangkok, seterusnya ke negeri China.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan projek-projek ini, yakni apakah perancangan kerajaan bagi memastikan projek ini berdaya saing daripada segi perniagaan? Di samping saiznya yang besar sebanyak RM55 bilion, apakah langkah kerajaan untuk memastikan kos projek ini tidak akan membebankan rakyat dan kerajaan pada masa yang akan datang?

Seterusnya, apa langkah bagi memastikan projek-projek ini dapat turut sama di manfaat atau diperoleh oleh kontraktor-kontraktor atau pelaksana-pelaksana tempatan seperti mana kontraktor tempatan sama ada dari negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dan juga termasuklah daripada segi penyertaan dan pemindahan teknologi? Apakah jaminan kerajaan bahawa urusan selanjutnya akan diserahkan kepada rakyat Malaysia dalam menyelenggarakan urusan kereta api ini?

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kerja Raya mengenai Projek LPT3 iaitu sambungan daripada LPT2 sekarang ini iaitu di Gemuruh, Kuala Terengganu atau di Kuala Nerus ke Kelantan yang telah sekian lama dicadang dan diuar-uarkan oleh kerajaan negeri Terengganu. Menurut Menteri Besar Terengganu, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ahmad Razif, projek ini menjadi keperluan utama juga kerana keperluan LPT3 ini amat mendesak berdasarkan kesesakan yang berlaku berikutan pertambahan kenderaan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan terutamanya masa musim-musim perayaan.

Akan tetapi kalau musim tidak perayaan ini ia biasa sahajalah. Pemandu dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu terpaksa menempuh perjalanan sehingga 14 jam berikutan kesesakan laluan bermula dari persimpangan atau di hujung LPT2 ini ke Kota Bharu berbanding hanya tujuh ke-lapan jam pada waktu biasa.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, apakah status atau kemajuan cadangan Projek LPT3 ini? Adakah kerajaan telah menjalankan kajian kemungkinan secara terperinci bagi Projek LPT3 ini berkenaan khususnya daripada segi jajaran dan kos? Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan terlebih dahulu LPT3 dari Gemuruh ke Jerneh atau ke Besut seperti mana yang telah saya cadangkan kepada bajet yang lepas, ia membabitkan kos sebanyak RM1.4 bilion?

Ini merupakan ada dua lagi Parlimen di negeri Terengganu yang memang tidak ada kemudahan LPT2 ini iaitu Parlimen Besut dan Parlimen Setiu. Kedua-dua Parlimen ini untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat dan kerajaan ialah deposit kepada Barisan Nasional kerana semuanya dimenangi oleh Barisan Nasional sama ada Parlimen ataupun DUN. Wajarlah kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat permohonan ataupun ucapan saya ini bagi menyambung lebuh raya dari Gemuruh sekarang ini ke sekurang-kurangnya ke Jerneh atau ke sempadan negeri Kelantan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan LPT2 ini mengenai tuntutan bayaran konsesi sebanyak 40 peratus daripada PLUS Malaysia Berhad ataupun syarikat konsesi yang dapat itu untuk kutipan tol di LPT2 oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

■1630

Adalah penting bagi Kerajaan Negeri Terengganu mendapatkan bayaran balik konsesi ini bagi membiayai projek LPT3 dari Gemuruh-Jerteh seperti mana yang disebutkan tadi anggaran RM1.4 bilion kerana dalam pelaksanaan LPT2 dulu, sebahagian besar duit daripada dana khas Kerajaan Persekutuan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya ingin menyentuh berhubung dengan kementerian ini ialah pendapatan yang dapat ialah RM4.4 bilion, besar juga. Berhubung dengan pertanian ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan pengeluaran pertanian negara. Hasrat kerajaan ialah untuk menambah dan meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara, hasil makanan seperti padi, sayuran, buah-buahan, ayam, daging dan tenusu.

Dasar Jaminan Bekalan Makanan ini, DJBN telah dilaksanakan semenjak tahun 2008 lagi. Antara matlamat ialah meningkatkan pengeluaran dan produktiviti sektor agromakanan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang telah berjaya meningkatkan pengeluaran padi daripada 2.6 juta tan metrik pada tahun 2013 kepada 2.9 juta tan metrik pada 2014, 3.1 juta tan metrik pada 2015, 3.3 juta tan metrik pada 2016 dan dijangka meningkat kepada 3.5 juta tan metrik pada tahun 2017.

Namun jumlah ini masih belum mencapai tahap sara diri, tidak cukup lagi kerana beras tempatan hanya disasarkan pada kadar 85 peratus menjelang tahun 2020. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk membuka atau memajukan lagi jelapang padi baru khususnya di negeri Terengganu bagi meningkatkan pengeluaran padi negara kerana negeri Terengganu memang salah satunya memang ada lagi tanah-tanah yang sesuai untuk dibuat jelapang padi.

Setakat mana bekalan makanan seperti beras, sayuran dan buah-buahan, ayam, telur dan daging telah mencapai tahap sara diri. Mengapa harga ayam dan telur ayam terus meningkat sedangkan pengeluaran ayam dan telur ayam negara dikatakan mencukupi, malah sehingga ke peringkat boleh dieksport. Negara mengimport lebih tiga juta tan metrik jagung dengan nilai RM3 bilion setahun. Apa langkah kerajaan bagi memajukan tanaman jagung di negara ini, dan setakat mana kejayaan yang telah dicapai bagi mengurangkan import jagung ini.

Berhubung dengan pertanian ini juga, saya ingin menyentuh program Agropreneur yang mendapat peruntukan sebanyak RM100 juta. Tiga ribu orang usahawan tani muda yang terlibat dalam pengeluaran hasil tani. Program ini amat menarik bagi mewujudkan pelapis dalam sektor pertanian melalui penyeliaan program secara berpakej mencakupi aspek latihan, pembangunan perniagaan dan keusahawanan, penyediaan tapak projek atau premis perniagaan, promosi dan pemasaran serta pembiayaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, bilangan usahawan di bawah program Agropreneur ini yang telah berjaya dilahirkan dan dibangunkan sehingga kini termasuk daripada kalangan siswazah. Setakat mana sokongan kerajaan negeri-negeri bagi menyediakan tapak bagi projek di bawah program Agropreneur ini. Sejauh mana program ini berjaya menyumbang dan meningkatkan hasil pengeluaran pertanian dan makanan negara khususnya bagi mengurangkan import makanan negara.

Sejauh mana FAMA telah memainkan peranan yang berkesan bagi pemasaran hasil pertanian di dalam negara termasuklah bagi memastikan harga yang tidak membebankan rakyat terutamanya semasa musim-musim buah duku, buah dokong, buah durian, rambutan dan sebagainya. Kalau musim buah ini, memang tidak ada harga, murah. Kalau di Terengganu, buah dokong, buah duku baru ini tidak laku, tidak boleh nak jual pada musim-musim tersebut. Walaupun hasilnya banyak tetapi kita tidak boleh memasarkan hasil pengeluaran petani-petani ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik langkah kerajaan untuk menggalakkan pengeluaran madu kelulut dan kelapa sebagaimana yang disarankan dalam Bajet 2017. Kedua-dua bidang pertanian ini amat berpotensi untuk dimajukan di negeri Terengganu ini khususnya. Yang Berhormat Isa ini pandai juga, dia tahu hal berkaitan dengan madu kelulut ini. Dia pernah beri saya madu kelulut ini, dia kata *power* lebih.

Begitu juga penanaman kelapa pandan dan kelapa matag. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, apakah langkah kerajaan bagi membangunkan kedua-dua bidang pertanian ini khususnya di Terengganu? Saya difahamkan, pada masa kini agak sukar untuk mendapat benih pokok kelapa matag di Terengganu. Apakah langkah kerajaan bagi memastikan bekalan benih kelapa matag mudah diperolehi?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah Kementerian Pengajian Tinggi. Saya ingin menyentuh tentang pengajian tinggi ini ialah saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meningkatkan institusi pengajian tinggi ke taraf global dengan peruntukan RM7.4 bilion. Kalau dulu universiti ini ada sebuah sahaja iaitu Universiti Malaya, sekarang ini sudah ada 22 buah universiti awam dan beratus-ratus buah universiti swasta di negara kita ini.

Berhubung dengan pengajian tinggi ini, saya turut berbangga dengan UiTM salah satunya yang diasaskan oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein daripada Bangsa Melayu dan bumiputera yang telah menyambut ulang tahun ke-60 pada Oktober lalu serta telah berjaya melahirkan hampir 700,000 orang graduan dalam pelbagai bidang.

Kejayaan ini bukan sahaja merupakan pencapaian akademik individu semata-mata malah ia secara langsung mahupun tidak langsung telah berjaya menaik taraf dan mengubah imej kaum bumiputera yang merupakan satu transformasi yang sangat berjaya, transformasi sosioekonomi bumiputera dan juga merupakan kejayaan kerajaan dalam mentransformasikan pendidikan negara di negara kita ini.

Berhubung dengan UiTM ini juga, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi mengenai kenaikan yuran untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Undang-undang (BLS), Pengajian Luar Kampus (PLK) UiTM yang telah dinaikkan sebanyak 20 peratus mulai sesi Oktober 2016 yang baru lalu iaitu sebanyak RM20 bagi setiap jam kredit menjadikan kenaikan yuran daripada RM100 setiap jam kredit kepada RM120 jam kredit. Ini menyebabkan kenaikan yuran setiap pelajar sebanyak RM240 sehingga RM300.

Saya difahamkan kerajaan dan KPT telah mengarahkan setiap universiti awam tidak menaikkan yuran untuk ijazah pertama buat masa ini bagi membantu pelajar daripada segi mengurangkan kos sara hidup dalam keadaan kos sara hidup yang semakin meningkat ini. Bagaimanapun dalam keadaan pendapatan yang tertekan ini, wajarkah UiTM menaikkan yuran pengajian tersebut, dan saya ingin mendapat penjelasan, kenapa UiTM menaikkan yuran pengajian ini, dan apakah UiTM tidak ada memaklumkan terlebih dahulu kenaikan ini kepada pihak kerajaan ataupun kepada kementerian KPT?

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

■1640

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, pada hemat saya, sepatutnya dalam keadaan sekarang, kerajaan sepatutnya membantu pelajar-pelajar, dan memang kerajaan sentiasa membantu pelajar-pelajar, khususnya pengajian luar kampus kerana kebanyakan pelajar ini berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan dan terpaksa menanggung perbelanjaan pengangkutan dan penginapan kerana terdapat ramai di kalangan pelajar ini adalah sejauh dari Perlis, Johor, Kuching ataupun Kota Kinabalu.

Tindakan menaikkan yuran ini juga telah menambahkan lagi beban kepada pelajar-pelajar. Oleh itu, apakah tindakan KPT bagi menangani isu kenaikan yuran pengajian luar kampus ini?

Seterusnya saya mengalu-alukan langkah kerajaan berhubung dengan cadangan untuk menghargai khidmat bakti dan jasa penjawat awam dalam kemudahan cuti belajar bergaji penuh seperti dibentangkan dalam bajet yang lalu.

Saya memohon kerajaan khususnya JPA dan jabatan-jabatan berkanun serta pihak berkuasa tempatan (PBT), majlis agama Islam dan sebagainya menimbangkan penjawat awam yang menyambung pengajian dari Sarjana Muda Pengajian Undang-undang UiTM ke Sarjana Muda Undang-undang LLB UiTM diberikan pertimbangan kemudahan cuti belajar bergaji penuh bagi tempoh satu tahun pengajian.

Kemudahan ini diharapkan bukan sahaja kepada kumpulan pengurusan dan profesional yakni Gred 41 tetapi juga kepada kumpulan sokongan Gred 27, atau 29, kerana tempoh pengajian hanya setahun sahaja. Ini menjimatkan perbelanjaan kerajaan berbanding jika menanggung penjawat-penjawat awam yang terpaksa mengikuti pengajian undang-undang selama empat tahun.

Cara ini juga akan melahirkan segera kumpulan profesional undang-undang Bumiputera dengan lebih ramai lagi. Tambahan pula, adalah sukar untuk penjawat awam ini mengikuti pengajian LLB kerana pengajian ini dijalankan secara sepenuh masa dan memerlukan mereka cuti belajar tanpa gaji. Sedangkan, kebanyakan penjawat awam ini sudah pun mempunyai komitmen kewangan seperti pinjaman perumahan, pinjaman kereta serta perbelanjaan keluarga.

Seterusnya ialah Kementerian Luar Negeri. Saya ingin menyentuh tentang kementerian ini berhubung dengan Program Hal Ehwal Pelbagai Hala yang hanya menerima peruntukan sebanyak RM5.7 juta sahaja berbanding RM36.7 juta pada tahun 2016 dan RM72.8 juta pada tahun 2015. Satu penurunan yang amat ketara sekali. Sedangkan, peranan Malaysia begitu penting dalam memupuk dan meningkatkan kerjasama pelbagai hala dengan negara asing, pertumbuhan serantau dan perubahan antarabangsa dalam bidang politik, hak asasi manusia, ekonomi, sosial dan sebagainya.

Dalam Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dan Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8), saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, mengapakah peruntukan untuk program ini dikurangkan begitu drastik? Dan sejauh manakah pengurangan peruntukan ini memberi kesan kepada Program Hal Ehwal Pelbagai Hala yang melibatkan negara kita?

Malaysia juga telah memainkan peranan yang penting dalam membantu penduduk Islam di selatan Thailand dan Kepulauan Mindanao. Rakyat Malaysia amat dikenali sebagai penyumbang pelbagai gerakan kebajikan di *Cambodia*. Malaysia pernah dianggap penyumbang utama kepada masyarakat Palestin dan Syria.

Berhubung dengan Palestin, hubungan Malaysia adalah akrab. Namun, Resolusi 181 yang diluluskan pada tahun 1947 oleh PBB untuk membuat persempadanan khusus untuk Palestin masih gagal untuk dilaksanakan. Kerajaan Israel terus berdegil dengan membina penempatan haram di Tebing Barat yang dianggarkan lebih 11,000 semenjak tahun 2009 hingga 2015.

Lebih mengecewakan lagi apabila lebih 1,400 orang penduduk Palestin sekarang ini hilang tempat tinggal di Tebing Barat apabila kediaman mereka telah dirobohkan. Bagi tahun 2016 ini, Israel dijangka membina 1,000 unit lagi penempatan haram di Tebing Barat. Tembok pemisah juga telah dibina di sekitar Palestin dengan alasan untuk mengekang ancaman keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dianggap penyumbang penting kepada rakyat Palestin, bukan sahaja dari kerajaan tetapi juga badan bukan kerajaan (NGO). Walau bagaimanapun, terdapat rungutan dari masyarakat Palestin tentang bantuan ini yang tidak sampai kepada rakyat Palestin terutamanya di Gaza.

Saya ingin mendapat penjelasan, sejauh manakah bantuan-bantuan dari Kerajaan Malaysia dan NGO kepada masyarakat Palestin ini diselaraskan bagi memastikan sumbangan-sumbangan ini benar-benar sampai bagi membantu rakyat Palestin? Adakah bantuan lain selain kewangan kepada rakyat Palestin khususnya wanita, kanak-kanak dan belia Palestin dalam membina hidup masa depan mereka termasuk pendidikan, latihan dan kem pelarian? Apakah langkah dan tindakan diplomat Malaysia bagi membela rakyat Palestin ini? Dan apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Kedutaan Malaysia di Palestin?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan pesan Sheikh Yusuf yakni Ketua Imam Masjidil Aqsa yang fasih berbahasa Melayu. Ini orang Arab.

Beliau menyatakan umat Islam yang telah sempurna menziarahi Baitullah di Mekah dan di Masjid Nabawi di Madinah adalah wajib mengunjungi Baitulmaqdis jika berkemampuan kerana Masjidil Aqsa kiblat pertama umat Islam dan menjadi masjid ketiga suci bagi umat Islam serta bagi membuktikan sokongan kepada perjuangan Palestin.

Israel memang menyekat dan mengehadkan rakyat Palestin daripada mengerjakan solat di Masjidil Aqsa tetapi memberi kebenaran dan kebebasan kepada umat Islam seluruh dunia untuk ziarah dan solat di Masjidil Aqsa kerana tidak mahu dikecam oleh masyarakat antarabangsa. Lawatan masyarakat Islam ke Masjidil Aqsa sedikit sebanyak akan memberikan tekanan antarabangsa kepada rejim Israel ini.

Berhubung dengan Kementerian Luar Negara ini juga, saya ingin menyentuh berhubung dengan isu etnik Rohingya di Myanmar di mana pada hari semalam telah pun diadakan suatu himpunan solidariti rakyat Malaysia turut menyokong etnik Rohingya ini di mana rakyat Rohingya ini diperlakukan dengan kejam dan zalim oleh rejim Myanmar. Etnik Rohingya yang beragama Islam ini bukan sahaja dipukul, dibunuh malah wanitanya dirogol, rumah-rumah ibadat, masjid, rumah ibadat orang Islam dan rumah kediaman dibakar memaksa etnik Rohingya ini tidur di dalam parit yang ditutupalang kering dan tiada makanan.

Lebih 100,000 orang telah terbunuh dan 300,000 lagi diburu oleh tentera-tentera Myanmar untuk melarikan diri, untuk keluar daripada negara Myanmar. Malaysia dan Indonesia telah menjadi tempat pelarian rakyat Rohingya ini. Ini menjadi suatu masalah kepada negara kita juga.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apa dan sejauh manakah, langkah-langkah diplomatik dan tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan terutamanya melalui Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), ASEAN, PBB bagi mengatasi ataupun mendesak Kerajaan Myanmar ini menghentikan kekejamannya terhadap etnik Rohingya? Apakah langkah kerajaan bagi membantu dan menyelamatkan etnik Rohingya ini?

Seterusnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin menyentuh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhubung dengan langkah kerajaan untuk melindungi kumpulan yang dianggap mudah terjejas iaitu kumpulan warga emas. Bajet 2017 memperuntukkan RM424 juta yang akan dimanfaatkan bagi seramai 120,000 orang warga emas.

Berhubung dengan warga emas ini, saya ingin membangkitkan, pertama, menyentuh program warga emas berdasarkan prestasi aktiviti. Bilangan warga emas ini di institut penjagaan dan perlindungan diuruskan seramai 1,750 pada tahun 2014, seramai 1,886 pada tahun 2016 dan seramai 1,936 pada tahun 2017.

■1650

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung dengan pusat penjagaan warga emas atau institusi untuk menempatkan warga emas yang kini berjumlah 9 buah daripada segi lokasi dan pusat penjagaan warga emas ini. Saya difahamkan kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan institusi untuk menempatkan warga emas ini sedangkan jumlah warga emas yang memerlukan pusat ini adalah bertambah dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan warga emas juga, saya ingin menyentuh berdasarkan prestasi aktiviti bilangan kemasukan warga emas ke institut penjagaan dan perlindungan diurus sebanyak 610 pada tahun 2014, 149 pada tahun 2015, 170 pada tahun 2016 dan dianggarkan 220 pada tahun 2017.

Dalam anggaran perbelanjaan Bajet 2016 lalu, dianggarkan pada tahun 2017 seramai 700 orang akan dimasukkan warga emas ke institut penjagaan dan perlindungan tetapi bilangannya merosot pada hanya 149 orang sahaja pada tahun tersebut. Tahun 2014, bilangan yang memasuki institut penjagaan dan perlindungan adalah seramai 610 orang. Saya ingin mendapat penjelasan punca pengurangan warga emas yang memasuki institut penjagaan dan perlindungan yang begitu ketara sekali.

Akhirnya berhubung dengan warga emas ini, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan warga emas yang terdapat di negara ini terkini.

Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sejauh mana atau setakat manakah pangkalan data mengenai warga emas telah disediakan dengan profil yang lengkap daripada segi sosioekonomi dan sebagainya.

Akhirnya saya ingin menyentuh mengenai Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan urusan haji dan umrah khususnya mengenai langkah Kerajaan Arab Saudi yang baru ini menjadi isu menaikkan kadar visa bagi umat Islam yang akan mengerjakan ibadat haji dan juga umrah iaitu sebanyak SAR2,000, RM2,100 dikenakan ke atas kesemua jemaah. Selain itu bayaran visa pelbagai kemasukan bagi tempoh enam bulan pula berjumlah RM3,326. Manakala untuk tempoh setahun adalah sebanyak SAR5,000 ataupun RM5,377. SAR8,000 atau RM8,603 untuk tempoh dua tahun. Walau bagaimanapun, pengunjung yang kali pertama memasuki Arab Saudi untuk menunaikan haji atau umrah dikecualikan daripada caj atau kenaikan tersebut.

Saya difahamkan ada agensi pelancongan ataupun ejen-ejen umrah ini yang telah pun mengenakan bayaran visa sebanyak RM2,250 bagi jemaah yang menunaikan umrah bagi kali kedua pada November tahun ini. Bagaimanapun, saya difahamkan Kerajaan Arab Saudi sebenarnya masih lagi belum mengenakan bayaran visa ini. Persoalannya ialah sejauh manakah isu ini benar sama ada Kerajaan Arab Saudi telah menaikkan yuran ini ataupun belum lagi. Saya ingin juga mendapatkan penjelasan kerajaan termasuk Arab Saudi kedudukan sebenar bayaran visa ini sama ada dikenakan ataupun tidak pada masa ini ataupun pada masa yang akan datang.

Berhubung dengan urusan haji dan umrah ini, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan melalui Tabung Haji mengenai syarikat-syarikat atau agensi pelancongan yang menguruskan urusan haji dan umrah serta bayaran yang dikenakan. Saya pernah tengok televisyen dalam persidangan yang lepas, persidangan Dewan Rakyat memang disebut oleh Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri iaitu kalau kurang daripada RM5,000 itu maknanya tidak betullah.

Berhubung dengan urusan haji ini, saya juga ingin mendapat penjelasan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bilangan kes penipuan syarikat agensi pelancongan yang menguruskan urusan haji dan umrah ini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah kebenaran terdapatnya agensi pelancongan yang mengenakan visa seperti mana yang disebut tadi iaitu RM2,250 kepada jemaah yang mengerjakan umrah.

Akhir kalam, saya ingin menyatakan bahawa kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak terus difitnah dengan menyatakan kerajaan ini akan bankrap atau muflis malah dikatakan Malaysia sebagai negara yang gagal sedangkan ekonomi Malaysia terus berkembang pada 4.1 peratus dan dijangka akan terus berkembang antara 4 hingga 4.5 peratus pada tahun 2016 dan empat peratus hingga lima peratus pada tahun 2017. Ia telah mendapat penarafan antarabangsa dalam kategori 'A-', Yang Berhormat Abdullah ya. Malah Malaysia juga mendapat penarafan yang tinggi daripada agensi penarafan antarabangsa. Ini membuktikan segala tuduhan itu fitnah bermotifkan politik. Bankrap idea.

Akhirnya saya mengharapkan segala perancangan dan strategi di dalam Bajet 2017 ini akan dapat dilaksanakan dengan lancar, amanah dan bertanggungjawab serta mengurangkan ketirisan supaya dapat memberi manfaat kepada semua lapisan rakyat tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik supaya bersama-sama dengan kerajaan untuk membina negara bangsa Malaysia yang maju, berwibawa dan cemerlang serta terbilang. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan. Silakan.

4.57 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan tahun 2017.

Ini kali yang keempat saya mengambil bahagian dalam perbincangan bajet dan seperti tahun-tahun sebelum ini, saya akan memberi sedikit pandangan dengan harapan bahawa kerajaan akan mengambil serius terhadap komen-komen tersebut.

Kebanyakan isu yang sebenarnya saya berhasrat untuk bangkitkan telah pun dibangkitkan di Dewan Rakyat oleh Ahli-ahli sebelum ini. Jadi saya akan fokus hanya kepada tiga isu atau empat isu. Sebahagian besar saya akan fokus kepada hal ehwal berkaitan dengan buruh atau *labor related matters*, dengan izin, tetapi sebelum itu saya ada dua komen.

Satu, yang saya pernah buat tiap-tiap tahun berkenaan dengan ketidakseimbangan antara perbelanjaan mengurus dengan *development expenditure*. Kalau kita tengok. Kalau kita tengok bajet pada tahun ini, jumlah anggaran perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM262.8 bilion dan daripada jumlah ini, sebanyak RM214.8 bilion atau 81.7 peratus adalah untuk perbelanjaan mengurus. Manakala hanya 18.3 peratus adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Saya pernah membangkitkan isu ini pada tahun lepas. Isunya adalah pada saya nisbah ini amat merunsingkan kerana nisbah yang selalu digunakan oleh negara-negara yang membangun adalah 60:40. Sebanyak 60 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan 40 peratus untuk perbelanjaan pembangunan. Pada saya, isu ketidakseimbangan ini bukan satu perkara yang baru.

Sebenarnya kalau kita kaji balik semua bajet yang dibentangkan dari tahun 2010 sehingga sekarang, kita tengok satu trend yang sama. Cuma yang berbeza adalah daripada segi peratusan. Pada saya, trend ini satu trend yang tidak baik pada saya. Kalau diteruskan, akan menjejaskan wawasan negara untuk menjadi satu buah negara maju menjelang tahun 2020. Itu komen bagi isu yang pertama.

Kedua, berkenaan dengan hutang negara. Sebenarnya pasal hutang negara, pada mulanya saya berhasrat untuk cerita lain tetapi apabila mendengar isu hutang negara yang dibangkitkan sekarang, saya ada satu atau dua komen.

■1700

Kalau kita tengok hutang negara, isu hutang negara ini sebenarnya satu *subjective* punya *matter*, dengan izin. Sebagai contohnya, banyak *argument*. Apa sepatutnya paras yang boleh *maintain* atau *sustainability level*, dan sebagainya. IMF pendirian lain, *World Bank* pendirian lain, banyak-banyak pandangan. Begitu juga isu sama ada hutang negara terlalu tinggi akan menyebabkan *inflationary pressure* ataupun menyebabkan *debts* itu supaya kena ditanggung oleh anak-anak kita dan sebagainya. Banyak *argument*. Ada yang cakap *no such thing*, ada yang cakap implikasi dia banyak.

Akan tetapi balik kepada hutang negara, saya setuju kalau kita banding dengan negara-negara lain. *Ratio* hutang negara Malaysia sebanyak 54 peratus *on a GDP*. Itu betul dan kalau kita banding dengan banyak negara yang lain contoh *Japan*. *Japan* sebenarnya bukan 100 lebih peratus tetapi saya ingat 240 peratus kalau tak salah sekarang. *Japan*, Amerika Syarikat, termasuk *Singapore higher than Malaysia* punya kadar.

Lepas perbincangan Yang Berhormat tadi, saya ambil sedikit maklumat termasuk Cape Verde, Cape Verde itu tinggi sebanyak 120 peratus. *Singapore 98 percents ratio of GDP*. *Asian* punya negara, kebanyakan *Asian* punya negara *higher than Malaysia*. Negara yang *lower than Malaysia* punya *ratio* cuma *Vietnam, Philippines, Laos* dan *Thailand* termasuk negara China.

Akan tetapi apa yang pada saya apa yang jadi isu dalam hutang negara ialah *to whom do we owe this money*, kepada siapa kita hutang duit ini. Contohnya, dia peminjam itu boleh jadi domestik punya peminjam atau *international* punya peminjam. Kita ambil *Japan*, dia punya *ratio* pada bulan lepas 240 peratus tetapi hampir 85 peratus daripada pinjaman dia *domestic debts*. Dia kena bayar balik kepada dia punya orang. *In the instance of Japan* kepada dia punya *postal department* kalau tidak salah 60 peratus. So, pembayaran balik itu pergi balik kepada orang dalam negeri.

Akan tetapi apa saya runding dalam isu *national debt* di Malaysia ialah kalau kita ambil trend di Malaysia. Pada masa sekarang trend di Malaysia 54 peratus bukan satu *figure* yang betul-betul yang betul boleh menakutkan kalau kita banding dengan lain-lain negara.

Begitu juga dengan peratusan berapa banyak *domestic debts* dengan berapa banyak *foreign debts*. Kalau kita ambil Malaysia pada tahun 2005, kalau tidak salah pada tahun 2005, peratusan hutang *external debts* daripada jumlah itu hanya lapan peratus. Akan tetapi sekarang sudah meningkat ke-25 peratus daripada segi *ratio* antara *foreign debts* dengan *local debts*.

So pada saya, itu jadi isu. Pasal kalau kita tengok trend bukan sahaja jumlah *foreign debts* atau *national debts* itu meningkat, tetapi *the type of debts* antara *domestic debts* dengan *foreign debts* juga sedang meningkat kepada *foreign debts*. Ini kalau baca, kalau kita dengar masa pembentangan belanjawan pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun pernah cakap dia ambil *foreign funding* untuk *finance* beberapa projek.

Kalau kita tengok daripada segi peratusan apa cakap dia meningkat, contoh pada tahun 2009, kita punya hutang negara setakat RM376 bilion, tetapi sekarang sedang meningkat sehingga RM655 bilion. Mengikut IMF menjelang 2017, mungkin RM780 bilion. Isu saya ini ialah seperti yang dibangkitkan tadi. Jadi pada saya, saya tengok mungkin *situation* itu tidak akan berubah walaupun saya akui apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi daripada segi kadar pertumbuhan KDNK, Malaysia ini masih *maintain* empat peratus dan ramalan adalah sehingga 4.5 peratus. Akan tetapi Bank Dunia pada dua bulan sebelum ini telah menurunkan global GDP *rate* ke-2 *percent*, hanya kita masih *maintain* sebagai 4.5 *percent*.

Isu dia ini, isu saya ini ialah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi *high income Malaysian*. Pada saya kalau hutang negara terus meningkat, sudah tentu mustahil untuk kita mencapai status negara berpendapatan tinggi. Sebenarnya kalau kita baca laporan-laporan dari Bank Dunia, *the latest World Bank report*, dia cakap ikut trend sekarang, ekonomi Malaysia lebih cenderung untuk kita terperangkap dalam *middle income trap*. Itu isu saya berkenaan *national debts*, dua aspek. Satu daripada segi jumlah dia sedang meningkat, lagi satu daripada segi kepada siapa yang kita hutang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada tajuk yang sebenarnya berkenaan hal ehwal buruh. Sebenarnya berkaitan dengan hal ehwal buruh, ini juga akan menunjukkan berapa rapuhnya ekonomi kita sekarang. Kalau kita tengok daripada segi angka-angka yang saya akan beri. Pada saya, keadaan ini akibat dari *lopsided policy* di mana kita akan tengok yang akan menguntungkan satu *selective few at the expense of the majority*.

Berkenaan dengan hal ehwal buruh, saya ada tiga isu yang saya hendak bangkitkan. Isu yang pertama adalah berkenaan dengan kadar pemberhentian pekerja. Pada saya, kadar pemberhentian pekerja sekarang adalah tinggi. Menurut MEF sepanjang tahun ini, sejumlah 31,476 orang pekerja telah diberhentikan kerja setakat bulan September. Kita nampak 31,000 macam bukan besar, tetapi sebenarnya 31,000 ini satu angka yang tinggi kalau kita bandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini. Contohnya pada keseluruhan 2015, jumlah pekerja yang diberhentikan adalah kurang daripada 39,000. Sekarang sehingga bulan September sudah sampai 31,000. Kalau trend ini meneruskan diramalkan, ini mengikut MEF punya ramalan, *employer* punya ramalan pasal dia cakap biasanya pemberhentian ini tinggi pada bulan Disember supaya tidak hendak bayar bonus dan sebagainya. Diramalkan dia akan sampai *level* 45,000 orang pekerja.

Now, apakah isu saya berkenaan dengan ini. Isu saya ialah berkenaan pada saya, terdapat dua kegagalan daripada aspek kerajaan. Pertama ialah kelewatan atau keengganan untuk melaksanakan skim insurans pekerjaan, *employment insurance scheme*. Sebenarnya skim ini, saya menimbulkan isu ini pada perbincangan bajet ialah kerana skim ini pada mulanya diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2015 pada bulan Oktober 2014. Sudah dua tahun sampai sekarang, skim ini masih belum dilaksanakan. Sejak itu banyak yang telah kita dengar daripada Menteri akan dilaksanakan dan sebagainya.

Akan tetapi sehingga kini, masih belum dilaksanakan. Alasan terakhir dari Kementerian Sumber Manusia ialah lebih banyak kajian diperlu. Pada saya, saya rasa dua tahun sudah cukup untuk membuat kajian. Itu kegagalan yang pertama. Sebenarnya pada saya sebab kita tahu pihak majikan kurang minat dengan skim ini pasal dia akan menambah dia punya kos. Pada saya, saya rasa kerajaan tidak mempunyai *political will to push this whole thing scheme* ini. Itu kegagalan pertama berkenaan dengan pemberhentian pekerja.

Isu yang kedua pada saya daripada aspek kegagalan memberi perlindungan kepada pekerja ialah daripada aspek ketiadaan perlindungan undang-undang untuk sebahagian besar pekerja yang diberhentikan. Pada masa ini kalau kita tengok pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja dapat perlindungan di bawah Akta Kerja 1955. Akan tetapi Akta Kerja ini tidak melindungi semua kategori pekerja, hanya mereka yang dianggap sebagai *within the scope of* akta itu dapat perlindungan.

■1710

Kalau kita tengok pada tahun lepas yang 39,000 orang pekerja yang diberhentikan, 48 peratus itu datang daripada kategori pekerja yang tidak dilindungi oleh mana-mana akta. *That means*, kalau pekerja yang dilindungi di bawah akta pekerjaan, kalau di berhenti kerja akan dapat sedikit pampasan berdasarkan pada tempoh perkhidmatan dia dan jumlah gaji terakhir dia. Akan tetapi pekerja yang tidak diliputi oleh akta itu tidak akan dapat daripada segi undang-undang. Tidak akan dapat sebarang pampasan kecuali terkandung dalam dia punya *employment letter*. *Now*, kenapakah berlaku kegagalan ini?

Pada saya, kegagalan ini berlaku kerana Malaysia, kerajaan sekarang ini masih belum meratifikasi konvensyen ILO-ILO yang berkenaan. Contohnya, Malaysia sampai sekarang, kita belum meratifikasi *Termination of Employment, Recommendation 158*, dan juga *Termination of Employment, Convention 166*. Sehingga sekarang, kita belum lagi *ratify*. Biasanya kalau kita *ratify*, kerajaan akan ambil tindakan susulan untuk menggubal undang-undang untuk melindungi pekerja-pekerja ini.

So, ini dua isu. Jadi, dalam isu pemberhentian kerja, saya menyeru pada kerajaan kalau kena melaksanakan skim *employment insurance scheme* dan juga *ratification of the relevant ILO convention* dengan secepat mungkin. Pada saya, lebih elok dengan kadar segera. Itu satu. Berkenaan dengan hal ehwal buruh. Kedua, berkenaan dengan hal ehwal buruh ialah isu kadar pengangguran. Kadar pengangguran ini bukan semata kadar pengangguran biasa tetapi saya hendak fokus kepada kadar pengangguran belia. Kalau kita- ini berdasarkan data-data dari Jabatan Statistik Malaysia, Jabatan Perangkaan.

Kalau kita tengok kadar pengangguran pada bulan September, 3.5 peratus dan ada diramalkan mungkin *annual rate* akan sampai empat peratus. Ini pun *argument-arguable*, banyak orang cakap 3.5 hingga *four percent*. Boleh dianggap sebagai satu kadar yang biasa. Akan tetapi apa yang saya hendak fokus ialah macam saya cakap tadi isu pengangguran belia. Dalam aspek ini, kalau kita ambil statistik 3.5 peratus ini, kita pecah ikut kategori umur. Kita nampak bahawa kadar pengangguran belia setinggi 9.3 peratus, *almost* dekat 10 peratus kalau kita ambil. Maksud saya ini, antara kategori umur 20 hingga 30 tahun yang diberhentikan bekerja. Ini jadi isu.

Kalau kita tengok daripada segi peratusan orang yang diberhentikan, *unemployed* ialah kategori 20 hingga 30 tahun. Kalau kita baca *economic reports*, tengok dalam *economic reports* tahun 2016 hingga 2017. Bilangan *active jobs seekers* dalam kategori umur kategori 20 hingga 30 tahun adalah yang paling tinggi, seramai 280,000 orang.

So, ini lagi satu isu-isu pengangguran. Pada saya, *unemployment* pada biasanya berlaku kerana terdapat apa yang kita panggil *low job creation rate*. Sama ada daripada segi swasta atau daripada segi kerajaan. Kita tidak mewujudkan secukupnya bilangan kerja. *Of course*, saya akui kita tidak boleh *create 100 percent* supaya semua dapat bekerja. Akan tetapi *I* nak balik kepada *job creation* di Malaysia. Kalau kita masih ingat ETP, Program Transformasi Negara yang dilancarkan pada bulan September 2010. Dia punya *target*..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator. Ya, saya. Duduk sekejap Yang Berhormat Senator. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas sila berikan nama supaya kita boleh agihkan masa yang sepatutnya bagi kepada semualah. Sampai sekarang ini ada lagi hanya satu lagi nama. So, tolong bagi nama supaya kita boleh agihkan masa. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator. Minta maaf.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun akan cuba ringkaskan supaya lagi banyak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator boleh mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Balik kepada *job creation*. Kalau kita tengok kepada *economic transformation plan* yang dilancarkan pada bulan September 2010. Antara lain sasaran *economic transformation plan* ialah untuk mewujudkan 3.3 juta pekerjaan, 10 tahun punya *economic transformation plan*. *That means*, menjelang dari 2010 sehingga 2020, untuk 10 tahun ini *targetnya* sebanyak 3.3 juta pekerjaan. Dari 2010, ini semua daripada sumber *economic transformation plan* punya *report* ya.

Dari tahun 2010 sehingga 2015, lima tahun, bilangan kerja yang telah diwujudkan sebanyak 2.2 juta pekerjaan. Pada saya, ini ialah satu kadar yang betul-betul, *very encouraging*. 60 peratus *you* sudah capai, dalam separuh penggal itu sudah capai 67 peratus. Akan tetapi apa yang menyedihkan ialah dari 2.2 bilion pekerjaan yang diwujudkan ini, sebanyak 370,000 pekerjaan ini diisi oleh pekerja asing. Bukan pekerja tempatan.

Ini kita wujudkan pekerjaan untuk lain orang dan bukan rakyat Malaysia. Terutama, saya harap Yang Berhormat Menteri atau kementerian berkenaan boleh *consider* secara serius, kalau kita pecah mengikut sektor. Kalau kita tengok daripada segi sejak ETP dilancarkan pada 2010. Sejak ETP dilancarkan sehingga hari ini, macam saya cakap tadi, bilangan yang telah diwujudkan ialah 2.2 *million*, diisi oleh 300 lebih ribu pekerjaan asing dan jumlah pekerja asing pun pada tahun 2010 - 1.8 juta.

Sekarang sudah meningkat ke-2.1 juta. So, kita nampak bahawa seolah-olah macam kerja-kerja yang diwujudkan oleh rancangan-rancangan ETP di isikan oleh pekerja asing. Terutama *concern* saya adalah di *manufacturing sector*. Kita akan tengok selepas ini. Kenapa saya fokus kepada *manufacturing sector*. Ini akan pergi kepada isu ketiga saya, berkaitan dengan hal ehwal buruh iaitu bilangan pekerja asing. Pada saya dan saya berpendapat bahawa rakan-rakan saya di sini akan bersetuju dengan saya. Bilangan pekerja asing pada masa kini adalah pada satu tahap yang terlampau tinggi.

Official Kementerian Sumber Manusia punya maklumat dia cakap 2.1 juta pekerja asing. Akan tetapi saya rasa tidak ada siapa pun yang betul-betul tahu bilangan pekerja asing di Malaysia pada masa sekarang. Fasal kalau kita ikut menurut MEF, *latest* MEF punya *report*, ini majikan...

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada rakan Yang Berhormat Senator bercakap tadi bahawa kita ada masalah pengangguran di Malaysia ini. Akan tetapi apabila Yang Berhormat Senator menyatakan soal data daripada segi warga asing dan tempatan, saya tidak nampak soal pengangguran itu menjadi isu di negara ini. Adakah Yang Berhormat Senator bersetuju dengan saya bahawa memang tidak ada faktor pengangguran di negara kita ini? Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Sebenarnya saya tidak setuju. Macam *I* cakap tadi, kalau kita tengok kadar itu, kadar pengangguran 3.5 sehingga mungkin 4 peratus boleh dianggap sebagai satu kadar yang *reasonable level of unemployment* pada mana-mana negara pun. Akan tetapi macam *I* cakap, isunya ialah bila kita pecahkan statistik itu untuk belia, pengangguran belia. Kalangan umur antara 20 sehingga 30 tahun. Di situ kita nampak peratusannya setinggi 9.3 peratus kadar pengangguran. Ini kenapa saya pegang kepada pendirian ada pengangguran, kalau kita banding biasanya daripada segi *labour*, biasanya kalau kita banding *unemployment rate*, kita akan banding dengan *active job seekers*. Kadang-kadang kita punya *unemployment rate* tinggi tetapi orang tidak cari kerja secara aktif. Dia sengaja tidak mahu kerja.

■1720

So, dalam keadaan itu, kita tidak boleh tuduh bahawa ada pengangguran yang tinggi. Akan tetapi dalam isu ini, *unemployment rate* untuk belia dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun adalah 9.3 peratus, awal tahun 2006, bukan *latest figure* tetapi *active job seekers* dalam kalangan dalam kategori umur itu adalah hampir 300,000. Itu isu saya berkenaan dengan kenapa saya berpendapat ada pengangguran yang tinggi.

Ini balik kepada pekerja asing, isu saya macam yang saya cakap tadi, *official figure* kita cakap 2.1 juta tetapi ikut MEF adalah sebanyak- MEF punya *figure* dia cakap 6 juta pekerja asing. Ini termasuk pekerja asing tanpa izin (PATI). Ini kenapa saya cakap ia akan jadi isu dalam sektor *manufacturing*.

Kalau kita tengok macam sejak ETP dalam lima tahun ini, *official figure* telah meningkat dari 1.8 sehingga 2.1 juta. Dari 2.1 juta orang pekerja asing ini, 30 peratus datangnya daripada sektor pembuatan. *The highest* daripada segi sektor, *the highest percentage of foreign workers*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, datangnya daripada sektor pembinaan. Ini daripada segi statistik.

Kalau kita banding sektor ini dengan peratusan yang diberhentikan kerja pada tahun 2016 sehingga sekarang ini, peratusan yang diberhentikan kerja, yang paling tinggi 37 peratus daripada mereka yang diberhentikan kerja itu datangnya daripada sektor pembuatan, dari *manufacturing sector*. So, kita tengok *highest retrenchment rate* berlaku di *manufacturing sector* manakala *highest foreign workers* pun berada dalam *manufacturing sector*, bertambah 300.000. Seolah-olah macam pekerja tempatan diberhentikan, digantikan dengan pekerja asing.

Kalau kita tengok daripada segi statistik, mungkin ini majikannya daripada segi kos mungkin lebih murah pada majikan. Isu saya ialah kalau trend ini berterusan dan saya hendak rujuk kepada rancangan kerajaan, Rancangan Malaysia Kesebelas. Hasrat Rancangan Malaysia Kesebelas ialah pekerja asing tidak boleh melebihi 15 peratus daripada jumlah pekerja. Akan tetapi kalau keadaan ini berterusan, kalau pada saya kita tidak boleh tunggu sampai Rancangan Malaysia Kesebelas pada tahun 2020, kita kena bertindak dengan sekarang. Fasal saya rasa kita tidak ada keistimewaan untuk tunggu sehingga tahun 2020.

Dua lagi isu Tuan Yang di-Pertua. Satu berkenaan dengan- ini kepada tajuk kesihatan awam dan fasal ini tadi Ahli Yang Berhormat ada sebut tentang *housemanship*, tentang kekurangan tempat untuk *housemanship*. Saya akui bahawa kalau kita tengok Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan bajet telah mengumumkan 2,600 jawatan kontrak untuk graduan perubatan dan juga, tetapi pada saya kalau kita tengok daripada segi *announcement*, 2,600 jawatan itu adalah hanya untuk *cohort* ini. Ia bukan satu *permanent allocation*. Ia hanya untuk *cohort* ini kalau kita baca ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia cakap untuk menangani masalah sekarang. So dia *create* jawatan 2,600 jawatan untuk *cohort* ini.

Apakah akan jadi kepada *cohort* selepas ini? Kita akan balik kepada keadaan yang sama. Pada saya, saya rasa keadaan itu akan bertambah buruk fasal kalau kita tengok daripada segi peruntukan untuk Kementerian Kesihatan, kita tengok daripada segi peruntukan Kementerian Kesihatan, bajet dia telah kurang untuk *housemanship* punya peruntukan. So, ini menambahkan masalah daripada segi graduan. Mungkin isu dia disebabkan oleh berlebihan *medical graduate*, terlampau banyak universiti, *whatever the reason*, tetapi pada saya, kita kena *find a solution to this problem*. Tidak bolehlah dia sampai lima tahun dia belajar, selepas itu hendak cari kerja pun tidak boleh dapat kerja. So, itu isu *housemanship*.

Kedua yang dibangkitkan tadi pun berkenaan dengan warga emas ini, yang dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat isu warga emas. Akan tetapi isu warga emas yang dibangkitkan tadi adalah berkaitan dengan jumlah peruntukan di bajet. Isu saya dengan warga emas, saya terima atau mengakui dengan apa yang dicakapkan Yang Berhormat tadi daripada segi bilangan warga emas akan menambah.

Kalau kita tengok unjuran *World Health Organization*, Malaysia akan jadi satu *aging nation* pada tahun 2030. Isu saya ialah *the lack of geriatric facilities* dalam hospital, *public hospital*, dengan izin. Kalau kita tengok sekarang ini dalam *public hospital*, memang tidak ada *geriatric facilities*. Kalau kita tengok dalam pembentangan pun, tidak ada *special allocation* untuk *additional allocation* untuk *geriatric facilities*, kalau tidak salah. Mungkin *figure* itu telah berubah baru-baru ini. Kalau tidak salah, cuma lapan buah hospital sahaja mempunyai kemudahan *geriatric* di seluruh Malaysia. *But I stand to be corrected. This figure could have a change.*

Pada saya isunya ialah kalau kita tengok komitmen kerajaan di Dasar Warga Emas dengan Pelan Tindakan Warga Emas, dasar itu lain, sasaran itu lain. Akan tetapi apabila kita tengok dalam bajet, isunya lain. So, ini berkenaan dengan isu-isu kesihatan. Sebenarnya banyak isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini, dan sebagainya. Saya fokus kepada dua isu ini sahaja, *labour related issues* dengan *health related issues*. Ini kerana isu ini isu yang ada impak secara *direct* kepada rakyat Malaysia, kedua-dua isu, *health facilities* dan sebagainya.

Ini kerana itu saya punya *main issue* tetapi saya cuma hendak bangkitkan dua isu yang menjadi isu di luar sana. Ini berkaitan dengan Kementerian Pendidikan. Saya hendak rujuk kepada dua buah sekolah Tamil. Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Minyak dan Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Bandar Mahkota Cheras. Isu saya ada macam ini. Sebenarnya isu yang berkaitan dengan kedua-dua buah sekolah ini telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini sejak tahun 2014.

Akan tetapi isunya ini, setiap kali saya dapat jawapan yang berlainan. Contohnya, saya bagi contoh sebagai sekolah- ini sudah jadi isu dalam masyarakat kaum India di luar sana fasal pengumuman kementerian telah dikeluarkan dalam surat khabar oleh Menteri tetapi apa yang kita nampak lain. Contoh Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Ladang Minyak, 4 tahun dahulu, Timbalan Perdana Menteri telah buat *ground breaking ceremony*. *Ground breaking* telah sebanyak tiga kali tetapi sekolah masih belum buat. Di Dewan yang mulia ini, saya dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan pada bulan Jun tahun ini bahawa sekolah ini akan selesai pada bulan Mei 2017 tetapi masih tidak ada apa-apa.

Lagi satu, sekolah- Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Bandar Mahkota Cheras, diumumkan kepada macam LPS dia punya jawatankuasa bahawa *ground breaking ceremony* akan dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri pada 14 November tetapi sampai sekarang ditangguhkan. *Paper announce* akan dibuat, *arrangement* semua dibuat, *committee* yang macam JPS dia ada *action committee* sudah umum secara *public* tetapi tiba-tiba apabila *public* pergi sana, tidak ada *ground breaking ceremony*.

Ini semua pengumuman datang dari Kementerian Pendidikan bukan dari *public*. So, soalan saya sekarang, saya hendak tahu dari Kementerian Pendidikan, *what is the real situation?* Kalau *you* ada *problem*, beritahu apa *problem*-nya. Kenapakah tidak boleh buat? Contohnya Ladang Minyak dulu saya tahu *problem*-nya berkaitan dengan tanah.

So, ini isu saya. Kalau saya hendak *once and for all*, saya hendak—*actually* sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini, saya terima jawapan bahawa kerja-kerja pembinaan sudah dimulakan tetapi masa itu masih belum dimulakan. So, saya harap saya boleh dapat jawapan kepada semua isu yang saya menimbulkan ini. Terima kasih atas peluang yang diberi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 5.30. Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 6 Disember 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang]